

DN.24.5.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 24 Mei 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Zainal bin Rampak** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah jumlah pegawai dagang yang dibenarkan memegang jawatan dan bekerja di sesebuah syarikat pelaburan asing yang melabur dan beroperasi di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, pada amnya syarikat-syarikat milikan asing yang melabur di Malaysia dibenarkan menggaji pegawai-pegawai dagang atau dengan izin, *expatriate post* bagi memenuhi jawatan-jawatan pengurusan dan teknikal yang memerlukan kemahiran dan kepakaran khususnya yang tidak dapat dipenuhi oleh rakyat tempatan.

Kerajaan tidak menetapkan bilangannya kerana ini terpulanglah kepada keperluan-keperluan syarikat masing-masing. Di samping itu, syarikat-syarikat asing juga dibenarkan untuk mendapat jawatan-jawatan utama atau *key post*, dengan izin, yang secara hakikinya diisi oleh pegawai dagang bagi menjaga kepentingan pelaburan untuk mereka di negara ini. Pertimbangan dan bilangan bagi pegawai-pegawai dagang akan dibuat berdasarkan kepada kriteria -kriteria berikut:

- (i) syarikat asing yang mempunyai modal berbayar US\$2 juta dan ke atas boleh dibenarkan lima jawatan pegawai dagang termasuk jawatan utama secara automatik. Pegawai dagang tambahan boleh dipertimbangkan atas keperluan;
- (ii) syarikat asing yang mempunyai modal berbayar kurang daripada US\$2 juta atau kurang daripada RM7.6 juta akan diberi pertimbangan berikut iaitu:

- (a) satu jawatan utama akan diluluskan jika modal berbayar adalah sekurang-kurangnya RM500,000;
- (b) sebilangan jawatan pegawai dagang berdasarkan kepada keperluan syarikat sekiranya rakyat tempatan tidak dapat memenuhi jawatan yang memerlukan kemahiran atau kepakaran kursus berkenaan. Sekian.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memang mengakui dan merasakan bahawa kita menggalakkan pelabur-pelabur asing masuk ke negara kita untuk melabur modal mereka. Dengan pelaburan ini ianya akan membawa peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat dalam negara kita.

Persoalan saya, satu, berapa lamakah pegawai dagang ini akan berkhidmat dalam negara kita dan seperti mana Yang Berhormat sedia maklum kerajaan mempunyai satu dasar iaitu *transfer technology*, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh syarikat-syarikat antarabangsa ini bagi menukarkan teknologi mereka kepada rakyat tempatan. Dan yang ketiga, saya melihat kebanyakan syarikat antarabangsa ini walaupun tenaga rakyat kita negara ini mempunyai kepakaran dan kemahiran dan diterima oleh antarabangsa, tetapi kebanyakan syarikat antarabangsa ini hanya mengambil anak tempatan bekerja sebagai pegawai personnel atau personnel manager dan tidak lebih dari itu untuk mengendalikan dengan pekerja-pekerja, bukan berpangkat lebih tinggi walaupun mereka mempunyai kepakaran, kepandaian dan kebolehan dalam mengendalikan sebuah syarikat antarabangsa.

Datuk Fu Ah Kiow: Untuk jawatan utama yang dipegang oleh warga asing biasanya kita tidak ada had tempoh. Bagaimanapun biasanya pegawai utama syarikat asing juga ditukar-tukar mengikut keperluan syarikat berakaitan. Dalam meluluskan permintaan untuk pegawai dagang, kita sentiasa menekankan syarikat-syarikat asing perlu memberi peluang kepada rakyat tempatan dalam mempelajari apa-apa kemahiran pengurusan daripada pegawai-pegawai dagang tersebut. Jadi, kita sentiasa memantau keadaan, dan di mana jawatan tersebut boleh dipenuhi oleh rakyat tempatan maka kita tidak akan melayan permohonan daripada syarikat-syarikat yang berkaitan.

Selama ini walaupun kebanyakan pengurus-pengurus pentadbir jawatannya dipegang oleh rakyat tempatan, tetapi lain-lain bidang seperti bidang teknikal juga

banyak dipegang oleh rakyat tempatan juga. Kita lihat dalam banyak syarikat Multinational Corporation (MNC), dengan izin, ada termasuk GM dan juga MD pun telah dijawat oleh rakyat tempatan. Setakat ini kita anggap bahawa tahap pemindahan dan kemahiran adalah memuaskan. Sekian.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya siapakah yang bertanggungjawab menilai kepakaran kepada pegawai-pegawai dagang dari segi kepakaran mereka. Apakah kepakaran ini benar-benar sukar diperolehi di negara kita dan sampai bilakah pegawai-pegawai dagang perlu bertugas di negara kita. Itu sahaja soalan saya.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, permohonan adalah diproses oleh pegawai-pegawai dari MITI dan juga MIDA dan di situ kita ada kepakaran yang mencukupi untuk memastikan adalah benar bahawa kemahiran yang berkaitan tidak terdapat di kalangan rakyat atau tidak mempunyai bilangan rakyat yang mencukupi untuk mengisi jawatan berkaitan, baru kita meluluskan permohonan tersebut. Sekian.

2. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) rasional mengira yuran penyelenggaraan (maintenance) berdasarkan luasan lantai (built-up area) sedangkan perkhidmatan penyelenggaraan meliputi hanya kawasan di luar unit kediaman; dan
- (b) apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengawal yuran penyelenggaraan serta mengkaji kemungkinan menetapkan yuran penyelenggaraan bagi setiap unit dalam satu-satu projek mengikut lokasi dan bukan sesuka hati pemaju seperti sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) rasional mengira yuran penyelenggaraan berdasarkan luasan lantai, dengan izin, *built-up area* adalah berasaskan kepada Seksyen 36(C) Akta Hakmilik Strata 1985. Akta Hakmilik Strata memperuntukkan kuasa bagi pengiraan kuantum unit-unit syer sementara yang diberikan kepada sesuatu petak atau lot, dengan izin, oleh arkitek pemaju. Unit syer ini akan menentukan perkara-perkara berikut:

- (i) kuasa mengundi pembeli;
 - (ii) amaun yang perlu dibayar oleh pembeli;
- (b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menggubal satu rang undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama di mana sementara penubuhan perbadanan pengurusan di bawah hakmilik strata satu badan pengurusan bersama yang terdiri daripada pemaju dan pembeli-pembeli petak bangunan akan ditubuhkan bagi mengambil alih tanggungjawab menyelenggara dan mengurus bangunan dari pemaju. Melalui badan pengurusan bersama ini, pembeli-pembeli bersama dengan pemaju akan menetapkan yuran penyelenggaraan dan bukan oleh pemaju sahaja yang diamalkan pada masa ini. Sekian, terima kasih.

Puan Jaya Partiban: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya pihak pemaju ataupun yang dikenakan yuran maintenance itu hanya untuk kawasan luar. Tetapi yang saya tanya rasionalnya saya kurang faham, kalau akta itu disebutkan yuran itu dikenakan atau persetujuan ataupun mengikut akta yang ditubuhkan pada tahun 1985 adakah kementerian kaji untuk membawa perubahan mengikut keadaan sekarang. Sebab pada masa sekarang bilangan kondominium ataupun apartment bertambah dan yuran yang dikenakan tidak sesuai sama sekali. Sebab kalau mengikut keadaan, maintenance yang diberi hanya untuk kawalan dan di luar unit sahaja. Tetapi apa yang dikenakan bukanlah satu yang boleh diterima akal. Saya ingin penjelasan. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, bayaran penyelenggaraan (maintenance) adalah bukan sahaja untuk unit sahaja tetapi adalah perkhidmatan penyelenggaraan (maintenance), dengan izin, meliputi perkhidmatan-perkhidmatan lain. Umpamanya, bayaran bagi pengawal keselamatan seluruh kawasan bangunan dan juga bayaran bagi perkhidmatan memungut sampah, bayaran menyapu dan membersihkan kawasan kemudahan bersama, common facilities and services dan juga kalau ada lif, bayaran untuk electricity, perkhidmatan lif, lampu-lampu atau pam yang digunakan bagi kolam renang dan juga bayaran bagi chageman, maintenance chief, dengan izin, di tempat bangunan tersebut, dan juga untuk kakitangan yang

bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan (maintenance). Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana rumah pangsa sama ada murah atau mewah perlu membayar yuran ini dan juga mereka kena bayar cukai pintu dan banyak pihak telah menyatakan kerana yuran yang dibayar untuk penyelenggaraan itu ada termasuk perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh sesuatu pihak berkuasa tempatan, adakah kementerian bercadang untuk mengkaji bagaimana pembayaran untuk kedua-dua ini kerana ia meliputi tanggungjawab yang mungkin bersama supaya penduduk-penduduk itu tidak begitu dibebankan dengan kena membayar dua jenis cukai atau yuran, satu kepada badan ini dan satu lagi kepada PBT kerana kedua-duanya mengutip yuran ini semata-mata untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di sesuatu rumah pangsa sama ada kos mewah atau rendah. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini dan selepas dengar soalan, tidak perlulah kerajaan kaji perkara ini kerana cukai pintu adalah untuk kawasan luar daripada tempat bayaran maintenance kerana maintenance ini dibayar di luar kawasan yang mereka duduki di tempat yang mereka beli. Kalau kita kata rumah pangsa, dia hanya meliputi tempat kawasan yang mereka beli dan maintenance, dengan izin, adalah related hanya kepada perkara-perkara terlibat dalam kawasan rumah pangsa tersebut dan cukai pintu ini adalah di luar kawasan tersebut. Terima kasih.

3. **Puan Hajah Azizah binti Datuk Haji Mohd. Dun** minta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang Kementerian untuk mencapai tahap tiga puluh peratus penglibatan wanita dalam badan pembuat dasar, khususnya dalam Kerajaan.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita telah memperuntukkan tindakan untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pelbagai bidang termasuk perkongsian kuasa dan membuat dasar. Buat masa ini, mengikut makluman dan statistik yang diterima oleh kementerian, wanita dalam perkhidmatan awam iaitu JUSA C ke atas terdiri daripada 15%; pegawai tadbir dan diplomatik (PTD) wanita - 20.87%; wanita dalam politik iaitu menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen hanya 10%; wanita dalam Kerajaan Persekutuan dan negeri

iaitu Ahli Parlimen, Exco dan ADUN hanya 8.51%; wanita sebagai ahli majlis pihak berkuasa tempatan Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan, Pahang, Terengganu dan Pulau Pinang hanya 10.59%.

Antara tindakan yang diambil oleh Kementerian ialah:

- (i) melaksanakan pengurusan sumber manusia bagi menentukan bilangan wanita di peringkat membuat keputusan meningkat dari tahun ke tahun;
- (ii) melaksanakan program latihan bagi wanita dalam bidang kepimpinan, motivasi, keyakinan diri, pengurusan, proses membuat keputusan, pengucapan awam dan lain-lain;
- (iii) mengadakan dasar dan peraturan bagi memastikan setiap badan kerajaan dan bukan kerajaan yang membuat keputusan di pelbagai peringkat mempunyai wakil-wakil wanita; dan
- (iv) mengadakan program *monitoring* atau *coaching*, dengan izin, serta kaunseling antara wanita yang telah berada di peringkat membuat keputusan dengan wanita-wanita yang ada di peringkat lebih rendah.

Tindakan susulan ke atas Pelan Tindakan Wanita itu akan diambil oleh Kementerian ini dengan kerjasama agensi-agensinya pelaksana.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Mudah-mudahan segala usaha akan berjaya. Soalan tambahan saya, memandangkan ini adalah sesuatu yang sudah lama diperjuangkan oleh kaum wanita, adakah Kementerian menentukan tempoh masa untuk mencapai sasaran ini, lima tahun, sepuluh tahun. Kedua, adakah Kementerian merasakan akan menghadapi masalah ataupun halangan-halangan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan 30% ini. Terima kasih.

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kami di Kementerian mempunyai satu sikap yang positif di mana walaupun kita dalam perancangan mengharapkan tahun demi tahun perangkaan yang saya bacakan tadi itu akan kian meningkat. Namun begitu, sebagai satu realiti bahawa kami sudah tentu akan menghadapi beberapa masalah yang utamanya ialah *mind set* ataupun *stereo typing* yang sedia ada di kalangan masyarakat terutamanya dengan kaum-kaum bapa yang memegang tampuk *[Ketawa]* *[Sorak]* kuasa di negara ini.

Namun begitu, di bawah beberapa program kementerian khususnya apa yang dikatakan *gender sensitization* program diharapkan lebih ramai kaum-kaum bapa kita dapat mengalami apa yang dikatakan anjakan paradigma supaya memberi laluan yang lebih kepada wanita-wanita yang mempunyai ilmu, kepakaran, pendidikan dan yang mampu untuk membawa jawatan-jawatan pembuat dasar ini.

Kami di kementerian menaruh harapan yang tinggi bahawa Ahli-ahli Senator akan mengorak langkah dan di tempat masing-masing di syarikat-syarikat ataupun di badan-badan di mana mereka mempunyai kuasa untuk membuat keputusan. Saya amat berharap bahawa mereka akan memberi peluang seluas-luasnya kepada rakan kongsi hidup mereka, kaum wanita.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: [*Ketawa*] Terima kasih banyak Tuan Yang di Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat soalan tambahan. Sahabat saya Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz semalam sudah sempat membuat soalan, saya tidak sempat.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Menteri kerana memberi jawapan yang begitu memberangsangkan [*Ketawa*] dan naikkan semangat kami untuk turut bersama wanita dalam apa bidang sekalipun.

Keduanya, saya tertarik dengan statistik yang diumumkan oleh Yang Berhormat Dato' mengatakan bahawa dalam bidang politik terdapat hanya 8.15%, kalau tidak silap, wanita – 10% kah? 8% atau 10%? [*Disampuk*] 8% kerajaan, *anyway* politik ia lebih kurang 8% atau 10%. Maksud saya sedikit, terlalu amat sedikit. Menyedari bahawa mahasiswa, pelajar penuntut IPTA sudah meningkat hampir 70%. Jadi, saya nampak ini menjadi satu gudang ilmu yang baik, tempat yang boleh kita didik rakan-rakan pelajar untuk memasuki dunia politik dengan secara terancang dan profesional.

Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Dato' apakah perancangan pihak kementerian atau badan-badan lain yang boleh kita buat untuk menawan hati pelajar-pelajar di IPTA ini? Sepintas lalu bila saya bercakap tajuk ini saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Shahrizat kerana untuk makluman Ahli-ahli Dewan Negara sekalian, beliau juga adalah Pengerusi Persatuan Ahli-ahli Parlimen Komanwel. Pengerusinya wanita. [*Tepuk*] Ha, dan sejarahnya ialah ada tiga orang Thai yang undinya sama tetapi bila kita runding semua rakan-rakan jantina macam saya ini bersetuju untuk melantik wanita sebagai Pengerusi

CPA Malaysia. *[Tepuk]* Satu penghargaan, penghormatan dan memang yang kita akui kita akan terus dengan usaha murni ini yang diminta oleh Yang Berhormat Dato' Menteri sendiri. Terima kasih. *[Disampuk] [Ketawa]*

Seorang Ahli: Apa soalnya?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Itulah soalnya? Yang Berhormat Dato' Menteri sudah tahu soalan. Soalan saya, apakah perancangan pihak kementerian ataupun badan-badan lain hendak masuk ke IPTA ini, hendak menawan hati buat program untuk mereka lebih lengkap, profesional, menyedia diri, masuk dalam bidang politik khususnya yang angka statistiknya masih rendah sekarang. Itu soalnya. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Datuk Ghazi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk dan rakan-rakan lain yang memberi laluan mudah kepada saya untuk menjadi Pengerusi CPA Malaysia.

Sebenarnya saya faham bahawa kalau untuk wanita ini ada satu ungkapan dikatakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *"For women we have to work twice as hard to be thought half as good."* Jadi, bagi mewakili wanita saya akan menjalankan tugas-tugas saya dengan sebaik mungkin. Namun begitu, Yang Berhormat Datuk, saya harap bahawa ini dengan izin, *it will not be the first and the last*, untuk wanita kerana kalau kita tengok dalam sejarah, selalunya wujudnya apa yang dikatakan *glass ceiling* untuk wanita. Apabila seseorang wanita itu diberi tempat yang agak berpengaruh, maka didapati bahawa itu adalah sebagai satu *tokenism* selalunya, bukan saya katakan untuk semua jawatan tetapi, dengan izin, *its always the first and the last*.

Jadi, saya harap bahawa di Malaysia sikap *tokenism* ini tidak akan menjadi satu budaya tetapi wanita akan diberi tempat kerana bukan mereka hanya wanita tetapi mereka mempunyai kebolehan-kebolehan yang tertentu. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana memberi penghormatan bukan kepada saya tetapi kepada kami wanita.

Keduanya, untuk makluman Yang Berhormat, saya setuju bahawa wanita-wanita muda kita sama ada di universiti ataupun di mana-mana tempat pendidikan tinggi harus diberi pendedahan tentang ciri-ciri kepimpinan. Namun begitu, buat masa ini kementerian kita tidak mengadakan program secara terperinci kerana kita mahu wanita dan remaja, pelajar-pelajar kita di universiti untuk memberi tumpuan

kepada ilmu pendidikan mereka di universiti. Cuma kita mengadakan bersama-sama dengan agensi-agensi pelaksana yang lain kursus-kursus kepimpinan untuk pensyarah dan di institusi pengajian tinggi awam kita ada kursus spesifik dengan Universiti Kebangsaan Malaysia supaya dapatlah mereka membantu kementerian untuk memberi seminar dan bengkel-bengkel kepada pelajar-pelajar yang ada di universiti dengan harapan bahawa setelah mereka lulus dan mendapat ijazah barulah mereka akan berkecimpung di dalam arena pembuat dasar.

Lainlah daripada parti-parti, ada setengah parti itu Yang Berhormat, mereka mengacau sedikit pelajar-pelajar ini, budak-budak itu hendak belajar dia kacau, masuk dan suruh hendak berpolitik dan lain-lain tetapi kita di kementerian tidak, kita memberi penghormatan. Hanya kita memberi sokongan kepada pelajar-pelajar bahawa apabila mereka telah lulus dan mendapat ijazah, maka kita akan memberi segala sokongan yang diperlukan.

4. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan nama surat khabar, majalah, siaran radio atau televisyen yang telah pun ditahan pengedaran dan penyiarannya dan nyatakan sebab-sebab penahanan dibuat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, berikut saya bantahkan fakta-fakta untuk makluman.

Sejak tahun 1999 sehingga kini tiada sebarang akhbar harian tempatan yang telah ditahan pengedarannya. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri telah pun mengambil tindakan-tindakan ke atas beberapa penerbitan seperti berikut:

- (i) akhbar '*Eksklusif*', tindakan KDN menolak permohonan mendapatkan permit penerbitan sebab memuatkan rencana atau gambar yang boleh memudaratkan ketenteraman awam;
- (ii) majalah '*Kemelut*', permit penerbitan telah dibatalkan sebab memuatkan rencana yang boleh memudaratkan kemoralan ataupun moral;
- (iii) majalah '*Panji Masyarakat*', tindakan KDN permit penerbitan telah dibatalkan sebab memuatkan rencana yang boleh memudaratkan moral dan kedua, meletakkan permit

- penerbitan di bawah kawalan orang lain tanpa mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu;
- (iv) majalah '*Detik*', tindakan KDN menolak permohonan mendapatkan permit penerbitan terbarunya sebab meletakkan permit penerbitan di bawah kawalan orang lain tanpa mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri; dan
 - (v) majalah '*Al-Wasilah*' menolak permohonan mendapatkan permit penerbitan terbarunya sebab meletakkan permit penerbitan di bawah kawalan orang lain tanpa mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai siaran radio dan televisyen pula sehingga kini tiada siaran radio yang ditahan penyiarannya. Walau bagaimanapun, siaran-siaran televisyen yang ditahan ialah seperti berikut:

- (i) Episod ketiga siri drama '*Neraca Hidup*' di TV3 – bukan '*Neraka Hidup*' – '*Neraca Hidup*'. Kerajaan telah mengarahkan TV3 supaya memberhentikan penyiaran episod ketiga siri drama '*Neraca Hidup*' yang ditayangkan pada 26 Mac 2000 kerana bercanggah dengan garis panduan penyiaran iaitu mengandungi perlakuan yang tidak senonoh atau kurang sopan dan bertentangan dengan nilai-nilai murni masyarakat awam kita.

Di samping itu, drama ini juga boleh memberikan gambaran negatif mengenai dunia korporat bumiputera yang seolah-olah melupakan agama dan juga syariah Islam;
- (ii) Iklan '*Tuala Wanita (Whisper)*' – dia bisik-bisik di TV3. *[Ketawa]* Pada bulan Ogos 2000, kerajaan telah mengarahkan TV3 supaya memberhentikan siaran iklan tuala wanita atau Whisper ini kerana iklan tersebut telah bercanggah dengan kod pengiklanan mengenai barang dan adegan yang tidak boleh diiklankan; dan
- (iii) Iklan Bank Bumiputera-Commerce Berhad di TV3 dan juga ntv7. Pada 19 Disember 2000, kerajaan telah mengarahkan TV3 dan juga ntv7 supaya menamatkan iklan Bank Bumiputra Berhad kerana telah bercanggah dengan garis panduan

penyiaran iaitu menyiarkan kandungan yang menyinggung perasaan dan juga sentimen kaum ataupun penganut agama.

Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dari segi iklan-iklan yang dikeluarkan oleh televisyen terutamanya, yang kadangkala menunjukkan gambar-gambar terutama sekali kaum-kaum yang lemah ini begitu luar biasa sedikit.

Jadi, saya ingin mengetahui adakah pihak penapis filem yang kini duduk berjam-jam tengok wayang-wayang gambar daripada luar negeri, daripada dalam negeri juga diberi peluang untuk menyaksikan iklan-iklan ini sebelum ianya dikeluarkan oleh televisyen-televisyen sebagai penapis ataupun iklan-iklan ini dibiarkan keluar sahaja, lepas itu apabila kita tengok ada bermasalah baru kita panggil dia.

Jadi, saya hendak tahu cara-cara pihak Kementerian mengawasi dari segi iklan-iklannya. Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya nyatakan tadi kita ada garis panduan-garis panduan yang tertentu. Kadang-kadang memang kita tidak boleh elaklah berkaitan penggunaan iklan yang meletakkan wanita sebagai bahan tontonan tetapi kadang-kadang kalau kita tengok orang lelaki sahaja pun, misalan kata bahan tontonan kita, kita pun merasa tidak senang hati juga.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz [*Ketawa*] kita akan – sebagaimana yang saya katakan tadi kadang-kadang penapis-penapis filem ini ataupun kita punya jawatankuasa ini adalah juga manusia biasa yang kadang-kadang terlepas pandang.

Jadi, oleh itu apabila ditayangkan kepada umum, kemudian barulah menampakkan perkara-perkara yang tidak boleh diterima oleh orang ramai dan apabila aduan diberi, kita akan mengambil tindakan serta-merta sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di manakah sikap kerajaan untuk membuka ruang kepada ahli-ahli pemikir bagi mencetuskan idea-idea dan pandangan di zaman globalisasi, dunia tanpa sempadan kiranya tidak diberi kebebasan dan KDN dalam mencurahkan

penulisan-penulisan mereka selagi ianya tidak bertentangan dengan Islam dan budaya setempat. Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi kita adalah masyarakat majmuk, agama Islam adalah agama rasmi negara.

Jadi, kita memanglah memberi peluang kepada semua pihak untuk menambahkan atau mengentengahkan pandangan dan idea-idea sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tetapi kadangkala, ada masanya idea yang kita ketengahkan itu mungkin tidak sesuai dengan pihak-pihak yang lain.

Begitu juga orang lain misalan kata yang bukan beragama Islam, kemudian lepas itu memberi pandangan yang tidak secocok pula dengan pandangan orang-orang Islam. Jadi, oleh itu kita letakkan satu garis panduan, kemudian dalam garis panduan ini kita akan mengambil kira segala aspek di mana idea-idea yang baik, yang boleh digunakan oleh semua kaum, semua agama boleh terima. Itu maknanya kita akan berikan peluang kepada mereka untuk mencambahkan idea-idea mereka.

Jadi, saya rasa elemen kawalan di mana negara pun mesti ada, kita tidak boleh bebas, terlalu bebas sebab walaupun kita kata demokrasi itu mengamalkan kebebasan tetapi ada had-had yang tertentu untuk mengawal keadaan dan keselamatan negara. Terima kasih.

5. **Datuk Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihaknya dalam mengawal selia dan membanteras kegiatan ceti-ceti wang segera yang berleluasa hingga menyebabkan peminjam terpaksa menanggung kerugian kerana terpaksa membayar faedah yang terlalu tinggi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya mengawal aktiviti-aktiviti pemberi pinjaman wang yang diberi lesen selaras dengan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951, Akta 400 sahaja.

Pengeluaran lesen pemberi pinjaman wang dan penguatkuasaannya telah diberi kuasa kepada pihak kerajaan negeri. Dalam hal demikian, kementerian ini tidak ada sebarang langkah untuk mengawal aktiviti ceti tanpa lesen seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Peminjam yang telah memilih ceti tanpa lesen bagi mendapatkan pinjaman seharusnya telah memikirkan segala risiko yang akan dihadapi. Sekiranya pihak

kementerian ini ataupun kerajaan negeri telah menerima aduan mengenai kegiatan ceti wang segera tanpa lesen, di mana kegiatan tersebut boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam, maka kes ini akan dirujuk kepada Polis Diraja Malaysia dan pihak polis boleh mengambil tindakan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933, Akta 377 (Pindaan) 1989 di mana Menteri Dalam Negeri diberi kuasa untuk mengeluarkan perintah kediaman terhad atau buang daerah ke atas mereka yang melanggar undang-undang pencegahan tersebut.

Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, pada ketika ini ceti-ceti ini memberikan pinjaman dengan syarat yang mulanya itu begitu senang untuk peniaga-peniaga kecil fokus dan sebagainya. Pembayaran balik selalunya dikutip tiap-tiap hari tetapi oleh sebab mungkin keadaan ekonomi, peniaga-peniaga yang meminjam ini menghadapi masalah, pekebun-pekebun kecil juga menghadapi masalah.

Malangnya, apabila pekebun-pekebun kecil atau peniaga-peniaga kecil ini yang kebanyakannya bukan orang yang senang, meminjam atau cuba meminjam wang daripada bank-bank untuk membeli kenderaan seperti traktor dan sebagainya, syarat-syarat yang dikenakan itu begitu susah sehinggakan untuk meminjam untuk membeli traktor 'meradu', kobotar yang kecil itu, Bank Pertanian meminta syarat *working paper*, cagaran, *cash flow* dan sebagainya. Untuk meminjam barangkali RM10,000 hingga RM15,000 sahaja. Sehinggakan syarat-syarat ini kepada orang kampung, nelayan atau peniaga-peniaga kecil adalah syarat yang sangat-sangat susah untuk dipenuhi.

Jadi, kalau ini berterusan, pinjaman itu biasanya jarang mendapat kelulusan dan ini yang menyebabkan orang pergi ke ceti dan peminjam wang *loan shark*. Jadi, apakah kerajaan boleh membantu orang-orang yang saya sebutkan tadi supaya kerajaan mengarahkan dan menasihatkan bank supaya janganlah terlalu ketat apabila seorang petani hendak meminjam wang untuk membeli jentera 'meradu' atau nelayan untuk membeli enjin sangkut supaya membanteras masalah yang dihadapi berkenaan peminjam-peminjam wang atau ceti-ceti ini. Sekian, terima kasih. .

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Pinjaman untuk membuat perniagaan adalah pinjaman daripada bank dan pinjaman daripada bank itu adalah bukan bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mungkin bidang kuasa Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun, Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya terlibat dengan lesen. Berkenaan dengan ceti-ceti yang memberi pinjaman dengan lesen, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi lesen kepada *Malay lenders* sahaja dengan izin, tidak ada pinjaman begitu yang diberikan oleh bank. Tetapi, peniaga-peniaga mencari satu jalan yang mudah. Dia orang suka mengambil risiko dengan meminjam daripada *loan shark* dengan izin. Ini bukanlah dalam bidang kuasa kementerian saya. Walau bagaimanapun, ini adalah satu perkara yang kita boleh ambil perhatian di mana kita faham peniaga-peniaga perlu pinjaman yang dipercepatkan untuk memudahkan perniagaan mereka. Kita harap Kementerian Kewangan akan ambil perhatian dalam perkara ini. Terima kasih.

Datuk Haji Kassim bin Mh. Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah menerima laporan daripada mangsa ceti haram ini. Ia sampai ke tahap mereka ini dikejar oleh *bouncer-bouncer* dialah. Jadi, apabila tidak bayar, dia hantar dua, tiga orang, dia gertak sampai ke tahap hendak memukul dan sebagainya. Bahkan ada yang kena pukul dan perkara ini saya telah laporkan kepada pihak polis. Pihak polis telah memanggil ceti haram itu. Sebenarnya, mereka ini beroperasi di premis-premis yang berlesen dan mereka telah diberi amaran. Saya hendak tahu, setakat ini berapa banyak kes seperti ini telah dilaporkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan? Benda ini ada berlaku dan itu sahaja soalnya. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya maklumkan tadi, kementerian hanya boleh mengawal ceti-ceti yang dapat lesen daripada kementerian tetapi, *loan shark* dengan izin, yang ada kegiatan dia tanpa lesen, kita tidak boleh ambil apa-apa tindakan. Tetapi, kalau ada aduan yang kita terima, kita mesti boleh ambil tindakan. Berkenaan dengan adakah kita menerima aduan-aduan tersebut, saya tidak ada maklumat untuk persoalan itu tetapi, saya boleh bincang dengan kementerian, lihat kalau ada jabatan-jabatan mana kita ada terima apa-apa aduan berkenaan dengan perkara ini. Tetapi, saya beri nasihat kepada orang awam bahawa kalau boleh janganlah cari *loan shark* dengan izin, untuk meminjam wang. Cubalah dengan tempat-tempat yang berlesen atau *legal* dengan izin dan juga kalau ada masalah-masalah berkenaan dengan ceti-ceti ini tanpa berlesen, saya harapkan mangsa-mangsa akan buat aduan-aduan kepada pihak polis. Sekian, terima kasih.

6. **Tuan Haji Rosli Mat Hassan** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan jumlah kontraktor bumiputera dan bukan bumiputera yang disenaraihitam pada tahun 1999, 2000 dan sehingga Mac, 2001.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selaras dengan objektif Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk mewujudkan dan membangunkan kontraktor binaan yang berkualiti dan berdaya saing, selain daripada melaksanakan tugas pendaftaran kontraktor. PKK juga mengambil tindakan penguatkuasaan dan tatatertib kepada kontraktor-kontraktor yang tidak mematuhi syarat-syarat pendaftaran PKK. Jumlah kontraktor bumiputera dan bukan bumiputera yang disenaraihitamkan pada tahun 1999, 2000 dan sehingga Mac 2001 ialah seramai 141 kontraktor.

Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

Tahun	Bumiputera	Bukan bumiputera
1999	25 orang	13 orang
2000	48 orang	28 orang
2001 (sehingga 31 Mac 2001)	16 orang	11 orang

Jumlah keseluruhan bumiputera yang disenaraihitamkan ialah berjumlah 89 orang dan bukan bumiputera ialah 52 orang. Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bolehkah kementerian memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, apakah sebab-sebab utama dan tindakan yang dilaksanakan oleh PKK melalui Kementerian Pembangunan Usahawan ini ke atas penyenaian hitam kontraktor-kontraktor tersebut dan apakah tidak ada jenis latihan dan kursus serta bimbingan yang dilakukan oleh kementerian kepada usahawan terutama sekali kontraktor bumiputera? Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan penggantungan ataupun penyenaian hitam kontraktor-kontraktor ini dan pembatalan pendaftaran kontraktor, sebenarnya berpuluh-puluh sebab ataupun sebab utama yang menyebabkan pendaftaran mereka disenaraihitamkan. Secara keseluruhannya ialah kerana kontraktor-kontraktor itu tidak mematuhi syarat-syarat kontrak di samping mengemukakan

maklumat-maklumat palsu. Ada juga kontraktor yang apabila ditawarkan projek kontrak-kontrak, mereka menarik diri dalam tempoh sah laku tawaran dan ada juga kontraktor-kontraktor yang digantung daripada mengikuti tender-tender sama ada kurang setahun ataupun lebih setahun dan ada juga kontraktor yang digantung kerana kerja-kerja yang dilaksanakan adalah tidak memuaskan.

Bagi kontraktor yang dibatalkan lesen kontrak mereka, ialah kerana ada syarikat-syarikat yang memohon untuk dibatalkan dan juga mungkin ada syarikat yang pemiliknya telah meninggal dunia di samping mereka tidak memperbaharui permohonan untuk mendaftar semula lesen-lesen mereka dan pelbagai lagi sebab yang diberikan untuk menyebabkan lesen-lesen ini dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan peranan utama Pusat Khidmat Kontraktor ini untuk membantu usahawan-usahawan kecil khususnya daripada segi mengadakan kursus-kursus. Sebenarnya, peranan utama kita ialah untuk mendaftar kontraktor dan menguatkuasakan peraturan-peraturan yang ada dalam Pusat Khidmat Kontraktor. PKK hanya memberikan kerjasama kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta yang menganjurkan kursus-kursus ataupun latihan-latihan. Namun begitu, semua program-program yang dijalankan itu adalah mendapat sokongan dan kerjasama daripada kita bagi membantu bakal-bakal kontraktor ataupun mereka yang telahpun menjadi kontraktor. Kita mengadakan program-program pada syarikat-syarikat yang berminat dan individu-individu yang berminat dan juga kontraktor-kontraktor kerja awam yang berpotensi dan meningkatkan tahap sesuatu bidang pengkhususan mereka dan juga mendapat kemahiran daripada segi bidang-bidang yang mereka ceburi. Model-modelnya kita sediakan seperti mengadakan latihan asas kontraktor dan latihan peningkatan kemahiran.

Walau bagaimanapun, apa yang kita lihat ialah bakal-bakal kontraktor ataupun kontraktor-kontraktor yang telah pun berdaftar dengan PKK ini nampaknya apabila diadakan kursus-kursus sama ada yang diadakan oleh kita ataupun pihak-pihak tertentu yang lain, nampaknya minat khususnya kaum bumiputera ini sudah kurang beminat untuk menghadiri kursus-kursus yang diadakan. Oleh sebab itu, kita menyeru kepada kontraktor-kontraktor bumiputera khususnya supaya mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh badang-badan tadi kerana program-program yang dianjurkan ini ada memberi faedah kepada mereka untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang mereka. Terima kasih.

Dato' Poo Yew Choy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada kontraktor khasnya daripada peringkat negeri dan daerah, nama mereka juga disenaraihitamkan. Kerajaan sudah memahami mereka tidak ada kebolehan untuk melaksanakan projek dengan sempurna dan menimbulkan masalah ketidakpuasan hati oleh rakyat. Akan tetapi, di dalam masa yang pendek, mereka dapat lagi projek kerajaan. Saya hendak tahu sebabnya. Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Boleh ulangkah Dato'?

Dato' Poo Yew Choy: Mereka sekali lagi dapat peluang untuk mendapat projek kerajaan. Saya minta penjelasan. Nama mereka sudah dalam senarai hitam, memang tidak boleh pakai, tidak boleh guna. Tetapi, di dalam masa yang pendek, mereka dapat peluang dan mendapat projek kerajaan. Jadi, saya ingin tahu apa sebabnya? Terima kasih

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mana-mana kontraktor kita yang disenaraihitamkan dan tertakluk kepada syarat-syarat penggantungan sama ada lesen itu dibatalkan ataupun tidak. Jadi, sekiranya suatu syarikat disenaraihitamkan oleh pihak-pihak tertentu atau agensi-agensi kerajaan atau jabatan-jabatan yang memberikan kontrak, biasanya jabatan akan menghantar laporan kepada PKK dan PKK akan menyenaraihitamkan lesen tersebut. Jadi, jika PKK tidak.....[Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh tender lagilah, bukan? Kalau sudah masuk list hitam, tidak boleh tender lagi bukan?

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang mana-mana kontraktor yang disenaraihitamkan tidak lagi boleh mengambil tender-tender ataupun kontrak kerajaan. Akan tetapi, PKK hanya menyenaraihitamkan dan memaklumkan kepada jabatan-jabatan.....[Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa cukup, cukuplah Datuk.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tetapi kita tidak mengeluarkan tender-tender. Jadi, kalau ada berlaku kontraktor mendapat kontrak dan sebagainya itu walaupun disenaraihitamkan, itu bukan di bidang kuasa kitalah. Terima kasih.

7. **Datuk Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan secara terperinci bagaimana dana-dana usahawan yang diwujudkan diagihkan secara adil kepada para usahawan kecil dan sederhana. Apakah program dan galakan yang diberi untuk mewujudkan usahawan bumiputera yang berdaya asing dalam bidang ICT.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan telah mewujudkan pelbagai skim atau dana pembiayaan untuk membantu usahawan kecil dan sederhana, membiayai perniagaan mereka dalam pelbagai sektor perniagaan. Pada masa ini, di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, terdapat 12 dana pembiayaan khas untuk membangunkan usahawan kecil dan sederhana dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2,046.8 juta. Skim atau dana usahawan ini dilaksanakan oleh lima agensi pelaksana di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan iaitu, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPMB), Majlis Amanah Rakyat (MARA), *Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad* (CGC), Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Yayasan Tekun Nasional (YTN).

Sehingga 31 Disember 2000, sejumlah RM1,386.41 juta telah diluluskan kepada 35,625 usahawan di negara ini. Untuk menentukan dana yang diwujudkan diagihkan secara telus dan adil kepada usahawan kecil dan sederhana, pemberian pinjaman dibuat berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan seperti mempunyai lesen perniagaan yang sah, menjalankan perniagaan sendiri sepenuh masa, daya maju projek, kebolehan dan pengalaman pengurusan menjalankan perniagaan, kekukuhan kewangan dan keupayaan membayar balik pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan program dan galakan untuk mewujudkan usahawan yang berdaya saing dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kementerian Pembangunan Usahawan telah membentuk beberapa jawatankuasa dan pasukan petugas ICT bertujuan untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang teknologi maklumat, membimbing serta menyediakan peluang-peluang perniagaan dalam bidang ICT. Ia juga memberi bimbingan dalam strategi pemasaran dan latihan-latihan khusus dalam bidang ICT.

Ke arah ini, Kementerian Pembangunan Usahawan juga telah menyediakan dana-dana yang menawarkan pembiayaan seperti Tabung Usahawan Siswazah, Skim Pembiayaan Perniagaan MARA dan Tabung Modal Teroka Berteknologi Tinggi sehingga Disember 2000, jumlah pinjaman yang diluluskan bagi projek-projek ICT adalah berjumlah 26 pinjaman bernilai RM1.8 juta, di bawah Tabung Usahawan Siswazah, 285 pinjaman bernilai RM16.9 juta di bawah Skim Pembiayaan Perniagaan MARA dan dua pinjaman bernilai RM5.6 juta di bawah Tabung Modal Teroka Berteknologi Tinggi.

Kementerian juga ada melaksanakan Program Pengkomersialan Produk dan Teknologi hasil penyelidikan dan pembangunan R&D dengan kerjasama Pusat Inovasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang bertujuan untuk mengkomersialkan produk-produk inovasi termasuk ICT ciptaan syarikat-syarikat bumiputera. Sehingga kini semua projek melibatkan ICT, iaitu sistem www.pacmaster, telah dipersetujui dibiayai di bawah program ini yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM135,530.

Bagi memantapkan usaha kerajaan dalam mewujudkan usahawan bumiputera yang berdaya saing dan dalam bidang IT, kementerian sedang berusaha untuk menubuhkan majlis ICT bumiputera sebagai perancang dan pemantau agenda ICT bumiputera, majlis tersebut akan dianggotai oleh pelbagai segmen dari sektor awam, sektor swasta, syarikat-syarikat besar kerajaan dan individu atau personaliti yang mempunyai kepakaran dalam bidang ICT. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu bagaimana sambutan bekas-bekas siswazah dalam bidang keusahawanan dan apakah tabung siswazah yang diperuntukkan itu telah dipinjam keseluruhannya? Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, penyertaan graduan siswazah dalam bidang perniagaan ini amat menggalakkan. Penyertaan seperti yang telah saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, dalam kursus-kursus yang dianjurkan telah melebihi 1209 orang. Namun demikian, yang telah mendapat pinjaman adalah cuma 95 orang.

Oleh kerana yang menghantar kertas cadangan perniagaan mereka kepada kementerian tidak begitu banyak, iaitu cuma dalam lingkungan 150. Walaupun ramai yang menyertai kursus tetapi yang mendapat pinjaman tidak begitu besar. Jadi, untuk itu dalam tabung yang kita ada, berjumlah RM10 juta itu, buat masa ini masih ada lagi yang tertinggal tetapi tidak begitu banyak.

Jadi, kita harap dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini, kita akan menambah lagi sebanyak RM30 juta untuk digunakan kepada graduan-graduan kita sekiranya mereka berkecimpung dalam bidang perniagaan. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, terdapat juga beberapa projek yang tidak begitu menguntungkan dari segi komersial – tidak berdaya maju akan tetapi ianya amat bermakna kepada negara dari segi menjamin keselamatan alam sekitar dan sebagainya. Apakah kementerian dalam menggalakkan pengusaha-pengusaha

dalam industri ini, boleh membantu dengan memberi geran kepada pengusaha besar tersebut dalam melaksanakan projek-projek yang saya sebutkan seperti projek-projek kitar semula, 'recycle', ia tidak begitu menguntungkan, boleh *survive* tetapi amat penting pada negara. Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah projek-projek yang boleh menguntungkan kepada negara dan menghasilkan produk-produk yang baru untuk kepentingan negara kita. Jadi, bagi usahawan-usahawan yang melibatkan diri dalam teknologi tinggi ini, memang kementerian ada skim khas untuk mereka yang terlibat dalam bidang ini seperti yang telah saya nyatakan tadi bahawa seperti kita mengkomersialkan ataupun melaksanakan program-program yang pengkomersialan produk seperti teknologi hasil daripada penyelidikan dan R&D.

Dan, kita telahpun membiayai sebuah syarikat bumiputera kerana mereka telah menghasilkan produk-produk inovatif khususnya ICT. Dan, seperti yang disebutkan tadi juga sekiranya memenuhi syarat-syarat yang saya telah terangkan tadi maka mereka juga layak mendapat pembiayaan tersebut. Terima kasih.

8. **Datuk Christine Tibok Vanhouten** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah pelajar-pelajar perempuan di Universiti-universiti di negara ini berbanding dengan pelajar-pelajar lelaki dan adakah benar jumlah pelajar perempuan mengatasi pelajar-pelajar lelaki.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Christine Tibok Vanhouten. Tuan Yang di-Pertua, saya kira untuk menjawab secara tepat, saya rasa memang kita akui pada keseluruhannya dari segi jantina, penuntut wanita melebihi penuntut lelaki. Apa yang boleh saya nyatakan di sini ialah di peringkat diploma sahaja yang mana keseluruhannya ialah daripada 80,083 orang, lelaki kita terdapat 44.1% dan perempuan 55.9%.

Di peringkat ijazah pertama keseluruhannya ialah 170,607, lelaki terdapat 40.2%, manakala perempuan, ijazah pertama, 59.8%. Tetapi angka bagi peringkat *post graduate* atau ijazah, dengan izin, peringkat sarjana, kita dapat 21,908 di mana lelaki melebihi daripada wanita, iaitu 54.7 % dan perempuan 45.3%, dengan izin, mereka sedang *catching up* dengan pihak lelaki.

Di peringkat Ph.D, keseluruhannya ialah 3,210; lelaki – yang ini boleh kita banggakan, pihak lelaki, di mana terdapat 65.4% dan perempuan 34.6%. Bagi

angka tahun 2001, 2002, tidak dapat saya berikan di Dewan ini pada hari ini, sebab pendaftaran masih berjalan dan perancangan juga masih berjalan.

Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan, mungkin ini akan ditanyakan oleh juga Yang Berhormat, mengapa pelajar perempuan lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki? Boleh saya nyatakan di sini secara *hypothetical* sahaja, dengan izin, iaitu:-

- (i) apakah ini dari segi aspek pembelajaran, di mana pelajar perempuan lebih bersedia dan sentiasa mengambil berat tentang pelajaran berbanding dengan pelajar lelaki. Ini *hypothetical* sahaja, ya.
- (ii) mengenai dengan gaya pembelajaran;
- (iii) mengenai dengan persekitaran sekolah – ada orang mengatakan bahawa murid-murid perempuan lebih senang dikawal daripada murid lelaki;
- (iv) kawalan keluarga – di mana saya rasa pelajar perempuan sentiasa dikawal rapi oleh pihak keluarga, biasanya; dan
- (v) mengenai dengan tanggungjawab dan motivasi.

Pada keseluruhan apa yang saya sebut kelima-lima tadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah *hypothetical*, kita tidak dapat lagi satu jawapan yang dianggap *conclusive*. Walau bagaimanapun, ingin saya juga nyatakan di sini, ini kalau kita lihat panjangnya masa yang kita ambil, membuktikan bahawa pihak kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional, sikap kita begitu terbuka terhadap soal jantina. Kita tidak diskriminatif seperti setengah-setengah parti politik, begitu diskriminatif dalam soal wanita dan lelaki.

Jadi, proses ini begitu panjang dan kita beri peluang kepada sesiapa sahaja yang ingin menuntut ilmu pelajaran, pengetahuan, sama ada lelaki ataupun perempuan, kita galakkan dan ini, hari ini kita lihat hasil ini, sifat keterbukaan kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional. [Tepuk] Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, minta kementerian memberi penjelasan bagaimanakah prestasi pencapaian kecemerlangan dari segi akademik antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan di seluruh PTA dan IPTS di negara kita. Dan, saya hendak bertanya sedikit soalan dari segi menaikkan wanita di Malaysia ini bukan sahaja Barisan

Nasional yang mempelopori masalah menaikkan wanita ini, Islam lebih dahulu meletakkan wanita di tahap yang tertinggi.

Jadi, minta penjelasan kepada soalan saya tadi, bagaimana prestasi pencapaian kecemerlangan dari segi akademik antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi peluang kepada saya menjawab. *[Ketawa]* Pertama sekali mengenai dengan Islam – Islam ini bukan monopoli pihak PAS. *[Tepuk]* Apabila kita bercakap, kita meletakkan Islam itu dan ini, PAS seolah-olah merasakan bahawa Islam ini, dia sahaja yang boleh takrif Islam. Tetapi kadangkala dari segi pentakrifan Islam, kita bimbang, apakah kerajaan PAS di negeri Kelantan memberi hak yang sama rata kepada wanita dalam semua bidang, apa bidang sahaja.

Ini saya tidak tahulah, terpulung kepada Yang Berhormat, bagi kita dalam Barisan Nasional, kita tetap memberi hak yang sama kepada semua pihak dan kita juga adalah mentakrifkan segala dasar ini berlandaskan Islam kepada semua pihak. *[Tepuk]* Dan, janganlah memikirkan bahawa pihak Barisan Nasional tidak Islamic dalam dasarnya terhadap wanita.

Oleh itu, saya hendak menyatakan di sini kepada Yang Berhormat, kalaulah kita lihat kecemerlangan pelajar-pelajar tadi sama ada lelaki dan perempuan, saya percaya, kalau tidak ada gangguan daripada pihak sesetengah parti politik yang memasuki unsur-unsur partisan di kalangan anak-anak muda kita, misalnya kita boleh ambil contoh, peringkat kindergarden, peringkat prasekolah lagi, setengah-setengah parti politik ini menggunakan pusat-pusat, melatih untuk membenci pihak kerajaan, inilah yang tidak Islamic. *[Tepuk]*

Sebab, kita harus beri galakan kepada anak-anak yang masih muda ini. Jadi, kalaulah kita meracuni pemikiran anak-anak muda ini, saya boleh katakan, ini adalah sampai kepada peringkat yang mana boleh kita ambil tindakan sebagai *child abuse*, dengan izin. Dari segi *psychology*, kerana mencederakan cara pemikiran anak-anak kecil ini sampai ke peringkat IPTA, oleh itu saya pohonlah kerjasama di semua pihak, parti-parti politik khususnya PAS supaya jauhkan fahaman politik partisan sama ada di peringkat rendah, menengah, sehinggalah ke IPTA.

Tuan Hassan bin Shukri: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sama-samalah kita tuju ke jalan Allah yang sebenarnya. *[Tepuk]* Dan, saya hendak nyatakan juga perkara ketiga kepada Yang

Berhormat tadi iaitu mengenai dengan prestasi atau kecemerlangan penuntut-penuntut lelaki dan perempuan di IPTA khususnya. Kita memang mengambil langkah-langkah tertentu, tidak kira sama ada lelaki atau perempuan, kita tetap memberi galakan. Dan, hari ini adalah menjadi keprihatinan kita, khususnya kepada penuntut-penuntut bumiputera yang kadangkala kita lihat agak menimbulkan sedikit kelembapan dari segi pencapaian mereka.

Oleh itu, kita telah menjalankan banyak usaha-usaha ke arah itu, membaiki lagi prestasi mereka, bukan sahaja dari segi akademik malah dari segi kehidupan supaya mereka benar-benar menjadi seorang manusia yang kita sama-sama hari ini mengatakan sebagai tuntutan Islam bagi semua pihak. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kita ucapkan kepada pelajar-pelajar wanita kita kerana prestasi yang baik. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu, adakah pelajar-pelajar wanita kita juga melebihi pelajar-pelajar lelaki dalam tiap-tiap bidang di peringkat diploma dan ijazah pertama. Dan, saya juga ingin tahu sama ada jumlah pelajar-pelajar wanita kita melebihi pelajar-pelajar lelaki dalam bidang sains dan teknologi?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tadi saya telah sebut, Yang Berhormat, iaitu wanita lebih daripada lelaki dari segi enrolmen dan juga saya tidak nyatakan tentang pecahan dari segi sains dan teknologi. Tetapi saya percaya dari segi perangkaan yang saya sebut tadi, secara umumnya juga hari ini, kita dapati penuntut perempuan juga begitu hampir menghampiri penuntut lelaki, khususnya kalau kita lihat dalam bidang perubatan, *pharmacy* - ini secara umum, tidak saya sebut secara terperinci dan juga dari segi *dentistry*, dan di peringkat *engineering* juga kita lihat penuntut wanita hampir mencecah sama dengan penuntut lelaki.

Begitu juga kalau kita lihat di peringkat sekolah menengah teknik, politeknik, kita dapati juga penuntut-penuntut perempuan begitu hampir mengatasi penuntut lelaki. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi jawab lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan 9 hingga 25 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN NEGARA
(PINDAAN) 2001****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [23 Mei 2001]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

11.19 pagi

Dato Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana di alaf baru ini berjaya untuk membawa beberapa pindaan kepada Rang Undang-undang Pendaftaran Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita telahpun mendengar sejarah perwujudan kad pengenalan sejak tahun 1948 semasa ianya bercorak kertas sahaja, sehinggalah kepada tahap 1997, di mana kita sekarang ini mempunyai kad pintar, yang mengandungi ciri-ciri kepintarannya ialah lesen memandu, pasport, kesihatan dan e-cash.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kad pengenalan ini merupakan satu pengumpulan data yang amat berguna kepada negara. Pernah saya nyatakan nombor seseorang apabila lahir sahaja ke dunia ini selain daripada tarikh lahirnya, ianya sudah pun menjadi satu kod kepada kezhahirannya sebagai warganegara Malaysia. Kelahirannya itu kalau dibuatkan sebagai satu kod pangkal, kod yang asas tarikh lahir dan daripada situ dibiakkan sebagai asas kad pengenalan, asas kad memandu, asas hendak masuk IPTA atau IPTS dan asas segala-galanya, tetapi yang lebih penting apabila kita merumuskan RRJP3 dan juga Rancangan Malaysia Kelapan nanti, kita dapati perlunya setiap kumpulan masyarakat di negara kita, masyarakat majmuk ini ditentukan kumpulan masing-masing dan perkara semacam inilah sahabat saya mempunyai masalah. [Memandang ke tempat duduk Datuk Long bin Jidin] Dia sudah tidak ada.

Sahabat saya, orang Asli, mempunyai masalah dan keturunan-keturunannya yang lain kerana di dalam kad pintar hanya *race* yang besar-besar sahaja yang ditonjolkan – Melayu, Cina, India dan sebagainya, tetapi etnik-etnik, komponen-

komponen kumpulan kecil seperti Orang Asli, orang keturunan Siam tidak diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja dapat kad pintar saya. Ia tulis di situ warganegara, selepas itu Islam, lelaki tetapi apa yang disebutkan oleh sahabat saya, Datuk Long, dia mengatakan kerana tidak wujud di dalam senarai itu kumpulan Orang Asli, maka dia terpaksa diklasifikasikan sebagai orang Melayu dan apabila sebagai seorang Melayu, secara automatik, agamanya adalah agama Islam kerana takrif dalam Perlembagaan, "orang Melayu beragama Islam dan mengikuti adat resam Melayu dan sebagainya."

Justeru kerana itu, apabila kita hendak memberi fokus kepada penyelesaian masalah ekonomi seperti yang dituntut oleh Dasar Wawasan Negara yang termaktub dalam RRJP3 dan nanti Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan, fokus kita sekarang ialah kepada penyelesaian masalah ekonomi etnik-etnik kecil, mohon izin, *the disadvantage group*, termasuk keturunan Orang Asli, orang Siam dan kumpulan-kumpulan kecil atau etnik-etnik kecil di Sabah dan Sarawak dan Tuan Yang di-Pertua, *it is our emphasis*, mohon izin, penekanan kita untuk menyelamatkan mereka daripada terpinggir daripada arus perdana pembangunan negara kerana dahulunya kita dapati apabila wujud Dasar Ekonomi Baru, wujud Dasar Pembangunan Negara dan Dasar Wawasan Negara, kita dapati kelompok-kelompok warganegara tertentu tertinggal atau tidak mendapat nikmat daripada arus pembangunan.

Jadi, kalau sekiranya kad pengenalan tidak memberikan garis panduan untuk memecahkan minoriti-minoriti ini kepada klasifikasi-klasifikasi tertentu, susah bagi kita kalau ianya digunakan sebagai pangkalan data, susah bagi kita untuk memantau bahagian EPUkah, bahagian manakah kerana ia terpaksa membuat perhitungan baru untuk mengklasifikasikan semula orang Melayu, ada di dalamnya orang Siam, ada di dalamnya orang Asli dan sebagainya.

Jadi, saya mengharapkan kalau boleh, pihak kerajaan kerana kita sekarang sudah mempunyai kecanggihan yang amat baik, memperluaskan lagi senarai etnik-etnik (race) ini merangku mi semua kaum di negara kita ini. Kalau ia sampai seratus pun tidak apa kerana ianya boleh dengan senang diambil kira oleh kad pintar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu daripada pihak kerajaan, masalah yang timbul ini adalah perkara yang amat sensitif. Masalah yang timbul sekarang ini juga, adakah sekarang ini dengan wujudnya perindustrian yang begitu hebat dan sebagainya, pandangan hidup dan *mind set* yang berubah, adakah semuanya, saya

hendak tahu daripada pihak kementerian, orang-orang Melayu ini sekarang ini beragama Islam kerana saya dapati banyak artikel dan makalah yang telah pun menonjolkan kemungkinan besar wujudnya sekumpulan tertentu yang telah pun terpesong daripada agama dan cara terang-terang mungkin mengklasifikasikan dirinya sebagai bukan lagi Islam. Dan apabila kad pengenalan ini pada asalnya menunjukkan yang ianya orang Melayu dan beragama Islam tetapi sesungguhnya setelah mereka terpesong daripada ajaran, mungkin juga mereka bukannya Islam dan bukanlah Melayu kerana takrif Melayu itu Islam, kalau kita keluar daripada Islam, dia bukan lagi Melayu.

Jadi, apakah cara-cara pihak kerajaan memantau perkara seperti ini supaya tidak berlaku atau kalau berlaku, apakah tindakan bagi menentukan ini asas maklumat-maklumat data asal ini bertapak dan berkisar daripada kad yang canggih ini yang kita hendak wujudkan.

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai tarikan yang paling hebat di rantau ini. Sebab itulah kad pengenalan dan pasport kita mempunyai nilai yang begitu tinggi kepada orang-orang yang hendak meniru dan menggunakannya kerana di sinilah ada orang Melayu, ada orang Cina, ada orang India dan berbagai-bagai keturunan. Tidak mungkinkah orang-orang India dari India datang ke sini, dapat pasport Malaysia ataupun orang Cina, menggunakan pasport yang ditiru atau yang palsu itu untuk mereka berhijrah sebagai seorang yang berbangsa Malaysia pergi ke Australia, pergi ke Amerika, pergi ke mana-mana – saya hendak tahu apakah kita dapat mengesan kerana saya diberitahu bahawa nilai pasport kita kalau hilang berkemungkinan ianya di pasaran gelap dengan harga yang diminta RM10 ribu atau RM20 ribu, mungkin sampai RM30 ribu.

Sebab itu kerajaan amat peka kepada perkara ini dan menentukan yang hilang pasport, cara hendak mengambil pasport baru ini bukan main susah. Berbagai-bagai cara sekatan dan tinjauan dibuat kerana kita takut juga orang kita menjual kerana pasport kita ada nilai dan nilai passport kita tinggi kerana kita masyarakat majmuk – ada orang Cina, ada orang India, ada orang Melayu dan berbagai kaum dan kita juga mempunyai ekonomi yang teguh, sungguhpun parti-parti lain tidak mengakuinya tetapi dunia sendiri mengakui, sekitar kawasan ini mengakui Malaysia mempunyai ekonomi yang kuat dan mempunyai tarikan yang paling baik.

Sebab itulah ramai orang yang hendak datang secara tanpa izin. Sebab itulah kita terpaksa meningkatkan kos bagi menentukan sekitar sempadan kita ini ketat dikawal supaya pencerobohan tidak dibuat. Semuanya ini hanyalah petunjuk-petunjuk yang menunjukkan negara kita ini makmur, negara kita ini dengan izin Allah S.W.T diberikan khazanah kekayaan yang diurus secara baik, kerana tidak semua negara di dunia yang mempunyai khazanah kekayaan tetapi keadaan hidupnya cemerlang kerana tidak diurus dengan baik.

Banyak negara terapung atas minyak di muka bumi ini dan kebanyakan negara-negara Islam tetapi apabila tidak diurus dengan baik seperti yang diuruskan oleh Barisan Nasional, tidak dapat kita menikmati, Tuan Yang di-Pertua, kenikmatan yang Tuhan berik kepada kita. Pengurusan yang baik – baik negeri mana sekalipun. Sebab itu dalam negara kita ini, kita ada negeri-negeri di Semenanjung termasuklah Kelantan dan Terengganu dan negeri-negeri lain, tetapi corak pengurusannya mesti baik. Kalau tidak baik, ianya tidak akan berjaya.

Jadi, saya mengharapkan pihak parti lawan juga akan menginsafi perkara ini dan menyetujui cara-cara kita buat dan kalau ianya baik dan telah pun ditunjukkan sebagai baik, dibuktikan sebagai baik, tiru sahaja. Kita tidak marah dia meniru cara kita buat kerana ini cara baik, cara yang Islamic yang meningkatkan dan membanteras kemiskinan dengan cara yang baik dan itulah sebabnya kad pengenalan kita dan passport kita merupakan bahan dokumen yang amat bernilai dan sebab itulah saya minta pihak kementerian berwaspada sangat dengan hilangnya kad pintar, dengan hilangnya pasport ini, kita kena ambil tindakan-tindakan yang tegas dan lebih-lebih lagi kalau ada pencerobohan dari dalam.

Kita tengok dalam surat khabar, Tuan Yang di-Pertua, ada pegawai-pegawai kita yang mengambil kesempatan kerana nilai IC kita, nilai passport kita begitu tinggi, mereka pula mengambil bahagian untuk memasarkan secara gelap pasport-pasport ini. Jadi, saya hendak tahu setakat ini, berapa ramai pegawai-pegawai yang terlibat. Ia tidak ramai tetapi memburukkan kerajaan. Berapa ramai yang telah pun dikenakan tindakan? Berapa banyak passport kita hilang dalam tahun 2000 dan tahun 1999 kerana ianya mempunyai tarikan yang begitu tinggi oleh masyarakat di dalam negara dan di luar negara kita ini untuk menggunakan kad pengenalan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini dapat dijadikan asas maklumat negara, kita dapati dalam bancian kita, sekarang ini pun tidak selalu kita buat, 10 tahun sekali, kadangkala ianya berkaitan dengan kawasan pilihan raya, diubahsuai tiap-tiap 8

tahun sekali Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan menjalankan kerjanya bagi membuat peta baru berasaskan kependudukan, berbagai-bagailah cara-cara dan ukuran-ukuran yang dibuat dan untuk itu mereka terpaksa kadangkala membuat banciaan juga bagi menentukan jurusan dan *trend* pembangunan negara dan impak sosialnya bagaimana di atas perubahan-perubahan yang berlaku begitu cepat.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuaat***]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan adakah kita membuat penyelesaian berkenaan dengan negara-negara di rantau kita ini dengan menerusi perundingan baik dengan Indonesia, baik dengan Singapura, baik dengan Thailand bagi menentukan kad pintar yang serupa boleh juga digunakan di peringkat ASEAN kerana peringkat permulaannya adalah peringkat ASEAN, kerana Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia globalisasi, ertinya sepatutnya sempadan itu tidak lagi wujud, bukan sahaja mata wang boleh mengalir ke hulu dan ke hilir tanpa sempadan, bukan sahaja produk boleh mengalir ke hulu dan ke hilir tanpa sempadan dan Malaysia sebagai negara yang terbuka dari segi perdagangan di mana kita dapati peringkat negara dan peringkat dunia, kita nombor 17 dari segi perdagangan eksport, nombor 21 dari segi import dan perdagangan kita lebih tinggi lagi dari segi KDNK kita.

Semua ini membuktikan kita ini terbuka, tetapi seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri kita, globalisasi sepatutnya mempunyai *the human dimension*. Maknanya, *angle* ataupun wujud ciri-ciri kemanusiaan dalam globalisasi. Apa itu kemanusiaan? Kemanusiaan itu kita tengok dari segi kalau semuanya mudah mengalir dari segi sebuah negara ke sebuah negara tetapi manusia itu susah sangat hendak mengalir atau berhijrah dari satu negara ke satu negara tanpa dokumen-dokumen yang disahkan.

Bukan sahaja antara negara-negara ASEAN dan ini tentu ada kebaikannya, tetapi antara negara-negara maju dengan negara-negara yang kurang maju, mereka boleh melaungkan globalisasi dan liberalisasi tetapi untuk produk, untuk mata wang tetapi bukan untuk manusia, tetapi manusia terpaksa mengikut arus peningkatan ekonomi. Kalau ekonomi sesebuah negara itu baik, macam semut dengan gula, semut akan terus mencari madu. Begitulah juga dengan keadaan negara kita Malaysia.

Jadi, adakah perundingan dibuat antara negara-negara jiran terutamanya Sabah berdekatan dengan Filipina, sebelah utara berdekatan dengan Thailand,

sebelah barat berdekatan dengan Indonesia dan selatan berdekatan dengan Singapura. Jadi, dalam kalungan itu, adakah kita membuat satu-satu perjanjian untuk mungkin hendak mengenalkan kad pintar yang sama supaya senang kita dapat pergi ke sana sini dengan kad pintar dan kita tahu sesungguhnya identiti kita ini adalah dengan sesebuah negara. Tetapi dalam semangat ASEAN kalau saya katakan di sini mungkin tepat sekali, dalam semangat ASEAN yang telah pun merangkumi 10 buah negara ini, kita wujudkan kad pintar ASEAN pula yang berasaskan kepada kad pintar Malaysia yang menerajui kecanggihannya di rantau ini.

Jadi, saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana kitalah yang mula-mula sekali. Saya amat berterima kasih juga kerana pihak kerajaan mengaturkan pegawai-pegawai kad pintarnya berada di Parlimen selama dekat sebulan. Ada juga yang Ahli-ahli Dewan Negara yang tertinggal untuk mendapatkan. Minta maaflah kalau tidak dapat datang ke situ, dia kena pergi ke Petaling Jaya, saya diberitahu. Tempat Petaling Jaya itu susah sedikitlah. Jadi, kemudahan semacam ini kita ucapkan terima kasih.

Jadi, kita menunggu masa sahaja sekarang ini bila boleh digunakan secara sepenuhnya kerana sekarang ini saya kena bawa tiga dokumen dalam wallet saya – satu kad pintar, selepas itu kad pengenalan, selepas itu lesen memandu. Kalau tidak bawa yang dua ini, mungkin ini tidak boleh digunakan lagi. Jadi, saya hendak tahu bila pula yang ini sahaja boleh digunakan untuk seumur hidup kerana Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan, dalam kad pintar ini, mungkin IC ia boleh digunakan sampai kita mati, tetapi dari segi lesen memandu, hak saya mati mungkin tahun 2004, tetapi macam di England sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ia sampai kita umur 75 tahun. Sekali bayar sahaja, sekali register sahaja, hidup sampai umur 75 tahun.

Jadi, saya mintalah pula kalau sekiranya kad pengenalan, nombor itu tidak mati-mati sampai kita mati, lesen memandu ini tidak payahlah dibayar setahun sekali, kutip sahaja duit permulaan – kira apabila dia lahir sahaja, bayar terus duit lesen. Apabila bayar sahaja, maknanya sejak lahirnya seorang bayi, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dimudahkanlah, maknanya dia bayar terus duit IC, duit lesen memandu, duit ini duit itu, sekali gus. Mana yang tidak mampu, bayar semasa berumur 12 tahun, atas kemampuan masing-masing, tetapi berpeluang untuk membayar untuk seumur hidup.

Jadi, tidak perlu kita minta tiap-tiap tahun. Perkara macam ini boleh kita selesaikan menerusi kad pintar ini. Saya amat tertarik dengan kad pintar ini. Saya bawa kad pintar ini dan tunjukkan kepada orang ramai sekarang ini pasal belakang kad pintar ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok betul-betul ada gambar Menara KLCC dengan tanjak. Jadi, Menara KLCC sekarang ini menjadi satu simbol untuk kemajuan kita dan ianya jelas ternampak menerusi kad pintar yang baru kita dapat ini.

Jadi, saya juga ingin mengetahui bagaimana kad-kad pintar ini menjadi pengkalan data untuk dihubungkan kepada data-data yang lain – data-data ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Adakah pihak kerajaan sekarang, dengan adanya maklumat asas ini, ianya boleh dihubungkan, boleh digunakan oleh perancang ekonomi negara, digunakan oleh pemungut hasil dalam negeri, boleh digunakan oleh universiti atau sekolah-sekolah kerana ia boleh *connect*kan sahaja kepada *data base* yang ianya boleh terus diklasifikasikan mengikut apa-apa jenis klasifikasi yang saya sebutkan tadi, terpaksa diperluaskan lagi untuk memasuk dan mengambil kira *minority group* ataupun kumpulan-kumpulan etnik yang kecil-kecil. Jadi, kalau ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, maka amatlah canggih dari segi kita memproses maklumat peribadi di negara kita yang boleh diguna sebagai asas perancangan dan pemantauan kerana ekonomi kita, kita kena pantau supaya setiap matlamat Dasar Ekonomi Baru, matlamat Dasar Pembangunan Negara dan Dasar Wawasan Negara dapat dipantau menerusi kumpulan data yang bermula dan berpaksi kepada kad pintar yang hendak dibuat oleh Akta Pendaftaran Negara ini.

Jadi, saya mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak kerajaan yang peka dan cepat melakukannya. Ini yang penting. Ia kalau peka sahaja tetapi tidak melaksanakannya, ini ibarat menunggu bulan jatuh ke riba dan impian-impian lain yang dibuat oleh beberapa negeri-negeri lain. Dia bermimpi-mimpi sahaja hendak buat tetapi tidak membuatnya. Jadi, sampai bila pun ianya tidak akan berkesampaian. Jadi, saya mintalah terutama sekali orang-orang yang kuat dalam IT ini, sahabat saya Datuk Ghazi boleh memberikan input yang bersesuaian bagi mengaitkan input ini kepada pengguna-pengguna lain.

Tetapi pada masa yang sama, apakah ciri-ciri keselamatan. Saya sebut dalam bidang yang lain. Keselamatan IT kita ini terpaksa kita jaga dengan baik kerana pencerobohan bukan sahaja dibuat di Malaysia sahaja. Yang di Malaysia ini boleh dicerobohi oleh orang-orang di China, orang-orang di Amerika. Tahukah tidak

Tuan Yang di-Pertua, selepas wujudnya insiden kapal terbang di China di mana kapal terbang perisik Amerika pun dibawa turun ke bawah, wujud satu peperangan siber antara China dengan Pentagon, Amerika, ia berlawanan. Sampai situ dia surrender pasal sudah banyak sangat rosak di China, rosak di Amerika, dua-dua rosak. Dia surrender, dia buat peace, satu perdamaian. Maka, reda sedikit keadaan.

Pentagon sendiri dapat dicerobohi oleh orang 16 tahun dari UK, England. Dia boleh masuk. Budak-budak sekarang ini pintar, Tuan Yang di-Pertua. Atas dasar pendidikan negara kita, lagi pintar. Sampai yang wanita pun lagi pintar daripada lelaki sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ha, itu bahaya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sampai ke tahap itu. Ha, itu kalau bahaya pun saya pun merasa begitu juga [*Ketawa*] tetapi saya tidak sempat hendak buat soalan tambahan tadi [*Ketawa*] kerana terlewat sedikit bangun. Tetapi walau bagaimanapun.... Terlewat sedikit berdiri. Terlewat sedikit berdiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara semacam ini kita kena berhati-hati. Maklum sahajalah kecanggihan satu-satu projek, satu-satu sistem dapat dicerobohi oleh pemikiran canggih dan lebih canggih yang akan difikirkan oleh mana-mana pihak sahaja. Website Parlimen sendiri dicerobohi, ini Parlimen ini, website kita pun boleh dicerobohi dan berapa ribu pencerobohan berlaku di negara kita – website-website kerajaan.

Jadi, ICT sungguhpun ianya canggih, sungguhpun banyak maklumat dapat diadakan dengan mudah dan senang, sungguhpun ianya dapat digunakan untuk perancangan tetapi ianya juga boleh mendatangkan mudarat kepada kita kerana maklumat-maklumat ini boleh diveduk atau boleh dimusnahkan oleh pihak-pihak tertentu.

Jadi, apakah firewall kita, apakah halangan, apakah benteng yang kita buat, bagi menentukan ianya kebal dari segi pencerobohan. Ini kita kena buat kerana, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai kita mungkin belum lagi menjuruskan pemikiran kepada perkara semacam ini. Ya, kita ada MAMPU tetapi sejauh mana kemampuannya. Dalam keadaan yang cepat, dalam keadaan yang penuh ICT sekarang ini [*Gangguan alat pembesar suara*] dan begitu juga di peringkat universiti-universiti adakah kita menggunakan pemikir-pemikir di institusi pengajian tinggi swasta dan.....swasta[*Gangguan semakin kuat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Ada gangguan kepada pembesar suara.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: ...jadi kita kena tahu semua ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, maklumat-maklumat kita akan dicerobohi dan digunakan oleh pihak-pihak tertentu kerana semuanya terkumpul di satu tempat.

Saya hendak bertanya juga, Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian mempunyai apa yang dipanggil back-up service. Data ini dikumpulkan di satu tempat, satu gedung, adakah kita mempunyai gedung kedua, gedung ketiga bagi menentukan kalau gedung ini rosak, hak yang kedua dan ketiga itu masih hidup kerana ini penting sangat dan berapa kosnya untuk mengadakan gedung kedua, gedung ketiga ini, kita hendak tahu. Fasal kita hendak tahu ini kerana kita sayang sangat kepada maklumat ini supaya ianya tidak dicerobohi – dijaga dengan baik.

Kalau sekiranya ada satu kebakaran di tempat yang pertama, kita ada tempat kedua dan ketiga untuk menokok. Jadi, saya hendak tahu, dengan sistem yang ada ini, adakah back-upnya, adakah penyokong-penyokong tertentu bagi menentukan kalau ini musnah, ianya tidak semuanya musnah kerana kita ada lagi fail-fail yang kedua dan ketiga untuk menyelamatkan keadaan.

Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato'. Dijemput Yang Berhormat Tuan Haji Karim.

11.43 pagi.

Tuan Haji Karim bin Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan saya peluang untuk membahaskan Akta Pendaftaran Negara 1959. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh seksyen 3B(1). Mengikut seksyen baru 3B(1), *"Ketua Pengarah Pendaftaran Negara boleh melantik-*

(a) sebilangan pegawai pendaftaran; dan

(b) sebilangan orang yang bukan pegawai awam sebagai ejen pendaftaran sebagaimana yang difikirkannya perlu dan sesuai manfaat."

Dalam hal ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai siapa dari kalangan bukan pegawai kerajaan yang layak dilantik sebagai ejen pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum, sebelum seseorang itu dilantik ke dalam perkhidmatan awam, beliau mesti mempunyai kelulusan yang minimum yang setimpal dengan jawatan yang dipohon. Syarat paling utama ialah beliau mestilah

warganegara Malaysia. Sekiranya kerajaan telah menetapkan sesebuah syarikat untuk memproses kad pintar, misalnya, apakah jaminan bahawa pekerja syarikat pengeluar kad pintar tersebut adalah rakyat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum juga, mungkin syarikat tersebut dalam usaha mengurangkan kos operasinya menggajikan pekerja asing. Persoalannya sekarang, saya ingin bertanya adakah pekerja asing tersebut layak untuk mendaftarkan warganegara Malaysia bagi mendapat kad pengenalan tersebut.

Difahamkan mengikut amalan kerajaan-kerajaan seluruh dunia, urusan kewarganegaraan dūrus sendiri oleh anak watan negara itu sendiri. Amalan ini bukan hanya untuk keselamatan negara tetapi juga untuk melindungi hak rakyat negara itu sendiri. Oleh itu, adalah diharapkan pihak kerajaan mesti memastikan sesiapa yang akan dilantik sebagai ejen pendaftaran mestilah warganegara Malaysia sendiri demi keselamatan negara dan rakyat.

Dengan ini, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Puan Jamilah.

11.46 pagi.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya dan saya juga terpanggil untuk menyentuh sedikit pada umumnya mengenai Akta Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001.

Dalam kita membincangkan masalah kad pintar serba guna, baru-baru ini kita semua telah diberi peluang untuk membuat kad pintar serba guna masing-masing dan saya yakin kita semua daripada Ahli Dewan Negara telah pergi mengambil dan telah mendapat.

Memang kita tidak menafikan ianya canggih dan terkini. Namun demikian, saya memohon penjelasan daripada pihak kerajaan bagaimanakah kad pintar ini digunakan kerana saya bimbang ianya tidak berbentuk mesra berguna, dengan izin, user friendly kerana ianya melibatkan reader *[Menunjukkan alat tersebut]*. Berdasarkan kefahaman saya mengenai kad ini, bagi membolehkan kad ini berfungsi, ianya perlu menggunakan bateri. Apa akan terjadi jika kad ini kehabisan bateri. Contohnya, apabila kebetulan dalam perjalanan tiba-tiba bateri kehabisan, bagaimana polis yang sedang melaksanakan tugas itu untuk mengesan dokumen mengenai individu tersebut.

Jadi, saya juga ingin mendapat penjelasan sejauh mana pihak polis termasuklah pihak JPJ akan diberi kursus bagi memastikan kad pengenalan ini dapat dioperasikan oleh mereka dengan baik. Jadi, kita harap semua pihak akan peka dan prihatin untuk mampu menggunakannya.

Saya juga ingin memohon penjelasan bilakah kad pintar ini akan dikuatkuasakan atau ia masih di peringkat percubaan. Setakat ini adakah pihak kerajaan telah menentukan syarikat yang akan menguruskan pengeluaran kad pintar ini. Sekiranya ada, saya ingin mendapat penjelasan siapakah yang akan mengendalikan kad pintar ini. Sekiranya kad pintar tersebut dikuatkuasakan, saya memohon agar pihak kerajaan mempertimbangkan semula kos yang akan dikenakan bagi memastikan kad pintar ini dimiliki oleh semua warga Malaysia kerana kalau kosnya tinggi, ini merupakan satu bebanan kepada warga miskin dan termiskin dan juga seperti mana penoreh-penoreh getah, nelayan-nelayan dan buruh kerana mereka hanya berpendapatan secukup hidup.

Jadi, saya rasa tidak perlulah mengambil masa yang panjang kerana peluang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga akan memberi pandangan bagi memberi peringatan awal kepada pihak kerajaan untuk mengambil kira dalam semua aspek bagi keselamatan dan sekuriti dengan menggunakan kad pintar serba guna ini.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. Ratnam.

11.49 pagi.

Tuan M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahar rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Negara 1959.

Saya ucapkan syabas kepada Jabatan Pendaftaran Negara kerana dapat menyimpan rekod-rekod manusia dari tarikh lahir sehingga meninggal dunia. Negara kitalah satu-satunya yang mempunyai rekod-rekod seperti ini. Walaupun begitu, ada juga kelemahan-kelemahan yang perlu ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sistem ataupun peraturan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendaftar, dengan izin, late registration pada masa ini adalah begitu kompleks dengan beberapa muka surat yang perlu diisi. Ada juga yang dilahirkan di tanah air kita tidak mendaftar kelahirannya, tidak bersekolah dan tidak mengambil kad pengenalan oleh sebab ketiadaan surat pendaftaran kelahiran, sudah kahwin

dengan yang lahir di tanah air kita juga tanpa surat lahir dan kad pengenalan. Akibat perkahwinan telah melahirkan beberapa orang anak dan kelahiran mereka juga tidak didaftar. Apabila orang-orang seperti itu menemui kita – ketua kaum ataupun politik, kita cuba menolong mereka untuk mendaftarkan kelahiran dan juga mendapatkan surat kelahiran dan kad pengenalan.

Orang-orang yang tidak mendaftar itu adalah orang-orang yang kurang berpengetahuan. Mereka sendiri tidak ingat tarikh lahir mereka dan siapa bidan yang menguruskan kelahiran mereka. Dalam borang permohonan surat kelahiran itu, perlu memberi butir-butir seperti nama bidan atau hospital di mana dia dilahirkan dan tarikh lahir dan pengesahan oleh dua orang yang tahu kelahirannya. Pengesahan penghulu, pengesahan guru besar, pengesahan tokoh-tokoh tempatan dan banyak butir lain. Pemohon itu tidak bersekolah, berpindah dari satu tempat ke tempat lain. Kadang-kadang ibu bapa telah meninggal dunia dan oleh sebab itu tidak dapat memberi maklumat dan pengesahan yang perlu.

Apabila kita mengisi borang permohonan kelahiran, kita perlu berulang-alik beberapa kali ke pejabat pendaftaran. Ada juga temu duga dan sebagainya dan memakan masa beberapa bulan. Saya memohon ataupun mencadangkan bahawa cara untuk pendaftaran late registration diaturkan dengan borang yang dimudahkan atau, dengan izin, simplified. Sekiranya saudara-mara yang berkenaan dapat mengesahkan tarikh kelahiran, itu adalah memadai.

Yang kedua ialah kesilapan yang berlaku semasa memohon kad pengenalan dan sebagainya. Kerap kali ada kesilapan yang berlaku oleh pejabat pendaftaran. Kesilapan adalah ejaan nama, tarikh lahir, tempat lahir, alamat dan sebagainya. Apabila semasa menerima kad pengenalan tidak dapat dikesan kesilapan itu dan apabila sedar ada kesilapan kemudian, yang berkenaan diminta mengisi borang baru dan membuat bayaran juga.

Ini kesilapan pegawai pejabat pendaftaran. Saya tidak tahu mengapa kita iaitu pemohon perlu mengisi borang dan membuat bayaran dan juga menunggu begitu lama untuk mendapatkan kad pengenalan yang telah dibetulkan. Apatah lagi, saya telah memohon kad pintar baru ini di Bangunan Parlimen. Kad pintar ini pun ada banyak kesilapan. Saya lahir di Kuala Lumpur tetapi dalam kad pintar ini Kuala Selangor. Ada juga didapati ada seorang Ahli Dewan Negara, dia lahir di Pulau Pinang tetapi Sibu dalam kad pintar.

Tuan Wong Kam Hoong: Yang Berhormat minta laluan. Saya pun menghadapi masalah yang sama. Saya lahir di Pulau Pinang tetapi di kad pintar itu tempat lahir ialah SibU. Saya tidak pernah pergi ke SibU tetapi saya sudah hantar balik untuk pembetulan.

Tuan M. Ratnam: Terima kasih. Apabila saya minta pegawai yang ada di situ untuk membetulkan dia kata, "Saya tidak boleh betulkan ini, encik perlulah pergi ke Ibu Pejabat Pendaftaran, juga perlu bawa surat kelahiran." Ini kecuaiannya siapa? Kita perlu mengadakan pegawai-pegawai yang cekap. Saya sebagai tokoh di tempat saya, banyak orang datang jumpa saya, banyak kesilapan. Pejabat Pendaftaran perlulah

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tempat mana yang banyak sangat silap itu?

Tuan M. Ratnam: Selalu, Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* tarikh lahir, tempat lahir....

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak, kawasan mana itu?

Tuan M. Ratnam: Saya tidak dapat memberi dengan tepat di kawasan mana.

Timbalan Yang di-Pertua: Supaya kementerian boleh memantau di mana tempat itu.

Tuan M. Ratnam: Negeri Selangor.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey. Negeri Selangor?

Tuan M. Ratnam: Yalah, seluruhlah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput.

Tuan M. Ratnam: Semua tempat pun ada. Jadi, apabila dengan alat-alat yang canggih dan sebagainya itu, boleh adakan kesilapan-kesilapan itu dan saya terpaksa pergi ke ibu pejabat, bukankah ini menyusahkan kita dan apabila saya serah kad ini barangkali saya perlu ulang balik untuk terima kad yang telah dibetulkan itu.

Jadi, saya mintalah supaya pegawai-pegawai yang terlibat – alamat pun salah. Ejaan alamat pun salah, bukan tempat lahir salah, ejaan alamat pun salah.

Pejabat Pendaftaran Negara perlu mengadakan pegawai-pegawai yang cekap dan mahir supaya kesilapan-kesilapan tidak berlaku. Kesilapan-kesilapan ini menyusahkan rakyat Malaysia. Orang awam yang kena itu bukan pegawai itu yang cuai tetapi menuduh inilah Kerajaan Barisan Nasional. Inilah kadangkala oleh sebab-sebab, tindak-tanduk ataupun kecuaiannya kakitangan kerajaan, nama Barisan Nasional

diburukkan. Pegawai-pegawai kerajaan perlu cekap dan berhati-hati bila uruskan kerja-kerja seperti ini.

Dengan kata-kata ini, saya mengakhiri perbahasan saya di atas Akta Pendaftaran Negara 1959 dan menyokong pindaan kepada Akta Pendaftaran Negara itu.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Ghazi.

11.57 pagi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai rang undang-undang pendaftaran dan saya turut menyokongnya.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain kerana langkah yang begitu amat baik dan pintar yang ditunjukkan oleh Kerajaan Malaysia dalam memperkenalkan sesuatu yang baru. Saya percaya ini adalah bukti nyata tentang pewujudan Koridor Raya Multimedia dengan 7 aplikasinya dan ini adalah salah satu bukti bahawa salah satu aplikasi utamanya telah pun diperkenalkan dan diamalkan.

Lebih-lebih lagi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi yang berkata dimulakan dengan kawasan Parlimen ini sendiri dengan memberi kemudahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kebanyakan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum daripada saya, saya amat bersetuju sekali, lebih-lebih lagi dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bila bercakap tentang soal patut kita mulakan usaha mengembangkan pencapaian kita yang begini baik kepada negara-negara ASEAN.

Malah, saya ingin lanjutkan bahawa inisiatif awal bukan hanya setakat ASEAN. Saya kembangkan kepada negara-negara OIC yang kita memang mempunyai kontakannya yang baik. Memang negara Islam, Tuan Yang di-Pertua, mempunyai pandangan yang begitu tinggi terhadap Malaysia. Dengan segala usaha yang telah kita buat, lebih-lebih lagi kalau dapat kita tunjukkan bahawa aplikasi kad pintar ini pun sebenarnya adalah berlandaskan Islam, mengikut amalan Islam. Tidak ada yang tidak Islamnya dalam aplikasi menggunakan teknologi tinggi ini.

Oleh kerana itu, 54 atau 55 negara Islam patut kita dampingi dan patut kita mulakan dengan sebuah negara yang paling layak untuk kita berkongsi. Umpamanya, negara UEA baru-baru ini, di Dubai Internet City di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri melawat boleh kita wujudkan satu program percubaan terus di negara-negara Arab dengan kad pintar yang telah kita sama-sama berjaya ini.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh panjangkan kepada negara Komanwel. Seperti mana yang kita tahu Komanwel sahaja mempunyai 56 negara yang merdeka, mempunyai 1.7 bilion penduduk dan merupakan hampir 30% daripada penduduk dalam dunia dan networking kita dengan negara-negara Komanwel amat baik sekali, sama ada melalui pertubuhan CHOGMnya ataupun melalui Persatuan Komanwel Ahli-ahli Parlimennya sendiri.

Saya ingin menyebut di sini bahawa pentas ini saya rasa boleh kita pergunakan, manfaatkan dengan sebaik mungkin kerana saya ingin berkongsi pendapat dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini. Selaku ahli Exco CPA International baru-baru ini saya telah pun membuat satu cadangan supaya satu projek ICT berpusat di Malaysia dimulakan secepat mungkin dalam serba bidang khususnya dalam bidang pendidikan.

Setelah mendapat perbincangan yang begitu amat menyeluruh di peringkat Exco baru-baru ini di Barbados pada bulan April yang lalu mereka telah bersetuju supaya cadangan yang lebih khusus, yang lebih detail diberi dalam majlis mesyuarat Exco yang akan datang di Australia pada bulan September ini. Malah sebagai langkah awal untuk membolehkan saya sebagai anggota Exco memahami usaha-usaha lain yang telah dibuat oleh CPA adalah dikehendaki saya berada di headquarters di London untuk membuat kajian awal sebagai bekalan kepada cadangan yang lain. Berlandaskan model ini saya rasa kita boleh mencari rakan kongsi yang terbaik di antara 54 ini supaya walaupun tidak ada mungkin keuntungan jangka pendeknya kerana kita sama-sama mencuba tetapi oleh kerana percubaannya begini amat cemerlang yang sudah kita berjaya setakat ini. Saya rasa adalah manfaat kalau semua negara di dalam dunia kalau dari segi regionnya macam kita sebut ASEAN lah satu OIC yang kedua Komanwel yang ketiga dan keempat yang akan datang mungkin G15.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akan melawat ke Jakarta tidak beberapa hari lagi mungkin agak terlalu pendek sekarang. Ini tidak tahulah

tetapi langkah-langkah begini saya rasa patut dimulakan sekarang walaupun kita dalam peringkat permulaan. Itu membayangkan bahawa Malaysia memang terunggul dalam negara-negara membangun memang diakui dan saya rasa langkah pengwujudan dan amalan aplikasi perdana dari segi kad pintar ini kad pelbagai guna kerajaan ini amatlah bersesuaian sekali sebagai salah satu projek yang boleh kita sama-sama banggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebut mengenai projek ini setelah saya melawat tempat pejabat di mana pendaftaran diadakan. Saya telah mengambil satu sikap untuk memahami lebih bagaimana projek ini dijalankan. Sebagai penuntut yang sentiasa mencari ilmu daripada peluang yang terdedah hanya lima minit kita berjalan ke situ. Saya memahami ini adalah satu *pilot project* yang dimulakan sekarang diberi pengkhususan kepada kawasan Lembah Klang sehingga tahun 2003. Amat baik, cuma yang saya minta ialah saya berharap pihak kerajaan akan membuat pengumuman dengan lebih hebat lagi, dengan lebih terperinci lagi dari segi *roll up plan*nya, bentuk perancangannya dengan lebih khusus, kalau kawasan Lembah Klangnya besar di mana hendak mula dahulu dan sebagainya.

Tujuannya ialah kita ingin rakyat bersama-sama kita untuk menghayati apa yang kita buat, sebab proses pendidikan adalah luas. Oleh kerana itu bila kita ada satu pilot project begini patut kita adakan unsur pendidikan bersama-sama rakyat, bersama-sama kanak-kanak sekolah, kolej, institusi masyarakat dan sebagainya, supaya di samping kita menghasilkan apa yang kita hendak buat memang semua orang diperlu untuk ada kad pengenalan kad pintar ini, tetapi dijadikan juga sebagai satu aktiviti, satu projek pembelajaran yang boleh dimasukkan di sekolah di kolej IPTA dan juga dalam melalui projek-projek masyarakat, persatuan penduduk, PIBG dan sebagainya. Yang saya cuba hendak tekankan ialah projek ini hendaklah kita memasyarakatkan projek kad pintar ini.

Jadi kerana itu rakyat akan lebih memahami, orang macam saya pun bukan saya faham sangat tetapi oleh kerana saya selalu kata saya ini macam budak baru belajar jadi saya pergilah bertanya orang, kadang-kadang dekat anak pun kita belajar. Tidak susah, jadi sekarang ini pun kita tahu sedikit, oleh kerana kita tahu sedikit bolehlah kita faham sedikit apa yang dia buat dan di mana baik, di mana berpeluang kita bolehlah sedikit membuat komen cadangan dan sebagainya untuk renungan pihak yang berkuasa iaitu pihak kerajaan sendiri.

Saya bersetuju benar, malah kalau tadi dibangkitkan soal harga saya ingin mencadangkan oleh kerana kita juga hendak menunjukkan kepada masyarakat bahawa dalam zaman kecanggihan kita membuat aplikasi perdana kad pintar ini kita prihatin dengan rakyat yang kurang berpendapatan. Oleh kerana itu saya ingin mencadangkan supaya bila kad pintar ini dilaksanakan dan rakyat mesti bayar buat two tier pricing system dengan izin. Bentuk rangka, harga dua peringkat, ertinya peringkat yang orang berkemampuan katalah RM20.00 dan peringkat yang kurang berkemampuan katalah RM8.00 kerana disubsidizekan oleh pihak kerajaan.

Kalau dalam bentuk lain kerajaan boleh menghulurkan subsidi saya tidak nampak dalam aplikasi perdana kad pintar kerajaan tidak menampakkan kesungguhan untuk mengajak masyarakat juga bersama-sama dalam hal ini. Pada saya cara ini kita dapat menarik hati masyarakat luar bandar khususnya supaya perkataan pintar tidak hanya menunjukkan teknologi tinggi, tidak hanya menunjukkan oh! bebanan kena bayar banyak lagi, komputer kena beli, itu kena beli dan sebagainya. Oleh kerana itu sepintas lalu sebagai strategi serampang dua mata saya rasa pihak kerajaan patut mengambil perhatian ini dengan begitu berat sekali. Kalau tidak mentalnya ialah reject dahulu kerana harganya tinggi.

Jadi, bawa bercakap pintar ia kena bayar, ah! kena bayar pula, sudah kena bayar, tidak cukup dengan dia kata tol-tol yang pintar-pintar, ini pun kena bayar juga. Ini masalah yang saya nampak, yang saya boleh anticipate dari segi pemikiran rakyat di kampung, di luar bandar khususnya. Saya juga selalu balik kampung dan mendengar rayuan dan rintihan hati rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Dato' Aziz telah menyebut tentang soal security, keselamatan. Saya bersetuju dengan apa yang telah disebut dan saya tidak bercadang untuk mengulanginya, cuma saya ingin menekan bahawa kita harus sedar dan peka bahawa masalah security memang ada. Memang inilah environment suasana ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Memang inilah yang kita kena terima, lagi kita galakkan orang menuntut ilmu, mendapatkan kemahiran, lagi kita menuntut orang untuk berkreaitif dan berinovasi, maka lagi kuat ancaman tentang tekanan security. Itu kita kena terima sebagai satu benda yang positif. Walau bagaimanapun sebagai langkah proaktif menyedari bahawa kalau kita boleh langkah lima, kalau kelajuan kita ialah 100 km sejam, kita harus membuat tanggapan bahawa orang lain mungkin boleh 150 km sejam, lebih laju daripada kita.

Oleh kerana itu persoalannya ialah apakah persediaan kita. Jadi, dalam segi bidang security ini oleh kerana masalahnya real oleh kerana kita tahu tercanggihnya Amerika Syarikat di Pentagon pun orang boleh ceroboh. Itu contoh dia, itu yang saya kata senarionya adalah satu environment yang amat hostile dengan izin, senarionya environment memang mencabar kepakaran keilmuan dan kebolehan, kepintaran berfikir. Jadi, cadangan saya ialah supaya pihak kerajaan memberi pertimbangan untuk melancarkan satu projek R&D penyelidikan dan pembangunan nasional, kebangsaan yang besar dari segi keselamatan. Kerana kita bercakap tentang R&D dan saya pernah bercakap dalam Dewan ini tentang kewujudan MIMOS umpamanya. Mungkin badan lain yang lebih layak saya tidak tahu. Tetapi kalau ada wujud, satu program raksasa tentang security, tentang keselamatan dalam bidang kad pintar ini dan juga dalam bidang-bidang lain, saya dalam tajuk ini saya tekankan kad pintar supaya ini yang tercabar kepada saya, terlalu amat banyak maklumat yang ada di dalam ini dan hendak kita masukkan lagi.

Oleh kerana itu kalaulah kita adakan satu program besar-besaran kebangsaan dan boleh terancang dengan baik, maka keseluruhan kepakaran intellectual property, intellectual capital model intelek yang ada di dalam berpuluh universiti yang ada di dalam Malaysia ini dapat kita kumpulkan, dapat kita organize dengan cara sistematik untuk mendapat tahap kepintaran yang lebih daripada apa yang telah kita capai. Saya rasa kita layak dan berhak untuk membuat ini kerana kita telahpun maju dan menunjukkan kebolehan dan kesungguhan kita dalam mengeluarkan satu produk yang begitu amat membanggakan. Kita patut rasa bangga ini pun satu benda lagi, tadi bila saya kata kita program masyarakat bukan setakat hendak membudayakan, hendak memasyarakatkan ini patut kita semaikan juga semangat rasa yakin dan proud – apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua: Bangga.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: ..bangga, terima kasih. Rasa bangga dengan kejayaan kita. Oleh kerana itu bila kita keluar negeri kita memang boleh berdiri di atas, bercakap dengan negara mana pun, bercakap tentang yang pintar, koridor raya multimediana dan akta-akta yang pintarnya, dengan produk pintarnya. Jadi, konsisten kita bercakap dan supaya orang melihat Malaysia dengan trademark pintarnya, tu dia. Itu kebanggaan yang saya rasa patut kita masukkan juga di samping kita melaksanakan program ini amat baik.

Tuan Yang di-Pertua, itu saya bercakap yang baik. Sekarang saya hendak makronya dari segi keseluruhannya. Sekarang saya hendak berkongsi pendapat dalam Dewan yang mulia ini tentang hasil kajian saya sepontan dalam berjalan ke tempat itu dan bercakap dengan pegawai-pegawai yang berkenaan. Ini sedikit teguran dan mungkin cadangan yang mungkin boleh dibaiki.

Pertama, kalau saya pegang kad pintar ini, telah diperkenalkan dalam mana-mana pun mengatakan kad pintar. Tetapi kalau saya perhatikan, yang ditulis di hadapan ialah kad pengenalan Malaysia. Kalau saya pusing di belakang lesen memandu Malaysia. Lesen memandu betul, kad pengenalan pun betul. Tetapi kad ini, atas kertas ini dipanggil KPPK – Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan. Oleh kerana itu pada saya patutlah ini fundamental, ini mungkin over side dengan izin, ini mungkin terlepas pandang. Sepatutnya yang diperkenalkan di sini ialah KPPK Kad Pintar Pelbagai Kerajaan, dua sekali GMPC, patut ada kerana yang kad pengenalan dengan lesen memandu dalam chip dan kesihatan pun hendak dimasukkan lagi dalam chip dan e-cash pun dalam chip dan yang lain-lain hendak masuk pun dalam chip. Oleh kerana itu kalau hendak memberi nama, hendaklah dinamakan Kad Pintar Pelbagai Kerajaan (KPPK). Tetapi kalau sudah ada nama hendak sub-sub menunjukkan content itu lainlah. Ini pada saya satu benda fundamental sebab bila saya memegang sesuatu, saya melihat apa ini? Ini adalah kad pengenalan. Apa ini? Ini adalah lesen memandu. Tetapi ada juga passport di dalam, ada juga kesihatan dan sebagainya, itu fundamental.

Saya mendapat GMPC Personal Caring Rider, pembaca kad mini KPPK, ini baik. Jadi, kalau Inggerisnya GMPC, kalau Melayunya KPPK, tidak apalah ulang sepuluh kali ingat.

Cuma saya rasa agak tidak begitu konsisten. Agak baik kalau pihak kerajaan juga boleh meminta syarikat yang berkenaan daripada nama syarikatnya di atas, di bawah tulis GMPC, *that's all*, tidak ada yang lain. Patutnya GMPC/KPPK, jadi peringatlah juga pak haji, pak tani dan pak lebai di kampung bahawa KPPK itu ialah Kad Pintar Pelbagai Kerajaan. Kita hendak masyarakatkan dia, kita hendak dia tahu, KPPK ini apa dia.

Dan satu lagi, *reader* yang kecil ini tidak begitu *user-friendly*, dengan izin, sebabnya ialah kalau saya tinggal begini, saya hendak pakai dia, tidak ada garis panduan yang diingat atas ini. Di belakang ini ada kosong, boleh diletakkan sedikit ayat yang membolehkan dia pakai dengan betul. Sebagai contoh, kalau saya

hendak pakai ini, saya tidak tahu yang hendak di depan atau di belakang. Cipnya di hadapan atau di belakang, jadi kena cubalah. Kalau tidak cuba, saya kena baca benda Allah ini maka terpinga-pinga sayalah ketika itu, mana dia yang hendak pakai ini. Maka bacalah saya, kemudian dia kata, kena letak cip ini di sebelah hadapan. Okaylah, baru saya tahu.

Jadi bila saya sudah menghadapi masalah itu, saya kata kena *user-friendly*. Di hadapan ini tunjuk gambar sedikit, macam ditunjuk dalam itulah, ulangkan di situ, di belakang ingatkan cara inilah kita hendak menyenangkan lagi dari segi penggunaan.

Baik, kemudian satu perkara lagi, dari segi penggunaan yang agak mustahak juga ialah hanya bila saya tahu secara lisan kena picit butang ini dua kali untuk meneruskan dengan data, mendapat maklumat yang lanjut, di sini tidak diingatkan. Di sini pun bila saya tengok, tidak ada ingatan itu. Jadi, ertinya persediaan kita tidak begitu lengkap yang boleh kita perkemaskan lagi.

Saya ingin menyebut juga tentang Meps Cash ini. Ini pun dibuat agak berasingan, yang Meps Cash ini diberi kepada satu bank untuk memperkenalkan Meps Cash. Bila saya tanya banyak, sebenarnya sekarang ini belum boleh digunakan. Ini pun satu benda lagi, ini masalah kepada masyarakat. Kadang-kadang kita kena *control*, ini yang maksud saya, *the roll up plan* yang saya cakap dari segi perancangan untuk hendak melaksanakan, program perlaksanaan itu hendaklah berperingkat dan mungkin bagus juga ada satu *pilot project* dalam Parlimen, jadi kita dalam keluarga, kita boleh membuat teguran ini.

Kalau sekiranya ini berlaku di luar, terlalu banyak soalan daripada yang boleh dijawab lebih-lebih lagi yang menjadi masalah ialah tidak semua orang yang bertanggungjawab boleh jawab. Saya cakap ini sebab saya sudah tanya. Jadi untuk hendak dapat soalan ini kena A, kemudian tanya yang ini pula dia kata kena tanya B. tanya lagi dia kata C, tanya lagi D. Dia kata hendak tahu lagi kena ada seorang lagi. Jadi hari lain saya pergi jumpalah seorang lagi, Alhamdulillah, seorang lagi dia tahu. Jadi saya pun belajarlah mendapat sedikit ilmu untuk memahami dari segi aplikasi perdana ini.

Saya mengambil sikap untuk mengetahui ini kerana saya wakil Malaysia dalam umpamanya dunia Komanwel yang saya sebut tadi. Jadi kalau saya boleh faham ini, saya boleh tahu di mana kelemahannya tetapi di mana ada kekuatannya,

kalau kita sudah nampak kekuatannya hebat, beranilah kita membuat cadangan lain yang dalam bentuk yang saya sebutkan tadi.

Kita ingin rasa bangga tetapi kalau ada kelemahan kita hendak bisik kepada rakan supaya diperbaiki dengan harapan kita menggunakan ini sebagai kekuatan untuk kita bentangkan ke dunia luar dan hal ini telah pun berlaku dengan hasil yang begitu baik, alhamdulillah. Perkara Meps Cash ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya harap ada masalah, saya sudah faham masalah ini dari segi perbankan, tidak semua macam masalah syariah yang saya tanya Yang Berhormat Dato' Noh. Tidak semua negeri yang terima hukum-hakam syariah yang kita buat ini. Inipun lebih kurang juga dari segi pengamalan Meps, Meps Cash khususnya yang hendak dimasukkan dalam kad pintar.

Jadi saya harap seluruh anggota industri perbankan akan lebih proaktif dan memberi sokongan dan dorongan kepada program Meps Cash untuk kad pintar. Program Meps yang lain yang ambil duit ATM itu sudah jalan, okay. Tetapi bila yang ini ada sedikit permasalahan dan saya harap pihak kerajaan akan mencuba seboleh mungkin supaya taraf penggunaan ATM yang ada Meps itu adalah sama dengan taraf penggunaan Meps Cash ini, ertinya menyeluruh, sudah sama peringkat. Sekarang tidak, jadi inipun satu lagi saya rasa yang patut pihak kerajaan memberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya rasa itu sahajalah sedikit teguran membina yang saya hendak. Oh, satu lagi mungkin sebagai kesimpulan, semuanya ini datang berasingan. Saya rasa mungkin agak elok kalau pihak kerajaan oleh kerana benda ini benda baru dan di antara banyak aplikasi pada saya yang paling rapat dengan rakyat hari-hari ialah Kad Pintar. Yang lain, dia tidak tahu pun, buatlah ini MSC dan sebagainya, yang lain banyak tetapi agak jauh dengan aplikasi kegunaan harian.

Oleh kerana itu saya rasa, keseluruhan maklumat yang berasingan ini pada saya kalau eloknya dibuat, dibukukan sebagai satu *pamphlet* yang kecil yang *handy*, boleh bubuh dalam poket, *pocket size*. Kesemuanya masuk dan dibentangkan dalam bentuk format yang begitu menyenangkan supaya lebih ramai orang yang dapat memahami sebab pepatah Melayu kata tidak kenal maka tidak cinta, setelah berkenal, kasih menjelma. Kita hendak bagi rakyat jelata kenal kad ini dan jatuh cinta dengan kad ini supaya dia terburu-buru hendak meletakkan wang RM500 dalam ini dan menggunakan untuk pembelian dan sebagainya.

Jadi pada saya cara itu akan lebih memberi manfaat termasuk juga kalau di dalam laman web, dalam akhbar, kalau hendak akhbar dalam satu ruang yang khas pun pada saya, elok diadakan dan kalau diadakan dalam forum-forum RTM, dalam televisyen dan sebagainya patut diberi pengkhususan tentang tajuk ini sahaja sebab cukup banyak, saya sendiri pun setakat menyentuh perkara-perkara pokok sahaja, tidak memberi perkara yang lain yang agak detail akan dapat diambil tindakan oleh pihak kerajaan sendiri.

Jadi dengan kata-kata itu saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jaya Partiban.

12.25 tgh.

Puan Jaya Partiban: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum menyokong Rang undang-undang ini, saya ingin menyuarakan dua tiga perkara yang merunsingkan fikiran saya. Saya mengucapkan tahniah kepada jabatan ini kerana sentiasa membuat perubahan mengikut perkembangan teknologi. Yang saya maksudkan ialah Kad Pintar tetapi apa yang saya khuatir ialah adakah kementerian ataupun Jabatan Pendaftaran Negara mengambil langkah-langkah yang perlu untuk dengan izin, *educate* orang ramai sebelum mewajibkan kad ini kerana bagi kita orang yang berpelajaran, mungkin ini bukan menjadi satu hal tetapi bagi orang-orang seperti ibu saya yang buta huruf, saya takut mungkin tidak tahu cara menggunakannya ataupun seperti yang dikatakan tadi oleh rakan-rakan Senator terdapat banyak kesilapan.

Saya lahir di Melaka tetapi *print out* yang diberi oleh pegawai mencatatkan Besut. Saya pun tidak tahu kenapa saya dialihkan ke Terengganu [*Ketawa*] tetapi bila saya tanya bolehkah ia dibetulkan, katanya boleh tetapi kena hubungi Jabatan Pendaftaran Negara dan apabila dia cuba dapatkan maklumat, kata tempat lahir kosong sahaja, macam mana dalam *print out* boleh dapat Besut tetapi dalam cip itu tempat lahir kosong. Saya tanya pegawai itu, kalau tempat lahir kosong, saya dilahirkan di Melaka seperti kita semua maklum, mereka yang dilahirkan di Melaka dan Pulau Pinang sebelum merdeka tidak perlu memohon untuk mendapatkan Sijil Kerakyatan. Itu adalah secara automatik.

Kalau dalam Kad Pintar itu tidak dinyatakan saya dilahirkan di Melaka, macam mana saya hendak buktikan bahawa saya adalah negara Malaysia. Mungkin kalau perlu dibuktikan, nanti saya rasa tidak ada apa-apa bukti. Saya berharap

diselaraskan kerana semua Kad Pintar mengandungi maklumat tempat lahir dan I amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, dari kajian yang dijalankan oleh Yayasan Strategik Sosial, kami dapati bilangan yang mereka tidak mempunyai surat lahir dan kad pengenalan amat membimbangkan. Saya sedar pihak jabatan akan berkata, ia adalah tanggungjawab ibu bapa tetapi ibu bapa sendiri tidak mempunyai dokumen-dokumen ini. Apabila kami dari MIC menghantar permohonan pendaftaran lewat dalam usaha membantu mereka, ada pula pegawai-pegawai yang tidak mahu bekerjasama.

Saya berharap pihak jabatan dapat menempatkan pegawai-pegawai yang lebih prihatin untuk menguruskan kes-kes ini. Sepatutnya satu unit khas perlu ditubuhkan untuk mengendalikan kes-kes pendaftaran seperti ini. Saya juga mencadangkan pihak Jabatan Pendaftaran Negara menjalankan satu kempen untuk mendaftarkan mereka yang tidak mempunyai surat lahir dan kad pengenalan untuk mengurangkan gejala-gejala sosial.

Apabila seorang kanak-kanak itu tidak mempunyai surat lahir maka dia tidak dapat ke sekolah. Tanpa pendidikan formal dalam usia yang kecil, mereka mula membuat *odd jobs*, dengan izin, dan akhirnya terperangkap dalam gejala-gejala sosial.

Memberi statistik bahawa bilangan belia India yang terlibat dalam gejala-gejala sosial adalah pada kadar yang tinggi sahaja tidak mencukupi. Sebab-sebabnya hendaklah dikaji dengan teliti. Tanpa dokumen-dokumen yang perlu, mereka tidak dapat melengkapkan dengan ilmu yang sesuai, yang begitu penting untuk masa depannya. Inilah sebabnya satu kempen perlu dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian jabatan ini terhadap kesulitan yang dihadapi oleh penduduk kaum India yang dianggap sebagai bukan warga negara. Ada kalanya mereka yang ditempatkan di rumah anak-anak yatim, di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat selama 15 tahun, tidak diberi kad pengenalan biru kerana tidak tahu taraf kerakyatan bapanya. Ini saya rasa tidak adil dalam kes-kes seperti ini. Saya berharap Jabatan Pendaftaran Negara lebih sensitif. Saya percaya undang-undang yang digubal adalah untuk melindungi hak rakyat dan bukan untuk hukum semata-mata.

Oleh kerana dokumen-dokumen sah adalah penting untuk menjamin masa depan seseorang, maka pegawai-pegawai di jabatan ini perlu mempunyai sikap yang

lebih timbang rasa. Ini adalah penting kerana bagi penduduk ini, negara inilah tempat mereka bergantung, mereka lahir di negara ini dan dibesarkan di negara ini. Mereka tidak tahu tempat lain, mereka bukan sahaja tidak dapat ke sekolah, dapat kerja dan sebagainya, malah mereka juga tidak dapat daftar sebagai pengundi. Ini menafikan haknya dan juga akan merugikan sahaja Barisan Nasional kerana pada lazimnya masyarakat India adalah penyokong Barisan Nasional yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, kes anak yang dilahirkan di luar nikah juga menjadi salah satu sebab kenapa kelahiran tidak didaftarkan. Ini adalah kerana di ruang di mana nama bapa perlu diisi ditulis sahaja tiada. Kalau ditulis bapa tiada, apabila besar kelak budak ini akan mengalami tekanan emosi dan juga rasa terhina, inilah sebab-sebabnya yang kelahiran tidak didaftarkan.

Saya berharap jabatan ini akan mengambil perhatian kepada perkara-perkara ini dan dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Karim.

12.34 tgh.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk membahaskan akta untuk meminda Akta Pendaftaran Negara.

Saya ingin terlebih dahulu meminta maaf kerana mungkin apa yang saya bangkitkan ini lebih banyak menjurus kepada perkara-perkara yang berbangkit di Sabah. Pertama di dalam meminda Akta Pendaftaran ini, kebanyakan yang saya lihat adalah untuk melantik pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di dalam mengendalikan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan pendaftaran.

Di Sabah pada masa-masa yang lalu, pegawai-pegawai yang terlibat di dalam pendaftaran surat beranak secara direct ditempatkan di hospital, kadangkala di pejabat polis atau di pejabat daerah. Saya minta supaya diteliti dengan baik dan cermat kerana pegawai-pegawai yang ditempatkan di hospital-hospital, kadangkala apabila kita datang mendaftar, dia mengeja pun tidak berapa pandai. Malahan kalau kita berikan nama Faezah, dia tulis nama Puizah seperti mana yang diakui oleh Yang Berhormat salah seorang Senator wanita. Perkara ini banyak berlaku di Sabah. Malahan tidak kurang pula surat beranak banyak nama 'no name' atau 'belum tahu'. Itulah akhirnya surat beranak itu nama 'no name' atau 'belum tahu'. Ini sangat menyulitkan kepada budak-budak yang datang mendaftar atau ibu mendaftarkan anak-anak.

Satu lagi yang menjadi masalah di Sabah, apabila seseorang datang mendaftar dan mengatakan bangsanya Melayu, dia tanya Melayu apa? Kita katakan Melayu, dia tengok rupa, ditulis Melayu Bajau, Brunei dan sebagainya. Ini menyulitkan kerana dituliskan suku-suku bangsa sebagai bangsa di dalam surat beranak itu menjadi punca tekanan kemudian hari, menjadi punca diskriminasi, menjadi punca perbalahan.

Kita mintalah supaya apabila seorang bumiputera terutama sekali yang beragama Islam, kalau dia rakyat Malaysia penduduk Sabah ingin mengatakan bangsanya bangsa Melayu, tidak perlulah ditanya apakah dia Melayu Bajau, Melayu Brunei, Melayu Bisayak, Melayu Mendeling, Melayu Bugis, Melayu macam-macam. Ini akan memecahbelahkan kita di masa yang akan datang. Kerana sebenarnya perkataan Melayu di Sabah adalah satu perkataan yang tidak ada Melayu di Sabah seperti yang dikenali di sini.

Yang menerima bangsa Melayu itu kebanyakan orang Islam, tetapi saya ingin bertanya siapakah sebenarnya yang dikatakan Melayu di Sabah. Kalau ianya menerima bangsanya sebagai Melayu seharusnya kita terima dengan tidak perlu membangkit-bangkitkan dia itu suku Dusun, sudah pun dia suku Dusun dikatakan Dusun Kuijau, Dusun Bundu, Dusun Tatanah, Dusun Rungus dan sebagainya lagi. Sebab orang-orang seperti kami ini, termasuk saya sebenarnya kalau dikatakan saya Melayu, kalau dikaji saya bukan Melayu. Tetapi dalam surat beranak bahasa saya Melayu kerana saya terima saya sebagai Melayu.

Datuk saya dahulu datang dari India, apabila India berpecah dia jadi Pakistan. Datang ke Sabah sebagai polis kahwin dengan orang Kadazan. Orang Kadazan itu bangsa suku di Sabah tetapi Kadazan juga pada masa itu dinamakan Dusun. Perkataan 'Dusun' ini sebenarnya berasal daripada perkataan orang Melayu Brunei yang datang ke Sabah, melihat di Sabah, tidak ada bandar yang ada dusun.

Jadi, dikatakanlah saya orang Sabah, suku Dusun. Suku Dusun ini kahwin dengan orang India/Pakistan dan melahirkan anak peranakan Dusun/Pakistan iaitu datuk saya, dia pula kahwin lagi dengan orang Dusun di Sabah yang berketurunan Murut dan Iban.

Lahirlah ibu saya, dia kahwin dengan seorang Melayu dari Negeri Sembilan yang saya juga tidak tahu siapa dia, Minangkabaukah, Orang Asli kah tetapi apabila saya lahir di Sabah, saya menerima saya ini adalah orang Melayu kerana Melayu itu bagi saya adalah mental.

Melayu itu bagi saya adalah yang diterima sebagai Orang Asli di gagasan Kepulauan Melayu, Orang Asli di gagasan Kepulauan Melayu ini adalah orang Melayu, yang lain itu cuma suku, disebabkan sejarah, disebabkan tempat tinggal, disebabkan macam-macam lagi. Ini saya dapat buktikan kerana seorang anak perempuan saya berkahwin dengan orang dari negara Brunei. Bila dia kahwin dengan anak saya yang rakyat Brunei ini adalah bangsanya Melayu, tidak ada bangsa Brunei.

Tetapi di Sabah ada bangsa Brunei. Di negeri Brunei tidak ada bangsa Brunei. Dia bangsa Melayu. Di Sabah ada bangsa Brunei. Umpamanya Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani kalau tengok barangkali dalam surat lahirnya, dia bangsa Brunei.

Bagi kita Orang Asli atau penduduk asal di negara Malaysia ini siapa sebenarnya kita ini. Di Semenanjung alhamdulillah, bangsa Melayu diterima awal oleh orang-orang suku kaum Melayu di sini dijadikan bangsa Melayu. Di Sabah perkara ini belum lagi, mungkin di Sarawak juga belum lagi. Tetapi di Sarawak pun ada taliannya dengan orang di Sabah. Orang-orang yang tinggal di banjaran Gunung Murut, di Sarawak itu berhijrah ke Sabah tinggal di tepi sungai Tagol iaitu menjadai Murut Tagol.

Kalau semua ini kita lihat, kita kaji betul-betul. Orang bumiputera yang berasal dari gagasan Kepulauan Melayu untuk dikenali di dalam suratberanak, kalau mereka mengatakan mereka Melayu, cukuplah setakat itu tidak perlu lagi diungkit dia suku-suku Dusun, Melanao, Bugis, Bisaya dan sebagainya.

Jadi, tidak timbul apabila datang mendaftar, dia hendak mendaftar bangsanya Melayu, ditanya Melayu apa, kenapa di mana?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang minta laluan. Dijemput Yang Berhormat Tuan Abdillah.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Datuk Haji Karim ada menyebut Melanao, kalau di Sarawak terpaksa Melanao itu diletak sebagai Melanao kerana ada Melanao Islam dan ada Melanao Kristian dan ada juga Melanao Likau. Jadi, tidak dapat dikatakan Melanao itu terus diletak dalam bahasa kategori Melayu. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Haji Karim.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya fikir di sini juga ada kekeliruannya tentang bangsa. Bangsa harus dibezakan daripada

suku. Bangsa atau rumpun Melayu ini, semua orang asal, orang bumiputera yang asal di rantau gagasan Kepulauan Melayu ini, mesti Melayu. Lepas itu barulah dia dimelanaokan atau dibisayakan, didusunkan kerana masa, tempat dan sejarah.

Genetically orang Melanao Islamkah, Kristiankah atau tidak ada agamakah, ia tidak dapat dinafikan dia itu Melanao dan Melanao itu adalah bumiputera gagasan Kepulauan Melayu, bangsanya mestilah Melayu. Kalau dia mengaku dia suku Melanao terpuanglah untuk kita dikenali dalam dunia ini sebagai satu bangsa Melayu adalah satu bangsa yang besar, tetapi sebagai Melanao barangkali tidak sampai 1% pun rakyat Malaysia ini. Daripada kita dipecah-pecahkan kepada suku-suku kaum, kenapa tidak kita sebagai rakyat Malaysia yang berasal dari keturunan gagasan kepulauan melayu ini memilih satu nama sahaja untuk *identify* kita sebagai satu bangsa.

Lanjutan daripada itu di Sabah kita juga mempunyai banyak masalah pada ketika ini berkenaan dengan kad pengenalan. Di Sabah ada tuduhan-tuduhan kad pengenalan dipalsukan atau kad pengenalan palsu. Kad pengenalan palsu ini bukanlah satu perkara yang menghairankan kerana bukan sahaja kad pengenalan dipalsukan, tetapi wang dipalsukan, pakaian dipalsukan, macam-macam dipalsukan, yang palsu tetap palsu.

Kalau dapat dibuktikan yang benda itu palsu, ada undang-undang yang boleh diambil untuk menghukum. Tetapi janganlah oleh sebab dituduh kad pengenalan palsu apabila polis mengambil tindakan, semualah dirangkum sekali dibawa ke pusat-pusat untuk pemeriksaan, semata-mata kerana rupa orang itu yang berkulit sawo matang mempunyai kad pengenalan biru umpamanya, atau kad pengenalan yang dikatakan KPT, di Sabah dikatakan kad pengenalan bunga raya kerana cap bunga raya di belakang itu, dijadikan mangsa.

Kalau di dalam operasi-operasi betul orang itu membuat jenayah, tangkap dan hukum dengan setimpalnya. Di Sabah juga pada ketika ini orang yang mempunyai kad pengenalan berwarna biru untuk ditukarkan kepada kad pengenalan bermutu tinggi atau orang mempunyai kad pengenalan bermutu tinggi hilang, rosak, digantikan dengan satu resit yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Malangnya resit-resit ini di Sabah adalah banyak dan sehingga kini masih banyak lagi yang belum mendapat gantian kad yang hilang diganti atau waktu menukar kad biru kepada kad KPT ini masih banyak. Usaha-usaha untuk mendapatkan kad pengenalan baru telah dijalankan dan saya difahamkan juga banyak kad yang baru

ini telah dihantar ke Kota Kinabalu atau pejabat-pejabat pendaftaran tetapi belum dapat disampaikan kepada tuan punya kerana di Sabah ini sebagaimana kita tahu dari segi perhubungan jalan raya, dari segi kampungnya jauh-jauh kadangkala kad pengenalan ini tidak sampai.

Kalau boleh dipercayai, parti-parti politik terutama kami daripada UMNO ingin membantu. Kalau senarai nama-nama kad itu ada kami boleh tolong cari orang ini di mana dia atau apa telah jadi kepada orang ini kerana kebanyakan orang ini berpindah dari satu ladang ke satu ladang, dari satu kem kayu balak ke kem kayu balak. Banyak kad ini tidak sampai kepada tuan punya yang menjadikan beban kepada rakyat Sabah dan menjadikan beban juga kepada orang yang mempunyai kad pengenalan tetapi tidak sampai di tangannya kerana masalah yang saya katakan tadi.

Selain daripada itu, saya mintalah, sebab beberapa kali di Sabah telah dibangkitkan tentang orang yang tidak mempunyai surat beranak. Alhamdulillah, Jabatan Pendaftaran sangat prihatin dan bersetuju menghantar pasukan-pasukan untuk pergi mendaftarkan orang serupa ini. Jadi semua yang boleh tolonglah bantu supaya orang-orang ini dapat didaftarkan dan juga kawalan yang lebih ketat tentang pendaftaran kad pengenalan ini.

Di Sabah dan di Semenanjung ada bezanya. Di Semenanjung dalam kad pengenalan itu kalau umpamanya Karim bin Ghani, di Sabah orang yang memakai 'bin' ini tidak semestinya Islam. Tetapi 'bin' atau 'binti' ini sebenarnya bin kalau saya tidak salah perkataan ini bererti anak laki-laki. Jadi, kalau sudah ada dalam kad pengenalan Karim Ghani, laki-laki tidak perlu pun ada perkataan 'bin' itu, mestilah Karim ini anak laki-laki Ghani. Begitu juga perempuan. Sekarang ini dalam kad pintar ini 'a/l' dan 'a/p' tidak digunakan lagi. Inilah satu perkara yang sangat baik kerana kalau di Sabah orang yang mempunyai nama menggunakan 'bin' itu tidak semestinya Islam dan orang yang memakai songkok pun tidak semestinya Islam di Sabah. Nama Karim bin Adam pun macam seorang Yang Berhormat kami, Karim bin Adam dia juga bukan orang Islam.

Sabah harus peka. Kadang-kadang kalau kita bercakap di Sabah tentang nama, tentang rupa, dia tidak membayangkan bahawa orang itu Islam atau tidak Islam kerana satu suku kaum Kadazan atau Dusun umpamanya sama juga macam kaum Melanau ada yang Islam dan ada yang tidak Islam. Malahan saya sendiri pun lebih 50% saudara saya yang bukan Islam. Sebab *intermarriage* menyebabkan kami

begini. Barangkali itulah juga sebabnya di Sabah kami lebih toleransi antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Puan Jaya Partiban: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Karim, ada Yang Berhormat Puan Jaya hendak minta laluan.

Puan Jaya Partiban: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Datuk, saya hanya hendak tahu sahaja kalau tidak ada 'bin' ataupun 'binti' nama seperti Rohani yang digunakan untuk kedua-dua jantina macam mana hendak kenal pasti? Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Saya percaya dalam dokumen kad pengenalan atau pasport ada di situ jantina male atau female (lelaki atau perempuan), umpamanya Aion. Aion pun ada barangkali laki-laki dan perempuan atau Zainon. Kejadian serupa itu tidak sebegitu menyusahkan kerana nama orang Cina, Lim Kok Leng atau Chew Poh Thoi kita pun tidak tahu daripada nama dia sahaja, dari segi nama sahaja kita tidak tahu tetapi kalau Yang Berhormat Chew Poh Thoi datang bawa dia punya kad pengenalan tentulah kita tahu Yang Berhormat Chew Poh Thoi itu perempuan atau Zainon binti Zaiton itu perempuan. Itu tidak menjadi masalah sangat.

Datuk Long bin Jidin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, mengundang lagi laluan nampaknya. Jemput Datuk.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan. Saya ingin bertanya kepada Yang Datuk Karim Ghani, di kalangan masyarakat Orang Asli ada yang perempuan rupanya macam lelaki sebab rambutnya kerinting, singkat, kalau dilihat tidak sampai di bawah dagu memang rupanya macam lelaki. Jadi, kalau disebut tengok gambar di kad pengenalan dengan gambarnya, dengan syarat daripada dagu ke atas memang dilihat rupanya seperti gambar lelaki. Jadi, pada kad pintar ini memang wajar perlu ditulis perkataan 'perempuan' dan 'lelaki'. Hendak tambah juga di Semenanjung masyarakat Orang Asli pun serupa macam Yang Berhormat Datuk Karim Ghani sebutkan tadi. Di Semenanjung, Orang Asli pun ada ramai yang pakai 'bin', ramai yang pakai 'binti' tetapi ramai juga yang ada 'bin' dan 'binti' tidak Islam dan terdapat juga yang Islam. Jadi, ini juga menjadi satu masalah. Dan contohnya bagi masyarakat Orang Asli

seperti soalan saya tempoh hari berkaitan dengan bangsa, perkataan bangsa 'Orang Asli' tidak ada. Jadi kami terpaksa guna 'orang Melayu'. Bila sebut 'orang Melayu' mesti Islam tetapi ramai Orang Asli yang tidak Islam. Ini macam mana keadaannya? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Datuk Karim.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang Yang Berhormat Datuk "Ling" katakan itu kebanyakan *the acceptance and not the rule...*

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Long.

Datuk Haji Karim Ghani: Datuk Long. *The acceptance not the rule*, dengan izin. Jadi, perkara-perkara itu bukan selalu terjadi, bolehlah ada cara lain untuk memastikan yang dia itu lelaki atau perempuan.

Tentang Orang Asli ini, barangkali di Semenanjung tidak jadi masalah. Kalau di Sabah dikatakan saya bukan orang Asli, saya pukul orang itu sebab kita di Sabah ini perkataan orang asli itu orang Dusun, orang Bajau, orang Murut, orang apa pun, kami semua ini orang asli. Kalau katakan kami bukan orang asli, kami pukul. Jadi perkataan 'orang asli' itu adalah satu kemegahan kepada kami di Sabah. Beberapa kali kita bercakap di sini yang Orang Asli di Semenanjung ini, Yang Berhormat Datuk Long pun mengatakan dia orang Melayu asli. Dan kalau dia Melayu asli nanti orang katakan yang lain Melayu ini bukan asli, barangkali pendatang. Jadi, kita harus memastikan di Malaysia ini kalau kita ada konvensyen, panggil semua suku-suku kaum bangsa Orang Asli di Malaysia ini kita tentukan apa bangsa kita. Kalau kita semua akui saya bangsa Melayu suku Dusun, macam mana pulaklah Karim Ghani tidak tahu suku apa. Tetapi bagi saya apa pun siri-siri suku yang ada mengalir dalam badan saya ini tetapi mentaliti saya mengatakan saya Melayu kerana saya terima perkataan 'Melayu' kerana saya tinggal di rantau gagasan kepulauan Melayu. Memanglah saya orang Melayu. Kalau dulu *anthropologist* atau *historian* mengatakan gagasan ini gagasan kepulauan '*giant robot*', tentu kita ini bangsa '*giant robot*'. Tetapi alhamdulillah, kita setuju yang rantau ini dikatakan rantau gagasan kepulauan Melayu, saya sendiri percaya, saya terima saya ini orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang sudah sampai ke zaman kad pintar. Alhamdulillah kad pintar ini

Dato' Zainal Abidin bin Zin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Karim, Yang Berhormat, jemput.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya melihat banyak hujah dan perbincangan mengenai faktor-faktor yang boleh menentukan sama ada orang itu Melayu ataupun tidak dan termasuk istilah menggunakan 'bin' dan 'binti' yang biasa digunakan oleh orang-orang Melayu di Semenanjung terutama sekali. Saya hendak dengar dalam pandangan Yang Berhormat Datuk ini apakah ceraian-ceraian istilah ataupun faktor-faktor yang boleh dirangkumkan di antara yang terkuat dan yang tidak kuat yang kita boleh terima sebagai orang itu adalah Melayu ataupun berketurunan Melayu. Tidak kira di mana mereka berada di Perlis, Sabah, Sarawak, Pahang dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Datuk Karim.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum merdeka dulu kami di Sabah di bawah pemerintahan British Colony. Sebelum itu kami di bawah pemerintah Syarikat Chartered Company. Sebelum itu kami di bawah pemerintahan Sultan Sulu. Sebelum itu kami di bawah pemerintahan Sultan Brunei. Barangkali di sinilah faktor sejarah, faktor tempat yang menjadikan kami ini berbagai-bagai suku kaum. Kalau suku kaum Kadazan barangkali daripada corruption perkataan 'Kadaian' kerana dulu orang suku kaum Kadazan ini mulanya kami dipanggil orang Dusun. Tetapi kemudian oleh sebab ada Dusun di gunung, ada Dusun di kedai, jadi orang Dusun di gunung ini dipanggil Dusun, yang di bandar, di kedai dipanggil Kadazan kerana lidah orang Dusun ini, with due respect, Datuk Christina Tibok, perkataan huruf 'i' itu kebanyakan kita gantikan dengan 'z'. Kalau 'Kadaian' dia jadi 'Kadazan'. Macam-macam lagi yang 'i' itu digantikan dengan 'z'. Kalau pada ketika itu kita bercakap dengan betul, oleh sebab di rantau Sabah orang-orang Brunei yang memerintah, mereka mengatakan itu orang Melayu yang tinggal di Dusun, bukan orang Dusun.

Kalau kita bercakap dengan betul pada ketika itu tidak timbul perkataan Dusun. Sedangkan Dusun ini pun pada ketika ini banyak sudah terbahagi dengan berpuluh-puluh suku. Ada 20 atau 30 suku. Ada Dusun Rungus. Ada Dusun Buluhsilau. Ada Dusun Bundu. Ada Dusun Tetanah. Masing-masing mempunyai sejarahnya. Dusun Bundu, perkataan 'Bundu' itu adalah satu jenis buah yang di sini dikatakan binjai. Oleh sebab kampung itu ada banyak pokok binjai, orang di sana

dikatakan Dusun bangsa Binjai yang tinggal di kawasan banyak buluh kuning. Dusun di sana dikatakan Dusun Buluhsilau. Buluhsilau ini ertinya bambu kuning.

Jadi, kalau kita tengok ini semua suku-suku kaum ada lagi satu suku kaum Dusun, dia Dusun Tetanah sebab waktu perang dulu antara orang Dusun dengan orang Bisaya, Yang Berhormat Azizah, waktu berperang masa itu orang Dusun ini dia korek lubang di tanah, dia tinggal di sana sebagai kubunya. Jadi, dia jadi Dusun Tetanah. Kalau saya tidak salah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk....

Datuk Haji Karim Ghani: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa telah cukup, kita boleh sambung ...

Datuk Haji Karim Ghani: Okey, saya habiskan. Yang Berhormat Azizah ini daripada suku Bisaya. Suku Bisaya ini adalah bumiputera Sabah. Waktu orang Brunei datang ke Sabah dulu, dia tengok suku kaum Yang Berhormat Azizah ini suku kaum yang cantik-cantik. Jadi perkataan 'cantik' dalam bahasa Brunei ialah 'bisai'. Jadi saya tidak hairanlah kalau dikatakan suku Bisaya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, cerita cantik-cantik ini kita sambung selepas rehat nanti.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini kita tangguhkan perbahasan Dewan ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani menyambung ucapannya.

2.30 tgh.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja lagi. Tadi saya telah memberikan pandangan dari segi macam mana keadaan di Sabah, dari segi suku-suku kaum apa ertinya dalam konteks Malaysia. Kebanyakan apa yang saya katakan itu adalah fakta-fakta dan ada juga pandangan peribadi setelah saya kaji sejarah kami di Sabah. Tetapi apa yang saya maksudkan kita sekarang ini Malaysia, Malaysia ini ada tiga komponen - komponen Semenanjung, komponen Sabah dan komponen Sarawak. Kita mempunyai hak-hak yang istimewa. Hak istimewanya dari segi imigresen umpamanya, pada ketika ini banyak salah

faham tentang sungutan bahawa orang Semenanjung datang ke Sabah mesti menggunakan pasport, kecuali pegawai-pegawai kerajaan.

Apa yang sebenarnya berlaku *the embarkation card*, dengan izin, yang digunakan itu saya faham hanya sebagai tourist numbers untuk memastikan berapa orang datang dan pergi dan itu bukanlah sangat membebankan untuk orang datang ke Sabah. Tidaklah perlu menjadi masalah, datanglah ke Sabah. Sabah ini satu negeri di Malaysia yang sangat cantik. Sebab dahulu waktu kami masih lagi di bawah Chartered Company dan kemudian di bawah British, banyak orang-orang Semenanjung yang datang ke Sabah kerana dengar cerita. Ayah saya datang ke Sabah dahulu pun kerana dengar cerita, cerita yang dibawa oleh pelaut-pelaut bagi pelayar-pelayar ini orang-orang Sabah terutama sekali wanitanya cantik-cantik. [Ketawa] Kalau kita tengok pun kita punya Senator-senator yang ada di dalam Dewan ini dari Sabah tidak kurang juga cantiknya.

Apa yang saya maksudkan sehingga sekarang ini pun integrasi di Sabah ini lebih baik daripada di Semenanjung. Malahan kalau pegawai-pegawai di Semenanjung ditugaskan di Sabah kalau bujang kemungkinan besar dia akan bermastautin kahwin di Sabah. Kalau dia mempunyai isteri bila datang ke Sabah, isteri pegawai-pegawai di Sabah ini sangat senang hati, sebab di sana jam 6.00 suami sudah pulang. Kononnya di sini jam 12.00 pun kadang-kadang suami tak pulang sebab banyak business, banyak kerja dan sebagainya. Itulah sebabnya pegawai-pegawai yang datang bekerja di Sabah rela tinggal lama. Ada banyak juga ustaz, guru sehingga sekarang ada yang kahwin di Sabah dan banyak juga yang bermastautin terus ke Sabah malahan kalau balik ke Semenanjung dia merasakan dia orang luar.

Segala apa yang saya katakan tadi itu adalah memandangkan hasrat kerajaan satu masa nanti akan datang akan wujud satu bangsa Malaysia. Mungkin di Sabah titik wujudnya bangsa Malaysia yang sebenar sebab *racial integration*, kahwin campur, pergaulan sangat baik. Jadi, bangsa yang kita impikan itu saya yakin Sabah akan contribute besar ke arah itu. Mudah-mudahan apabila kad pengenalan kita, pasport kita di masa akan datang dari segi suku-suku kaum ini tidak perlulah disebut lagi di dalam pasport kita, di dalam surat beranak kita, di dalam kad pengenalan kita. Apa yang diperlukan sana bangsa Malaysia'. Yang lain-lain itu kalau kita hendak hidupkan suku kaum Jawa, suku kaum Brunei, suku kaum Kadazan biarlah itu di dalam masyarakat kita.

Kalau kita tengok di Sabah juga, iktibar daripada suku kaum Dusun atau suku Kadazan. Dahulu kita ada Dusun, belakang kita ada Kadazan. Tetapi keinginan suku kaum ini bersatu sangat kuat, sehingga dia mengadakan kongresnya sendiri. Di dalam kongresnya itu dia membuat keputusan bahawa suku yang satu rumpun ini sekarang ini dikenali dengan suku kaum Kadazandusun sahaja.

Kalau itu boleh berlaku dengan satu suku kaum ini, sehingga untuk perpaduan suku kaum ini sanggup mengorbankan perkataan 'Dusun', dia sanggup mengorbankan perkataan 'Kadazan' mereka sanggup mengatakan mereka ini Kadazandusun, tidak ada masalah antara suku-suku kaum ini dan mungkin satu masa nanti apabila kita pergi ke luar negara kita tak payah mengatakan kita Dusun Bajau, kita mengatakan kita bangsa Malaysia. Di kampung biarlah, kepada orang Melayu kita Melayu, kepada orang Dusun kita Dusun.

Inilah yang saya minta, peranan ini sangat penting dimainkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara kerana di sinilah puncanya perpaduan kita. Dari segi dokumen-dokumen yang kita perlukan bermula dari ini, dari lahir sehingga dewasa, sehingga mati, Jabatan Pendaftaran Negaralah memainkan peranan dalam hidup kita.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali mengatakan sokongan saya dalam meminda Akta Pendaftaran Negara yang sedang dibahaskan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yew Tuan Chiew.

2.38 ptg.

Tuan Yew Tuan Chiew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah ke arah menjadi sebuah negara yang mempunyai teknologi tinggi. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian begitu cergas dan canggih telah mempunyai kad pintar menggantikan kad pengenalan yang wujud. Ini adalah satu perkara memastikan Malaysia boleh. Saya cadangkan dalam kad pintar itu tak perlulah disebut lagi keturunan kaum-kaumnya, oleh kerana negara kita mempunyai begitu banyak bilangan kaum dan kita semuanya anak bangsa Malaysia. Begitulah perpaduan akan cepat dicapai.

Tadi Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Datuk Karim Ghani telah sebutkan berkenaan dengan bangsa-bangsa itu akan tidak ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap masa diambil untuk sesuatu permohonan atau masa diambil untuk membaharui kad pengenalan atau kad pintar itu dipendekkan. Permohonan kad pengenalan terlalu lama, biasanya satu permohonan atau memperbaharui kad pengenalan dua bulan atau enam bulan disiapkan. Ini adalah satu perkara yang menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Fasal 5 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Perenggan 6(2)(u) Akta 78, bagi menaikkan amaun rendah daripada RM3,000 kepada RM50,000, tempoh pemenjaraan yang dinaikkan kepada dua tahun kepada lima tahun.

Pada pandangan saya denda dan hukuman itu begitu ringan sahaja, sepatutnya denda dan hukuman itu ditingkatkan lagi kerana ada orang yang menggunakan kad pengenalan palsu mengeluarkan beratus-ratus ribu wang simpanan KWSP baru-baru ini. Cases, dengan izin, begitu banyak melibatkan kad pengenalan palsu yang mengakibatkan kerugian orang berkenaan dan akhirnya orang itu terpaksa menjadi bankrap.

Saya harap kad pintar itu tidak begitu senang ditiru, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dahulu, selepas itu

2.43 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong pindaan kepada Akta Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001 dengan beberapa pandangan sahaja.

Yang pertama, saya juga setuju dengan pendapat ahli-ahli yang telah berucap sebelum ini tentang sama ada patut masih disebutkan kaum dalam kad pintar itu, oleh kerana kita telah setuju bahawa satu daripada teras RRJP3 itu ialah memupuk perpaduan dalam negara. Bagi saya unsur-unsur seperti keturunan, kaum, agama dan sebagainya itu menjadi unsur-unsur yang memecahbelahkan dan adalah lebih baik kalau kita tidak harus sebutkan kerana semua yang menerima kad itu ialah rakyat Malaysia. Kalau kita hanya tunjuk bahawa kita semua rakyat Malaysia, ini adalah lebih baik.

Kalau dari segi statistik kita kena tahu perkara-perkara lain mungkin cara-cara lain boleh diguna untuk mendapatkan maklumat tersebut. Saya juga bersetuju

bahawa cadangan untuk meningkatkan denda kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan dengan pindaan kepada Seksyen 6(2)(u) dan memperkenalkan satu seksyen baru iaitu 7A adalah sangat tepat, oleh kerana kita tahu apabila sesuatu kesalahan berlaku sama ada meniru kad pengenalan atau menggunakan kad pengenalan orang-orang lain untuk sesuatu, maka ini akan membawa banyak masalah kepada orang yang kehilangan kad itu.

Kita telah terbaca dalam surat khabar begitu banyak kes yang begitu susah untuk diselesaikan kerana masalah-masalah itu dan adalah tepat bagi saya kalau hukuman yang sekeras-kerasnya ditentukan kepada pihak-pihak yang salah dan cadangan untuk membawa kes-kes ini ke Mahkamah Majistret Kelas Pertama adalah sangat sesuai supaya satu hukuman yang lebih berat boleh dikenakan.

Satu lagi perkara yang saya kurang bersetuju oleh kerana matlamat yang telah dicadangkan dalam pindaan-pindaan ini ialah supaya kita mengawasi, kita akan menentukan bahawa kesalahan-kesalahan dari segi penyelewengan dan sebagainya itu tidak berlaku. Saya tidak begitu bersetuju dengan cadangan kepada seksyen baru 3B(2).

Saya ingin mempersoalkan kenapa jabatan sendiri tidak melantik pegawai-pegawai sendiri ataupun ejen pendaftaran seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang yang dicadangkan itu. Kenapa mereka cari pegawai-pegawai dari jabatan lain seperti dari Jabatan Pengangkutan Jalan, dari Jabatan Imigresen dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang lain, oleh kerana mereka berhak melantik yang dipanggil ejen pendaftaran kenapa tidak semata-mata gunakan ini sahaja.

Bagi saya kalau seseorang itu dilantik sebagai ejen pendaftaran, mereka akan bertugas khas kepada Jabatan Pendaftaran tetapi kalau kita guna pegawai-pegawai dari jabatan-jabatan lain, mereka juga ada urusan sendiri dan juga ada kepentingan jabatan-jabatan sendiri dan mungkin penumpuan mereka kepada usaha membantu Jabatan Pendaftaran itu tidak begitu baik. Kalau ada kesilapan-kesilapan yang berlaku sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja dari segi kawalan mungkin ini lebih susah kalau mereka bukan pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran sendiri. Oleh kerana dalam pindaan ini sudah ada ruang untuk melantik ejen pendaftaran dan dari segi tafsiran mereka juga ditafsir sebagai Pegawai Pendaftaran, maka adalah lebih sesuai kalau mereka ini dilantik dan jangan menggunakan pegawai-pegawai daripada jabatan lain.

Mungkin pada masa-masa yang tertentu sahaja orang-orang ini diperlukan, mungkin bukan untuk satu jangka masa yang panjang, oleh kerana itu satu cara yang dicadangkan ialah untuk melantik pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan untuk menjalankan tugas ini tetapi kalau itu benar, kita juga boleh lantik ejen pendaftaran bagi masa-masa tertentu supaya perkara ini dapat dibereskan dan supaya perkara ini dapat dijalankan dengan baik. Selepas itu, maka mungkin tidak perlu lagi pelantikan mereka.

Jadi, kita ada ruang untuk melantik orang ini dari segi kontrak dan saya lebih menyokong kalau ejen-ejen pendaftaran ini dilantik kerana pelantikan mereka ialah semata-mata untuk menjalankan tugas bagi Jabatan Pendaftaran. Kalau ini dibuat saya yakinlah tumpuan mereka lebih baik dan mungkin kalau ada apa-apa penyelewengan pun mungkin jabatan ini lebih kerap atau lebih cepat mengesannya dan membetulkannya. Kalau orang ini bertanggungjawab semata-mata kepada Jabatan Pendaftaran sahaja.

Jadi, itulah komen saya dan saya menyokong pindaan kepada rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun.

2.50 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang yang bernama satu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Negara 1999. Saya akan hanya membahaskan dua perkara dalam pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah berjaya mengeluarkan kad pintar dan saya turut merasa bangga sebagai rakyat Malaysia di atas kejayaan ini. Tetapi kita patut ingat bahawa manusia lebih pintar lagi kerana kad pintar ini juga diwujudkan oleh manusia. Oleh itu, saya meminta pihak kerajaan supaya melihat dengan teliti lagi pindaan Seksyen 3B(1)(b) yang berbunyi seperti berikut, dengan izin.

“The Director General may appoint such numbers of person who are not public officers as registration agents, as he deems necessary and expedient”.

Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, dalam keadaan bagaimanakah Ketua Pengarah boleh melantik orang-orang perseorangan individu untuk bertugas sebagai agen pentadbiran di bawah seksyen yang saya sebutkan tadi. Saya melihat

kuasa ini begitu luas sekali diberikan kepada Ketua Pengarah. Ini berkemungkinan boleh menyebabkan masalah khususnya di negeri Sabah.

Seperti mana yang kita maklum, di negeri Sabah termasuk juga di Semenanjung Malaysia ini banyak berlaku masalah kad pengenalan palsu dan kita telah pun mengetahui bahawa kad pengenalan palsu ini ada melibatkan pegawai-pegawai di Jabatan Pendaftaran sendiri sehinggalah ada di antara mereka yang terpaksa ditahan di bawah ISA dan kes-kes kad pengenalan palsu ini memang agak banyak di Sabah dan perlu dibanteras.

Jadi, saya bimbang sekiranya ejen-ejen pendaftaran ini dilantik di kalangan bukan pegawai-pegawai daripada Jabatan Pendaftaran sendiri tanpa garis panduan yang ditetapkan dengan ketat dan juga kriteria-kriteria yang ditetapkan sebagai melayakkan mereka untuk dilantik sebagai ejen-ejen ini, kemungkinan ini akan menambah lagi masalah yang ada di Sabah.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya dalam hal perlantikan ini, walaupun saya mengalu-alukan perlantikan dalam pindaan ini kerana ini akan memudahkan kerja-kerja Jabatan Pendaftaran khususnya di luar bandar dan tempat-tempat yang terpencil di mana di negeri Sabah terdapat masalah-masalah anak-anak yang dilahirkan tanpa sijil beranak oleh kerana jauh untuk ibu bapa mereka untuk mendaftarkan. Ini satu masalah yang besar di negeri Sabah, tidak ada sijil beranak dan kemudian mereka juga bermasalah untuk mendapatkan kad pengenalan dan ini akan menimbulkan masalah lagi apabila anak-anak ini mencapai umur untuk bersekolah dan mengambil peperiksaan awam, maka mereka tidak dapat mengambil peperiksaan disebabkan masalah kerana tidak mempunyai kad pengenalan.

Walaupun demikian, saya ingin mencadangkan di sini supaya kriteria-kriteria yang diberikan untuk melayakkan sesiapa juga untuk dilantik sebagai ejen ini diketatkan, dikenal pasti oleh kerajaan untuk mengelakkan daripada berlakunya *abuse*, dengan izin.

Saya juga mencadangkan supaya garis panduan untuk ejen-ejen ini disediakan oleh pihak kerajaan untuk memastikan mereka dapat menjalankan kerja mereka dengan sebaik mungkin, dan juga saya ingin mencadangkan di sini untuk mengelakkan masalah *abuse* tadi, dengan izin, supaya pihak pendaftaran dan pihak kerajaan mengadakan kawal selia yang ketat apabila ejen-ejen ini sudah dilantik dan menjalankan tugas-tugas mereka.

Oleh kerana Sabah agak jauh daripada ibu negara, maka saya mencadangkan kawal selia ini dijalankan di peringkat negeri iaitu oleh Pengarah di peringkat negeri sahaja. Untuk memastikan lagi tidak timbul masalah *abuse* itu, dengan izin, mungkin juga perlu ditubuhkan satu jawatankuasa kecil untuk mengadakan kawal selia yang ketat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh pindaan ke atas Seksyen 6 iaitu Seksyen 6(ii)(u) akta ibu berkenaan dengan penalti yang ditambah daripada RM3,000 kepada RM50,000 dan daripada penjara dua tahun kepada lima tahun.

Sungguhpun, nampaknya jumlah ataupun angka penalti yang akan dipinda ini nampaknya besar tetapi bagi saya ini adalah masih tidak mencukupi lagi dan saya bersetuju dengan rakan-rakan yang menyebutkan tentang masalah ini bahawa jumlah ini adalah masih kecil lagi, memandangkan sekali lagi bahawa aktiviti pemalsuan kad palsu ini masih lagi berleluasa.

Saya dengar kad palsu ini boleh didapati dengan harga RM300 satu. Kalau di Sabah, kita difahamkan bahawa memang ramai yang berkeinginan kad pengenalan Malaysia ini.

Memandangkan *transient population*, dengan izin, yang masuk keluar Sabah boleh mencapai bilangan 150,000 orang dalam satu-satu masa setahun, walaupun saya ucapkan tahniah kepada pihak yang berkuasa, walaupun mereka berjaya untuk menghantar mungkin 50,000 sekali, dihantar pulang ke negeri masing-masing tetapi dalam masa yang sama mungkin 50,000 lagi dapat masuk dengan mudah juga ke dalam negeri Sabah.

Oleh yang demikian, permintaan untuk kad pengenalan palsu ini begitu tinggi dan bolehlah dikatakan ini adalah satu perniagaan yang *lucrative*, dengan izin. Oleh itu, saya berpendapat bahawa penalti yang akan dimasukkan dalam pindaan ini adalah masih lagi tidak mencukupi, memandangkan masih lagi berbaloi untuk mereka yang menjadi penjenayah ini untuk membuat kerja-kerja ini kerana dia cuma perlu membayar tidak melebihi RM50 ribu tetapi dia boleh mendapat lebih banyak daripada itu lagi dengan melakukan kerja-kerja jenayah memalsukan kad-kad pengenalan ini.

Dengan kata-kata yang demikian, saya mohon menyokong pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

3.00 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001.

Tahniah kepada pihak kementerian kerana sentiasa peka dan sentiasa berusaha untuk menaikkan taraf mutu kad pengenalan rakyat Malaysia, di mana ia merupakan satu tanggungjawab sosial kerajaan kepada rakyat. Kita mengalu-alukan perkembangan teknologi ICT ini dalam setiap bidang urusan kerajaan termasuklah dalam bidang pendaftaran negara.

Walau bagaimanapun, hendaklah kita ingat, secanggih mana pun alat ciptaan manusia, ia tetap terdedah kepada kelemahan dan kekurangan. Dengan pengenalan rang undang-undang ini yang akan melaksanakan penggunaan Kad Pintar Pelbagai Guna Kerajaan (KPPK) ini, di mana ini merupakan kali keempat warganegara Malaysia diwajibkan bertukar kad pengenalan.

Kita baru sahaja, belum sampai 10 tahun lagi melalui melepasi zaman berlakunya arahan penukaran kad pengenalan biru kepada kad pengenalan komputer yang ada sekarang ini, yang masih ada lagi yang tidak mendapatkannya dan masih ramai lagi yang belum menuntutnya. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian kepada mereka itu supaya mereka sama-sama dapat menukarkannya kepada kad pintar menjelang tahun 2003?

Kalau kita lihat dari segi kos penggunaan kad pintar ini, kita sangat bimbang penggunaannya akan membebankan kepada rakyat. Sebab sebagaimana saya diberitahu oleh pegawai yang mengendalikan kad pintar ini, kosnya tidak kurang daripada RM20 satu kad pintar. Ini merupakan satu bebanan terutama bagi masyarakat kampung yang berpendapatan rendah.

Bayangkanlah kalau satu keluarga mempunyai 10 orang anak yang hendak ditukarkan kepada kad pengenalan pintar, maka keluarga itu terpaksa menyediakan tidak kurang daripada RM200 untuk menukar kepada kad pengenalan pintar. Ini belum lagi dicampur dengan kos sekiranya berlakunya kerosakan kepada *reader* ataupun pembaca kad itu ataupun pertukaran bateri dan sebagainya.

Jadi, kita mengharapakan kerajaan supaya membuat kajian setiap pertukaran yang hendak dibuat itu, hendaklah mengambil kira kepada golongan yang miskin di bawah. Saya difahamkan juga pelaksanaan kad pintar ini akan dibuat dalam tempoh sehingga tahun 2003.

Apakah perancangan kerajaan buat masa sekarang ini, sudah mempunyai persiapan yang cukup, yang teratur untuk memastikan semua warganegara kita dapat menukar dalam tempoh yang tersebut? Sebab kalau kita tengok daripada pengalaman yang lepas, walaupun kita dalam pertukaran kepada kad pengenalan berkomputer memakan masa hampir puluhan tahun pun masih belum selesai, masih ramai lagi rakyat yang dapat menyempurnakan pertukaran kad pengenalan ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya berkaitan dengan apakah perbezaan peranan pegawai pendaftaran dan ejen pendaftaran. Apakah rasionalnya mewujudkan ejen pendaftaran ini? Sebab kita tidak mahu berlakunya dalam masalah ejen pendaftaran ini, berlakunya suatu salah amanah ataupun disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu. Kita takut tidak ada kawalan keselamatan yang berpusat ini yang memungkinkan warganegara asing boleh mengambil peluang untuk memperolehi kad pintar sebagaimana berlakunya kepada lesen terbang.

Begitu juga saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan kad pintar yang diperkenalkan itu, iaitu dari segi mutu dan risiko yang terpaksa ditanggung oleh pengguna. Di antaranya kita lihat kepada *chip* yang digunakan dalam kad itu, ia terdedah kepada kerosakan, mungkin disebabkan oleh tercalar, ataupun kena bahang panas ataupun terendam dalam air.

Begitu juga dengan *reader* yang dibuat strukturnya yang mudah rosak, yang mana kita kena faham, masyarakat kita pelbagai lapisan, ada golongan petani, nelayan dan sebagainya, bagaimana kalau *readernya* itu terkena air ataupun pembawanya terbasah dalam keadaan hujan dan sebagainya. Dan, berapa lamakah jangka hayat dari segi tempoh masa *readernya* itu, adakah boleh untuk jangka masa seseorang manusia itu.

Begitu juga dengan kos bateri yang terpaksa ditukar. Kita bimbang apa yang dikatakan kad pintar ini, sekali terjatuh dalam air, akan habis hilang kepintarannya. Begitu juga, kita bimbang kalaulah tersalah letak, misalnya terjatuh dalam mesin basuh dan sebagainya, mungkin letak dalam poket seluar dan sebagainya, termasuk dalam mesin basuh maka habis hilang kepintarannya. Jadi, kita minta, maknanya, pihak kementerian membuat kajian yang baik supaya ia tidak memberi satu bebanan kepada rakyat.

Jadi, dengan kata-kata itu, saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.05 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Saya hendak mengucapkan berbanyak terima kasih di atas penyertaan dan kepakaran serta kesedaran yang telah diperjelaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap pembentangan bil berkenaan pindaan Akta Pendaftaran ini.

Saya terasa bahawa kefahaman yang begitu mendalam dan keinsafan yang ternyata, Ahli-ahli Yang Berhormat menyampaikan kepada Kementerian Dalam Negeri. Sesungguhnya semua pandangan dan cadangan ini, kita akan teliti satu-persatu. Tetapi secara jelas bahawa pembentangan bil ini ialah untuk memperkenalkan kad pintar pelbagai guna, bukan kad pengenalan sahaja tetapi kad pintar pelbagai guna.

Pelbagai guna ini termasuk aplikasi yang terdapat di dalam kad pintar yang kita buat, dengan kecanggihan, ketahanan dan teknologi yang terbaharu dalam pandangan kita sehingga hari ini, dan, kita di rantau Asia ini merupakan negara yang pertama ataupun di antara di dunia yang memperkenalkan kad pintar kad pengenalan pelbagai guna untuk menjadi kad peribadi rakyat bagi negara ini.

Rakyat negara ini yang saya maksudkan, rakyat yang sah. Ada orang yang mengaku rakyat tetapi tidak sah. Ada orang yang kita tidak terima memohon menjadi rakyat, tetapi kita tidak memberi kelulusan kepada permohonan ini. Ada orang yang telah menjadi penduduk tetap tetapi dia tidak akan dapat menukar untuk mendapat kad pengenalan pelbagai guna ini.

Penukaran kad pengenalan dahulu, sebelum kad pintar ini, dan sekiranya rakyat yang mempunyai kad pengenalan dahulu, kad pintar bermutu tinggi (KPT), orang-orang yang berkehendak penukaran ini mestilah menyerahkan kad pengenalan yang ada pada dirinya sebelum dia diberi kebenaran ataupun diuruskan kepadanya bagi mendapat kad pintar pelbagai guna ini.

Jawapan ini sekali gus tidak ada kecacatan, tidak ada kebebasan, tidak ada keistimewaan, walaupun rakyat di dalam negara ini yang tidak mempunyai kad pengenalan mereka yang lama. Dengan itu juga, maka rakyat asing, pendatang tanpa izin, yang masuk ke negara ini ataupun rakyat asing yang masuk ke dalam negara ini tidak akan dapat kad pintar pelbagai guna ini.

Ketahanan kad pintar ini sudah dikaji, ianya jangan dirosakkan, kalau tenggelam dalam sungai dengan tuannya sekalipun, dalam jangka masa tertentu, kad pintar pelbagai guna ini masih boleh dikesan. Dan, bateri dalam kad pintar ini, memang boleh tahan. Kita tidak berhajat hendak mengemukakan satu kad peribadi kepada rakyat kita dengan ada tujuan hendak menyusahkan rakyat, hendak tukar bateri dan sebagainya.

Begitu juga rakyat tidak dikehendaki membeli *reader* ini, dia membawa kad pintar pelbagai guna ini sebagai – kalau kita katakan kertas, ianya tidak kertas, ianya merupakan kad untuk mengenal dirinya. Ia nama si anu bin si anu, Jamilah binti Abdullah, kad pengenalannya itu ialah melalui nombor yang telah dipaparkan berasaskan angka-angka hari, bulan dan tahun ianya dilahirkan.

Ianya dapat dilihat oleh pembawa kad dan orang lain hanya dua perkara yang paling jelas iaitu nombor kadnya, yang lagi satu nombor lesen pemandunya. Aplikasi-aplikasi lain tidak dapat dilihat dengan mata kasar kecuali melalui *reader* yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah. Dan, *reader* ini boleh didapati di tempat-tempat yang telah kita tetapkan ataupun kepada pegawai-pegawai daripada JPJ, polis dan pejabat-pejabat yang ada.

Ada pegawai-pegawai JPJ ataupun polis ataupun pegawai-pegawai kita sendiri tidak dapat melihat di dalam perjalanan kecuali di pejabat-pejabat. Satu daripadanya ialah mengenai kesihatan peribadi pembawa kad ini, ianya tidak dapat dilihat oleh semua orang kecuali doktor yang telah kita beri kebenaran dan kita tetapkan doktor-doktor ini di tempat-tempat yang tertentu bagi pembawa kad ini atau pembawa peribadi ini untuk mengetahui dan runding cara dengan doktor yang berkenaan tentang penyakit yang dihadapinya.

Rahsia-rahsia yang ada di dalam kad pintar ini, memanglah dikawal dan keselamatannya juga dikawal. Sebagai contoh saya hendak menerangkan, *micro litering* dalam bahasa ini, iaitu tulisan halus atau mikro yang dapat dilihat dengan menggunakan kanta pembesar, *magnifying glass*, tidak boleh dilihat dengan kaca mata, tidak boleh dilihat dengan mata kasar, tidak boleh dilihat dengan teropong biasa.

Philology patterns, lukisan awan larat yang unit dan tersendiri, tanpa mengetahui teknik dan bacaannya, orang ramai tidak boleh membaca, mungkin pembawa kad ini juga tidak dapat membaca lukisan awan larat yang unit dan tersendiri ini. Ini tidak seperti lukisan yang terdapat, yang biasa dipaparkan di dalam

lukisan-lukisan cat, ianya suatu formula yang telah digubah, diubah, dirancang suai dengan *pattern* yang kita kehendaki.

Rainbow printing penataan warna yang berubah secara beransur mengikut perubahan-perubahan dan cara yang dipaparkan kad ini, hanya yang arif sahaja kata dalam bahasa Malaysia yang mengenal manikam. Relief pattern perkataan yang timbul hasil lakaran contour lines yang terdapat dalam pembinaan ataupun penggubalan kad pintar bermutu tinggi ini.

Latex tag, tag yang hanya ternampak apabila kad ini diphotostat. Cuma ternampak pada latex itu sahaja. Perkara lain, aplikasi lain kita tidak nampak ya.

Ultra violet image, imbasan gambar dan nombor kad pengenalan pemegang kad yang hanya dapat dilihat dengan menggunakan cahaya ultra violet, ini yang terpaksa kita gunakan radar. Cholographic salutan plastik dengan gambar yang unik di atas permukaan kad. Inilah di antara kriteria-kriteria yang telah direka, yang disesuaikan dengan permintaan yang dikehendaki oleh kita supaya dapat menjadi kad yang canggih, yang sempurna, yang akan digunakan sebagai kad peribadi rakyat bagi negara ini.

Penukaran kad ini telah saya terangkan dalam ucapan saya, bahawa sudah sampai masanya bahawa kita mesti merangkumi keperluan-keperluan rakyat untuk ketika-ketika yang tertentu hendak berjalan tetapi dengan adanya KPPT ini, tidak bermakna bahawa kita boleh menggunakan KPPT ini untuk keluar negara. Oleh sebab itulah dalam aplikasinya terdapat nombor pasport kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat patut memaklumkan bahawa nombor pasport dan nombor kad pengenalan ini kedua-duanya berasingan dan rakyat kita tidak boleh hanya menunjukkan nombor pasport untuk hendak masuk ke Singapura ataupun masuk ke Indonesia ataupun hendak menziarahi keluarga di Thailand.

Kita mesti membawa pasport kita, walaupun dalam KPPT terdapat gambar kita. Satu pendekatan mahu disetarakan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Singapura atas penggunaan KPPT ini sedang dirundingkan. Saranan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan beberapa Ahli Yang Berhormat Senator yang lain, sebenarnya kita telah mendahului daripada saranan ini dan sekiranya terdapat persefahaman negara jiran kita Malaysia dan Singapura merupakan dua kerajaan, dengan izin Allah s.w.t. kita dapat menggunakan bentuk Kad Pintar Pelbagai Guna ini dengan Kerajaan Singapura, maka dengan itu Kerajaan Singapura terpaksa mengambil cara yang sama, pendekatan yang sama

untuk rakyatnya menukar kad pengenalan Singapura kepada teknologi KPPT yang ada pada kita. Barulah reader di Singapura boleh membaca KPPT kita dan reader kita boleh membaca KPPT Singapura.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya pergi satu persatu, saya ingin.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beri laluan kepada Yang Berhormat Datuk Haji Karim.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya minta sedikit sahaja penjelasan, dengan adanya kad pintar ini adakah bererti kad yang lama itu, yang kita katakan kad bunga raya di Sabah itu, adakah itu tidak diperlukan lagi. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Karim. Kalau Datuk Karim sudah tukar itu maka Datuk Karim tidak payah pakai yang lama lagi. Biasanya bila kita tukar seluar yang kita pakai, kita jarang pakai dua seluar sekali. *[Ketawa]*

Saya telah terangkan tadi, apabila kita tukar Dato' mesti menyerahkannya kad yang lama kita sudah serah. Adalah menjadi kesalahan rakyat negara kita memegang dua kad pengenalan. Oleh sebab itu, apabila Dato' sudah mengambil daripada di sini Dato' mesti menyerah, kalau Dato' tidak menyerah sama ada pegawai saya yang melakukan kesalahan ataupun Dato' sengaja tidak menyerahkan itu.

Untuk maklumkan kepada semua, bahawa serah menyerah di antara yang baru dan yang lama mesti berlaku pada satu ketika, kalau tidak pegawai saya jadi salah ataupun Dato' yang salah. Dan Dato' yang salah, Dato' akan dikenakan tindakan. Kalau pegawai kita yang salah, kita pun ada tindakan kepada pegawai kita.

Berkait dengan kesilapan ini, saya ingin menarik perhatian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terdapat dalam ucapan tadi mengatakan kesilapan yang terdapat kepada KPPT mereka. Ada yang lahir di Melaka dikatakan lahir di Terengganu, ada yang lahir di Pulau Pinang dikatakan dilahirkan di Melaka, Yang Berhormat Sibul, tetapi dalam masa yang sama, Ahli-ahli Yang Berhormat juga mesti mengetahui bahawa sejarah kelahiran kita ini sebelum merdeka. Kecuali Yang Berhormat Puan Jaya lahir selepas merdeka.

Puan Jaya Partiban: Sebelum merdeka.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sebelum ya. Tetapi sebelum merdeka sudah menjadi satu cerita lama, maka dengan itu dalam surat daftar beranak, kadang-kadang terdapat bila wakil ibu bapa yang berkenaan pergi ke balai polis tempatan melapor tentang kelahiran anak yang diminta untuk dilaporkan ke pejabat polis. Ia hanya mengetahui bapanya sahaja, apabila dia sampai kepada polis, biasanya kalau polis di situ orang Melayu dia lebih maklum tetapi kadang-kadang ada yang bukan daripada kalangan Melayu, minta maaf Punjablah kata. Dahulu banyak Punjab. "Ini siapa nama?" "Dia punya bapa siapa nama", "Jalil". "Dia punya anak ini baru beranak punya siapa nama?" "Tak tau". Jadi, anak dia tulis 'tak tau'.

Bapa - Jalil. Dia tak tau, dia tulis di situ 'tak tau' ataupun Jamilah bapanya tak tau, dia tulis tak tau, siapa nama anak, tak tau, tadi dibangkitkan ada tak tau, tak ada nama, dia pun tulis tak ada nama. Yang datang melapor itu juga ialah bukan tidak bijak, tetapi buta huruf. Dan biasanya kita dahulu memberi kepercayaan kepada pegawai yang berkenaan menulis daftar kelahiran dengan harapan dia faham kesulitan yang kita bawa.

Oleh sebab dia juga tidak faham, maka dia tulis seperti yang dia faham dan kita membawa kad balik atas kefahaman kita dia faham. Dan sampai bertahun-tahun baru kita faham, saya takut kad lahir juga daftar lahir juga dia tulis di Melaka itu dia kata Terengganu— kalaulah, ini sebagai contoh.

Tetapi fasal perubahan nama dan sebagainya dia sudah menjadi satu lumrah, dalam melaporkan kelahiran anak-anak pada zaman dahulu dan ini menjadi satu problem yang besar kepada Pejabat Pendaftaran Negara dan Kementerian Dalam Negeri untuk hendak mengubahsuai, untuk hendak menentukan kesahihan perkara ini.

Dan inilah di antara yang menjadi sebab-sebab kenapa ada berlaku kelewatan dan apabila pemeriksaan dijalankan, dia mengambil masa yang lama untuk kita kaji selidik keseluruhannya daripada asal.

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat terdapat kesilapan dalam tulisan ataupun rekod kad pengenalan pelbagai guna yang kita buat di Dewan Parlimen ini, saya berjanji untuk betulkan balik dan Yang Berhormat laporkan kepada pegawai saya dan kita beri tempoh sebelum sidang ini berakhir, kita akan kemukakan kad yang betul, asalkan surat daftar kelahiran itu tidak seperti Yang Berhormat kehendaki, tetapi kalau ianya memang tertulis di situ Yang Berhormat lahir di Terengganu kita mesti berpegang Yang Berhormat lahir di Terengganu, kerana kita dalam

menentukan kesahihan KPPT ini berdasarkan kad pengenalan yang ada berdasarkan surat kelahiran yang ada, dengan rekod yang ada pada kita.

Untuk membuat satu perubahan kepada rekod ini, Yang Berhormat perlu meminta satu perintah dari mahkamah bagi membuat pindaan terhadap rekod kelahiran ini dan kalau perintah mahkamah ini tidak didapati, Kementerian Dalam Negeri khasnya Pejabat Pendaftaran Negara menganggapkan itulah yang sah dan yang nyata.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi perbelanjaan mengambil kad pengenalan pelbagai guna kerajaan ini hanya RM20 sahaja. Mengikut kata ramai kita bahawa ianya merupakan satu beban, tetapi menggantikan kad pengenalan lama juga adalah bukan percuma, kita kena bayar RM4, RM7 denda dan sebagainya kalau hilang. KPPT ini pun kalau hilang kita kena bayar juga, tetapi kalau kita yang melakukan kesalahan, kita janji kita akan beri balik ganti atas kesilapan kita, bukan atas kesilapan sebutan Yang Berhormat, rekod Yang Berhormat.

Kalau kesilapan kita, kita akan ganti, kalau kesilapan rekod Yang Berhormat, Yang Berhormat kena bayar atas kesilapan Yang Berhormat. Ini bukan denda pemalsuan, denda buat sendiri.

Kita hanya bayar RM20 daripada RM31.61, rakyat hanya membayar RM20. Dan sehingga sebelum 2003 hanya rakyat di Lembah Klang sahaja diminta untuk membuat kad pengenalan pelbagai guna kerajaan ini. Rakyat-rakyat di kawasan lain tidak dikehendaki lagi, tetapi kalau rakyat kita di kawasan lain sudah rasa teringin hendak pakai kad ini, itu kita benarkan, RM20 juga. Jikalau hilang dia kena denda macam orang lain, dia rosakkan dengan sendiri, dia kena juga macam orang lain.

Walaupun dia duduk di luar daripada Lembah Klang. Bagi orang-orang di luar daripada Lembah Klang, kita akan bermula pada tahun 2003 bermakna yang kaya dan yang miskin pun tidak dimestikan buat sekarang, tetapi kalau hendak ikut mood dan kemudahan yang kita beri bagi orang di kawasan Lembah Klang, dia boleh ada kad pintar bermutu tinggi dari sekarang. Seperti saya, saya tidak duduk menjadi rakyat di kawasan Lembah Klang, tetapi saya pun teringin hendak dapat kad bermutu tinggi lebih cepat, saya pun buat. *[sambil menunjukkan KPPTnya]*

Saya pun buat. Saya sedang mencari-cari apa yang saya akan masuk di dalam ini aplikasi-aplikasi yang secret dan yang tidak secret untuk orang lain tidak mengetahui. Kita ada lebih 20 lebih aplikasi yang kita boleh masukkan mengikut masa dan ketika dan keinginan kita, yang mana yang kita tidak kehendaki orang lain

tahu, dan yang mana kita kehendaki orang lain tahu. Yang kita tidak kehendaki orang lain tahu yang terbaiknya jangan dimasukkan. Nanti ada cara orang lain boleh mengetahuinya. Ramai di antara kita mengakui bahawa kecanggihan ini seperti kata Yang Berhormat Puan Siti Zailah, betapa canggihnya kita canggih lagi orang, kita yang canggih buat barang yang canggih, ada orang lain yang lebih canggih untuk mengesan barang yang canggih, tetapi untuk sementara ini beberapa tahun yang akan datang, kita rasa kecanggihan ini tidak boleh ditandingi lagi.

Kalau ianya boleh ditandingi maka hasrat kita untuk menggunakan kad ini sebagai satu aplikasi bagi digunakan seluruh rantau ASEAN tidak akan berjaya. Mereka akan kemukakan canggih yang tebaharu, tetapi inilah yang terancang di rantau ini untuk ketika ini dan kita harap kita akan menggunakan seterusnya di rantau ASEAN, kalau diizinkan Allah dan persetujuan sahabat-sahabat kita yang ada di dalam negara ini.

Bagi negeri-negeri Sabah, Sarawak termasuk penduduk-penduduk kita yang ada di dalam kawasan luar bandar terutama sekali di dalam estet-estet.....keringlah mulut ini.....*[Berbisik meminta sedikit air daripada Bentara Parlimen]*.... Banyak lagi hendak jawab ya.

Kesilapan ialah bukan berlaku kepada pejabat pendaftaran kerajaan. Kesilapannya berlaku kepada ibu bapa. Kalau dahulu kita kata bahawa di dalam estet tidak ada kemudahan, sekarang banyak estet ada kemudahan masuk dan keluar. Kemudahan penerangan.

Saya ingat di Sabah dan Sarawak pun begitu juga. Orang-orang yang lahir setelah kerajaan Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia dan di akhir-akhir ini saya kira banyak sebab pegawai-pegawai saya sudah masuk ke kawasan pedalaman – membuat pendaftaran, membuat kad pengenalan dan sebagainya, sudah berlaku.

Yang menjadi cacat di Sabah dan Sarawak bukan kerana pegawai kita tidak mengambil berat untuk membuat pendaftaran ini. Walaupun kita buat peruntukan kewangan dan menentukan pegawai kita untuk masuk membuat pendaftaran di kawasan pedalaman, apabila kita sampai sambutan daripada penduduk tempatan tidak memberi satu galakan untuk pegawai kita terus bekerja. Dia menunggu, umpamanya pada satu hari hanya 50 orang sahaja yang datang, sedangkan kita berharap untuk 300 orang yang datang. Maka, kita terpaksa menunggu masa yang begitu lama, padahal di tempat lain sudah kita jadualkan untuk kita lawat dan beri kemudahan di kawasan yang berkenaan.

Di sini saya minta, saya telah minta di Dewan Rakyat, Parlimen dan saya minta di Dewan Senate ini, minta maaf, terima kasih.....[*meminum air yang diberi oleh Bentara Parlimen*]. Saya minta di Dewan Senate ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator sekalian dapat membantu – tolong kempen, tolong terangkan bahawa kita hendak membantu mereka untuk buat pendaftaran.

Kalau ketika anak itu lahir mereka tidak membuat pendaftaran, kita berhajat untuk mereka buat pendaftaran lewat. Pendaftaran lewat ini pun mereka tidak mahu buat, bagaimana kita hendak memberi kemudahan untuk mereka membuat kad pengenalan. Kalau kita memberi kemudahan mereka untuk membuat kad pengenalan, tanpa ada pendaftaran lahir yang lewat ataupun tanpa ada pendaftaran lahir, kita sendiri Ahli-ahli Yang Berhormat mencadangkan untuk beri kemudahan ini, kita melanggar peraturan yang kita buat, kita melanggar undang-undang yang kita buat. Kita derhaka kepada kerajaan, kita derhaka kepada negara ini. Jangan minta dalam Dewan ini untuk kita melanggar peraturan yang kita buat dalam Dewan ini.

Mana kaum, mana tempat sekalipun, peraturan mesti kita lalui. Kerajaan bukan memberi kelonggaran tetapi memberi kesenangan kepada rakyat untuk membantu mereka. Ada banyak masalah yang timbul kalau mereka tidak membuat pendaftaran-pendaftaran ini. Ada rakyat dalam negara ini yang datang daripada, dahulu sebelum merdeka, ibu bapanya sudah menjadi rakyat. Apabila hendak melahirkan anaknya yang kelima dia balik melahirkan di India, dia balik lahirkan di Indonesia umpamanya tetapi dia tidak mahu buat pendaftaran, hari ini ketika anaknya berumur 30 tahun, baru dia gaduh. 30 tahun baru sedar atas kepentingan dan kesenangan anak ini yang menjadi masalah kepada kita untuk kita selesaikan.

Oleh sebab itulah kita tidak mengatasi ini, kita pindahan ini. Kalau dulu pejabat-pejabat pendaftaran jauh, kita pinda untuk jadikan pejabat pendaftaran dekat dan kita terpaksa *commissionkan*, kita terpaksa lantik wakil-wakil, ejen kita. Ini bukan ejen yang terdiri daripada orang-orang luar daripada kerajaan. Pegawai-pegawai kerajaan yang kita yakin, kita percaya bahawa mereka akan membawa tanggungjawab seperti mereka bertanggungjawab terhadap jabatan mereka.

Pegawai Imigresen, pegawai JPJ dan sebagainya yang kita benarkan kerana pejabat ini lebih banyak, lebih ramai pegawai kita, lebih senang rakyat kita untuk datang membuat pertukaran kad asal kepada kad pelbagai guna kerajaan ini. Jangan kita anggap bahawa penyelewengan akan berlaku. Maka, ejen-ejen kita daripada JPJ ataupun Imigresen ini akan melakukan penyelewengan. Mereka

terangkum dalam undang-undang dan tindakan yang ada termasuk pegawai pendaftaran dalam negeri juga terangkum dengan undang-undang yang ada.

Kalau kepercayaan yang telah kita berikan kepada mereka dan mereka lakukan kesalahan, mereka tidak boleh lari daripada tindakan yang akan diambil kepada mereka sama ada pegawai pendaftaran dalam negeri ataupun pegawai yang menjadi ejen kepada Jabatan Pendaftaran Dalam Negeri. Saya harap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator memberi keyakinan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang kita ada.

Saya tidak menolak bahawa terdapat kejadian-kejadian seperti lesen terbang. Lesen terbang ini kalau kita dengar ia macam-macam dan orang-orang yang berkaitan diambil tindakan. Kalau KPPT terbang ini saya tidak yakin ia boleh berlaku kerana dia terpaksa menyerah kad pengenalan dia yang lama. Kalau tidak dia tidak boleh mengambil kad pengenalan yang baru.

Tindakan ini kita rasa tinggi, Yang Berhormat Senator masih mengatakan yang rendah tetapi ramai di antara yang bercakap tindakan ini RM50,000 dengan 5 tahun ini tidak puas hati – tidak mencadangkan berapa puluh tahun mesti kita kurungkan mereka yang buat kesalahan ini ataupun berapa juta mesti kita sebut. Untuk sementara ini kita terpaksa menerima RM50,000 dengan 5 tahun ini. Sebab Yang Berhormat tidak mencadangkan apa-apa pun, di Dewan Rakyat pun tidak ada mencadang, Dewan Senate ini tidak mencadang.

Jadi, dengan sendirinya Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan yang telah kita buat tetapi cadangan-cadangan yang kita buat ini bukan merupakan satu yang tidak boleh diubah. Dalam masa yang akan datang kalau kita melihat perangai-perangai rakyat kita pun, rakyat asing yang masuk dalam negara ini yang melakukan kesalahan ini, kita akan mengambil tindakan yang setimpal.

Rakyat asing yang melakukan kesalahan-kesalahan mengenai identiti peribadi rakyat ini kad pengenalan pintar pelbagai guna dan sebagainya, kita akan ambil tindakan kepada mereka dan kita tidak benar mereka masuk ke dalam negara ini pada masa yang akan datang. We have done this thing. Kita sudah buat ini dan kita tegas, jangan ada rakyat kita yang membela mereka pula.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi ada menyebut mengenai masalah keturunan. Dia akan berlaku mengikut proses alam biasa dalam negara kita. Ada dulu ramai orang yang tidak mahu mengaku bahawa dia rakyat Malaysia, sekarang sudah mengaku. Ada dulu yang tidak mahu mengaku dianya orang Melayu kerana kalau

dulu, zaman penjajah dahulu mengaku orang Melayu, orang Melayu ini ialah golongan yang kuno, golongan yang makan belacan, golongan yang bodoh, sekarang sudah mahu mengaku.

Ada orang yang sudah mahu menjadi orang Melayu walaupun dia bukan keturunan Melayu. Tetapi proses ini akan berlaku mengikut masa ke masa, sama ada Kadazan tidak mahu mengaku Dusun, Dusun tidak mahu menjadi Kadazan tetapi proses asimilasi ini dia berlaku dengan sendiri. Inilah yang cantiknya yang ada dalam naluri hati rakyat Malaysia yang tidak terdapat di dalam negara-negara lain dan pindaan ini ialah untuk mencantikkan dan mengindahkan keadaan yang ada supaya rakyat sedar bahawa kita membuat pindaan ini atas kepentingan mereka kerana atas kepentingan kerajaan kerana mereka juga sebahagian daripada kerajaan. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menjaga kecantikan ini dan menentukan perkara-perkara yang kita kehendaki.

Saya hendak menarik perhatian atas perkara yang telah disebut mengenai[*Mencari nota*]...mana dia tadi agaknya.....mengenai Melayu ini – Melayu, ertinya “*Seseorang yang menganut agama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu, mengamalkan adat istiadat Melayu pada setiap hari*”. Bukan di kedai, di luar dia cakap Melayu balik ke rumah dia tidak cakap Melayu, di luar dia pakai baju Melayu, balik ke rumah dia tidak pakai baju Melayu, umpamanya, jadi dia tidak ya. “*Adalah sebelum hari Merdeka, ianya dilahirkan di Persekutuan ataupun di Singapura*”. Mereka yang telah saya sebutkan dalam kriteria tadi. “*Atau salah seorang daripada ibu bapanya adalah dilahirkan di Persekutuan atau di Singapura atau pada hari itu (Hari Kemerdekaan), ianya bermastautin di Singapura atau dia bermastautin di Persekutuan dan ianya merupakan anak kepada orang yang sedemikian (saya sebut tadi)*”. Ini diiktirafkan sebagai Melayu.

Apa yang telah dibangkitkan oleh Dato’ Karim tadi, ada Melayu Dusun, ada Melayu Melanau, ada Melayu itu, ada Melayu ini. Di dalam Semenanjung pun banyak – ada Melayu Banjar, ada Melayu Jawa, ada Melayu Pattani. Kalau hendak dikira Dusun, Melanau, itu, ini, itu, ini, Bajau dan sebagainya, di sini pun ada tetapi keseluruhannya mereka menerima mereka Melayu dan insya-Allah kalau di Sabah itu sudah merupakan satu pendekatan asimilasi Malaysian yang boleh dijadikan contoh. Kita harap semua kita membawa idea ini.

Apa keturunan sekalipun kita mesti mengakui bahawa kita selain daripada keturunan bangsa, kita ialah rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia yang cintakan

negara ini, cintakan bangsa ini, cintakan sahabat ini, cintakan keturunan dia dan agama dia yang dia kehendaki atau mengikut apa yang dia kehendaki dengan kebebasan yang ada pada kita, kita menjadi satu rakyat Malaysia yang paling baik dan sempurna.

Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya hendak menjawab sebahagian daripada apa yang telah dibangkitkan oleh Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman – jumlah kehilangan pasport Malaysia bagi tahun 1999 dan 2000. Tahun 1999, dalam negeri 7,063, di luar negeri 318; tahun 2000 dalam negeri 8,957 dan di luar negeri ialah 382. Pasport ni pun bukan merupakan satu perkara yang Ahli-ahli Yang Berhormat rasa, saya rasa, rakyat rasa dia punya. Ini bukan kita punya, ini kerajaan punya. Kita pinjam pasport ini, kita kena jaga barang pinjaman ini. Kita pinjam walaupun kita bayar setahun berapa puluh yang telah ditetapkan dan kita jangan sewenang-wenang membiar pasport ini ditinggal.

Ramai orang yang sengaja tinggal ataupun tertinggal. Pasport Malaysia menjadi pasport idaman orang-orang luar dari Malaysia. Sekarang pun pasport Malaysia sudah diubah corak untuk digunakan dalam zaman teknologi ini. Jadi, saya harap semua orang mengakui, semua orang menolong supaya pasport Malaysia tidak akan hilang begitu banyak dan kita juga telah mengubah sikap untuk mendenda orang-orang yang lalai ini.

Dato' Abdul Aziz juga ada membangkitkan tentang back-up atas pengenalan kita kepada pengeluaran KPPK ini. Pangkalan Data Pendaftaran Negara semuanya mempunyai back-up melalui penwujudan Disaster Discovery Facilities dan Disaster Discovery Center. Kita ada back-up kalau kita tidak hilang kita punya data yang pertama yang disimpan kita ada back-up yang lain untuk menentukan bahawa rekod yang kita simpan ini sentiasa ada termasuk teknik-teknik mengawal kerosakan kepada data kita yang kita simpan di ibu pejabat pendaftaran negara.

Fasal keturunan ini telah saya bangkitkan tetapi ingin saya nyatakan sebahagian yang dapat dilihat dalam cip dan ada sebahagian yang lain dapat dilihat di atas kad dan kalau terdapat keraguan perkara seperti ini, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kita dalam soal jawab pada dua hari yang sudah, dia boleh melihat rekod melalui reader yang telah saya sebutkan tadi dan ini berasaskan kepada surat daftar beranak kita. Kalau di dalam daftar beranak tidak ada, maka di dalam chip juga tidak ada. Kalau mahu membuat perubahan ini, dia mesti mendapat kebenaran daripada mahkamah.

Saya ingin menekankan adakah orang-orang Melayu beragama Islam apakah cara-cara untuk memantau mereka yang keluar daripada Islam ini. Ini bukan dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri, ini dijalankan oleh satu badan khas yang telah ditubuhkan oleh kerajaan, Bahagian Agama Islam untuk mengetahui perkara yang berkaitan. Tetapi mana-mana orang-orang Melayu yang keluar daripada Islam maka ianya terlucut dengan sendiri daripada menjadi orang Melayu. Kriteria yang telah saya sebutkan tadi dia mesti, orang Melayu mesti beragama Islam. Kalau dia tidak beragama Islam, dia tidak Melayu lagi.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Melayu mestilah beragama Islam dan kalau dia terlucut dan dia membuat laporan mengikut peraturan-peraturan yang ada, kebebasan yang ada, kita mesti akur dengan kebebasan rakyat kita ini. Tetapi dia tidak boleh menahan kita daripada melucutkan dia menjadi orang Melayu.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat daripada Sabah yang cuba menghuraikan tentang Melayu dan didapati dalam huraian-huraian beliau tadi kalau hendak mendakwa Melayu setengahnya tidak beragama Islam. Jadi, bagaimana kedudukannya? Sabah ada Kadazan, Murut dan lain-lain, apakah mereka itu Melayu?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat Ustaz Hassan, apa yang berlaku di Semenanjung dan di Sabah itu adalah berlainan. Di Sabah, dalam penentuan Sabah menyertai Malaysia dan Sarawak menyertai Malaysia, ada perkara-perkara yang berkaitan dengan etnik masing-masing hendaklah dipersetujui. Begitu juga tentang bahagian-bahagian kedudukan yang tertentu. Dengan sebab itu, bila berkaitan dengan Sabah, izinkan saya untuk mengkaji persoalan Yang Berhormat timbulkan kerana ini mungkin agak sensitif dengan persetujuan yang telah kita buat di peringkat awal.

Datuk Haji Karim Ghani: Sedikit, Yang Berhormat. Mahu menanya sedikit. Di Semenanjung ini kalau orang Melayu meninggalkan agama Islam adakah dia hilang segala keistimewaan di bawah Artikel 153 dan sebagainya?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kalau Artikel 153 itu ialah hak keistimewaan kepada orang-orang Melayu dan apabila ia mencatitkan akan salah satu kriteria yang menjadikan ianya Melayu, maka dengan sendirinya ia mencatitkan untuk menuntut hak keistimewaan itu.

Ini persoalan yang telah ditimbulkan yang lain, bolehkah orang India yang datang daripada India boleh menggunakan pasport negara ini untuk keluar negara ini? Orang India yang datang daripada India, ada dua, iaitu orang India yang datang daripada India yang tinggal dalam negara ini dengan menggunakan pasport India dan visa tinggal. Orang India yang datang daripada negara India yang melucutkan kerakyatan dia dan menggunakan pasport negara ini, boleh balik ke India dan boleh keluar dan tinggal dalam negara ini. Tetapi bagi orang India yang datang ke negara ini yang tidak melucutkan kerakyatannya, tidak menjadi rakyat ini, dia tidak boleh menggunakan pasport Malaysia. Apa lagi hendak menggunakan kad pengenalan bermutu tinggi kita ini. Kita hanya membenarkan kepada rakyat, yang bukan rakyat tidak ada keistimewaan.

Ini fasal kad pintar di kawasan ASEAN tadi saya sudah buat pada awal sudah habis. Ciri-ciri keselamatan pun saya sudah sebut, saya sudah habis satu. Ejen pendaftaran ini telah saya sebut, bahawa ejen pendaftaran bukan kita ambil mana-mana sahaja, kita teringin ataupun our best friend, tambahan lagi tidak ada kroni-kroni dalam perkara ini. Ini saya sebut orang-orang atau pegawai-pegawai kerajaan yang tertentu sahaja yang boleh menjadi ejen kita. Jangan ada parti-parti pembangkang pula yang mengatakan ini dia hendak memberi kroni-kroni dia, tidak ada. Kita tidak ada kroni-kroni, Ustaz ya. Ustaz bukan parti pembangkang ya.

Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim bertanya bilakah kad pintar ini. Saya sudah katakan tadi, sudah berkuat kuasa, saya sudah gulung sebahagian daripadanya mengikut tarikh-tarikhnya. User friendly ini walaupun ia tidak merupakan friendly oleh sebab dia tidak ada, tetapi dia boleh beli kalau dia hendak friendly. Friendly kepada kemampuan kita, kalau kita hendak dia lebih friendly kita beli, kalau dia tidak mahu kita friendly, kita pergi cari di tempat lain yang lebih ada friendly kepada kita ya. Ini kita tidak mahu membebankan kepada rakyat. Yang menguruskan pengeluaran kad ini adalah Jabatan Pendaftaran Negara. Kita tidak memberi kepada orang lain menguruskan, very strict dan kita sahaja yang menentukan mengikut rekod yang ada pada kita.

Daripada Yang Berhormat Tuan M. Ratnam mengenai sistem pendaftaran untuk mendaftar kelahiran telah meminta beberapa surat-surat. Berkait dengan perkara ini ialah termasuk yang berada di Sabah dan Sarawak yang menjadi masalah kepada kita sehingga sekarang, mereka tidak mendaftar dari dahulu. Mereka tidak juga mendaftar lewat tetapi mereka teringat untuk mendaftar

disebabkan hendak kad pengenalan, hendak kemudahan bersekolah, hendak kemudahan masuk universiti, hendak kemudahan itu, hendak kemudahan ini. Dia tidak ada kad pengenalan, maka semua kemudahan ini menjadi tidak ada. Oleh sebab itu, kalau hendak membuat pendaftaran ini maka mesti ada saksi. Setidak-tidaknya siapa yang menjadi bidan, siapa yang menjadi doktor, siapa yang melihatnya, siapa yang boleh mengatakan bahawa ianya Ah Choi - Song Ah Choi, lahir di situ pada tahun yang berkenaan, tarikhnya saya tidak tahu, tetapi saya tahu kerana saya di situ, saya dibesarkan di situ. Ini paling tidak ada, tetapi kalau yang seelok-eloknya mesti ada ketua kampung yang berkenaan, orang-orang kenamaan yang berkenaan sebagai kepercayaan kepada kita.

Kalau ini pun kita tidak tahu sedangkan umurnya baharu 30 tahun, ibu bapa tidak ada, tidak boleh mencari orang kampung yang lebih daripada 30 tahun sebagai saksi. Inilah kemudaratan yang menjadi masalah kepada kita, yang menjadi masalah kepada orang yang berkenaan. Kita sedang mengkaji beberapa faktor yang untuk memudahkan, tetapi kita tidak boleh lari daripada ada rakyat kita yang menjadi saksi. Kalau tidak, ramai pendatang tanpa izin akan mengecap nikmat atas kehendak cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini. Ahli-ahli Yang Berhormat jangan seronok membangkitkan kesusahan untuk mendaftar ini. Pada masa yang sama kita akan merasa sedih orang lain yang akan mengecap nikmat perjuangan kita yang silap ini. Oleh sebab itu, kita kekal dengan kemudahan-kemudahan, keperluan-keperluan yang ada bagi menentukan perkara-perkara yang bersabit dengan perkara yang dibangkitkan.

Dalam estet saya tahu, dari dahulu estet banyak ada manager yang masih hidup. Dalam estet ada klinik, kita boleh rujuk kepada manager, kepada 'tandei', kepada klinik-klinik yang berkenaan. Kita tidak boleh lari daripada kemudahan yang ada pada zaman itu. Setelah kita mencapai kemerdekaan, banyak kemudahan lain yang kita boleh rujuk, hospital dan sebagainya, yang semua orang-orang yang dilahirkan di hospital, memang ada kemudahan daftar kelahiran ini.

Ini betullah terdapat kesilapan tempat kelahiran macam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Jaya tadi. Oleh sebab mereka tidak tahu orang Melayukah, orang Indiakah, orang Cinakah, biasanya tidak tahu menulis, dia pun pergi report sahaja, ambil dan bawa balik sahaja. Anaknya bila 12 tahun dia baru baca, rupanya anaknya tidak dilahirkan di Simpang, dia dilahirkan di Simpang

Pertang. Kalau Simpangnya di Taiping, Simpang Pertangnya itu di Negeri Sembilan, dia baru terkejut anaknya lahir di Simpang Pertang. Dia yang membuat laporan anaknya lahir di Simpang. Yang menulis itu berasal daripada Simpang Pertang, dia teringat, dia daripada Simpang Pertang. Orang tulis di situ lahir di Simpang, dia pun Simpang Pertang. Yang membawa surat ini balik, jadi dia kata kelahiran anda betul. Ini tidak ada baca.

Oleh sebab itu, kerajaan daripada awal lagi sudah mengadakan kelas dewasa untuk mencelikkan yang buta huruf. Tetapi orang PAS kata kelas dewasa kerajaan ini untuk membantu UMNO menang dalam pilihan raya. Tetapi banyak yang kita melatih orang PAS juga untuk membaca. Kita sayang kepada semua rakyat kita, termasuk yang kita tidak tahu yang dia akan menyokong PAS apabila dia sudah celik. Apa boleh buat, nasib kitalah.

Datuk Ghazi cadangkan supaya projek ini diberikan perhatian. Ini yang baik, ini yang baik. Terima kasih Datuk dan memang kita pun berhasrat untuk merancang seperti penerangan-penerangan yang kita sampaikan supaya rakyat memahami bahawa RM20 itu tidak mahal kerana dia termasuk gambar sekali. Kalau dahulu dia kena ambil gambar lebih kurang RM10 atau RM8, dia pakai hanya dua tiga sahaja, kena simpan negatif, itu pun simpan negatif terus hilang. Tetapi negatif ini ada disimpan di dalam Pejabat Pendaftaran Negara ini. Selagi dia hidup, selagi dia berkehendakkan gambar dia ataupun hendak dibuat semula KPPK ini, dia tidak hilang macam negatif dahulu. Kalau ditolak-tolak, dia tidak sampai RM20, cukup murah. Saya tidak mahu menjadi *salesman* ya.

Kita tidak boleh *categorizekan* mengikut kehendak Datuk kerana Kad Pintar Pelbagai Guna ini bukan kita bagi atas status kaya, miskin, susah, papa kedana dan sebagainya. Kita bagi kepada rakyat kita. Mana-mana rakyat yang mahu menjadi rakyat, yang kekal hendak menjadi rakyat dan mahu identiti dia sebagai rakyat, dia mesti ada kad ini. Kalau yang miskin pun RM20, yang kaya pun RM20. Ini keadilan yang paling nyata. Jadi untuk Datuk kata kita bagi yang miskin turun sedikit, yang kaya naik sedikit, kalau kita bagi turun, yang kaya pun mengaku dia pun miskin juga, habis kita, tidak boleh ini. Kita beri layanan ini semua sama sahaja.

Nama sewajarnya daripada kad pengenalan Malaysia, tidak adakah garis panduan di atas. Kementerian mengambil maklum di atas pandangan Yang Berhormat dan perkara ini akan diambil perhatian, Yang Berhormat. Terima kasih.

Ini pasal Meps Cash. Memang diakui tahap penggunaan Meps Cash pembetulan pada tahap yang diharapkan ini disebabkan penerimaan sistem pembayaran secara e-cash ini. Kita pasal e-cash inipun kita tidak boleh paparkan, hanya dia sahaja yang mengetahui apa-apa berkaitan dengan sistem ini, saya percaya sama dengan sistem yang lain bahawa *secrecy*nya dan tanggungjawabnya adalah sama dengan badan-badan kewangan yang berkaitan dengan peribadi pihak pembawa kad ini.

Datuk Ghazi Haji Ramli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Pasal ini sijil kelahiran yang sudah tidak ada....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk, boleh beri laluan kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Oh ya.

Datuk Ghazi Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Zainal kerana memberi laluan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tentang *secrecy* itu bila *cash*nya orang lain tidak boleh tahu. Saya hendak terangkan maksud saya, mungkin saya tidak jelas masa saya bercakap tadi. Maksud saya, yang sekarang ini kalau guna cip ini hanya boleh pakai pada bank tertentu, terhad hanya kepada Affin Bank, saya sebutlah, satu bank sahaja. Tetapi kalau kita pakai kad ATM yang biasanya, asalkan ada Meps, boleh pakai sebab tadi saya tidak jelas sebab Meps yang ATM itu menggunakan *magnetic stripe* di belakang macam dengan kredit kad. Yang ini oleh kerana kita pakai cip, jadi *reader* yang ATM itu tidak boleh baca yang cip ini. Jadi maksud saya, jadi pada orang ramai, dia nampak Meps, dia tidak tahu lagi yang *cash* ini, jadi dia tidak boleh pakai, terhad *whereas* yang ATM itu boleh pakai keseluruhannya, itu maksud saya.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi kalau kita *upgrad*kan penggunaan ini, ertinya maksud saya kalau keseluruhan ATM selain daripada menggunakan *magnetic reader*, dengan izin, juga diletakkan ciri cip di dalam supaya ia boleh dibaca, itu alhamdulillah, ini maksud saya. Dari segi rahsia dan sebagainya, itu saya bersetujulah, itu sedikit penerangan Yang Berhormat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Dato'.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih. Kita akan buat pertimbangan. Inipun berasaskan kepada kemampuan orang-orang yang berkenaan. Kita ambil ini sebagai satu pertimbangan kita.

Ini berkenaan dengan anak yang menetap di rumah-rumah anak yatim dan tidak ada kad pengenalan ini, termasuk apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Jaya. Anak yatim, anak yang dibuang, anak lahir luar nikah, anak yang tidak menentu mana bapanya, mana maknya menjadi satu persoalan yang besar, dia bukan menjadi masalah kepada Kementerian Dalam Negeri tetapi masalah kepada negara kita.

Hari ini terlalu banyak dan kita terpaksa pada masa yang akan datang memikirkan satu polisi dan kalau kita dedahkan polisi kita pula, ramai pula orang menghantar anak yatim daripada luar negeri ke negara kita ini secara diam-diam. Sekarang bapa yatim masuk, besok anak yatim pula masuk, lepas itu emak yatim masuk dan kita terpaksa mengkaji perkara ini kerana ia merupakan satu perkara yang sensitif, penambahan penduduk yang tidak halal oleh sebab polisi yang kita buat menghalalkan penduduk yang tidak halal dan menghalalkan anak yang tidak halal pula, ini susah. Jadi perkara ini saya tangguhkan untuk kita pertimbangkan yang lebih sesuai.

Saya ingat ini sudah habis saya jawab keseluruhannya. Datuk Karim Ghani ya, ini satu sahaja. Tadi yang saya maksudkan masalah orang Melayu, dibangkitkan sijil kelahiran dan saya telah bagi reason sijil kelahiran no name, tanya anak tadi tiada. Ada juga saya lihat waktu saya menjadi guru dahulu. Ahmad bin Tidak Tahu. Bapa dia tidak tahu, polis itu pun tulis tidak tahu ataupun tiada. Ini samalah yang berlaku dan rekod ini susah untuk kita perbetulkannya.

Pelbagai jenis keturunan ini saya rasa secara umumnya penentuan keturunan dibuat oleh keluarga sendiri. Kalau keluarga dia kata, dia Kadazan, Kadazanlah, kalau dia Banjar, Banjarlah pada masa itu. Jadi sekarang kita sudah setuju kalau dia Melayu, Melayu, orang Banjar pun sudah suka Melayu, Mandeling pun Melayu, kalau Dusun kata Melayu, Melayulah. Bapa dia report Melayu, Melayu. Cuma kalau dia report Melayu, "Hei, Datuk Karim, awak bukan Melayu, macam Pakistan sahaja.". Jadi Datuk mesti mempertahankan bapa Datuk, ini Melayu, Melayulah dia, sebab pendaftar kita pun tidak ada rekod sebab belum didaftar. Jadi keluarga kita yang menentukan keturunan ini, dia hendak sebut dengan terang kerana hendak dimasukkan sebagai rekod.

Siapa lagi yang saya tidak jawab ya? Yang Berhormat Tuan Yew Tuan Chiew, tempoh kad pengenalan lewat, kadang-kadang sebenarnya bukan dia lewat sebabnya orang tidak ambil dan dia tidak pernah bertanya bila dia sudah pergi menempah kad pengenalan. Kita masih ada tunggakan yang berpuluh ribu orang yang tidak menuntut kad pengenalan. Orang ini mesti mengambil kad pengenalannya dahulu sebelum dia membuat KPPT ini. Kalau dia tidak mengambil kad pengenalan dahulu, dia tidak boleh membuat KPPT kerana itu sebagai asas untuk membuat pertukaran ini ya.

Kita pertimbangkanlah supaya bangsa tidak dicatit tetapi, kalau Yang Berhormat Datuk Datuk Long, dia suka. Dia bangsa Orang Asli, dia mahu catit dan Yang Berhormat kena runding dengan dia. Yang Berhormat kata tidak mahu catit, dia hendak catit Orang Asli. Nanti datang orang Melayu lain pula, dia hendak catit Orang Melayu Asli. Kalau orang Banjar, mungkin dia hendak Banjar Masin. *[Ketawa]*

Jadi, ini terpulang kepada keluarga-keluarga kita pula. Banjar Masin, Orang Asli dan yang lain-lain lagi, Pejabat Pendaftaran akan melihat masa pendaftaran yang berkenaan supaya dia tidak menjadi percanggahan, bukan kehendak kita, kehendak keluarga yang berkenaan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng ada membangkitkan berkenaan dengan pegawai-pegawai ini, saya sudah sebut. Asas pelaksanaan pegawai-pegawai pun saya sudah sebut yang dibangkitkan oleh Puan Hajah Hajah, kemudian agen pendaftaran itu pun saya sudah jelaskan. Cuma tadi saya tidak menyebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat, Senator yang membangkitkan perkara ini.

Kalaulah terdapat peninggalan saya, saya tertinggal orang-orang yang saya tidak sebutkan ini, Yang Berhormat boleh maklumkan kepada saya kalau tertinggal yang banyak ini, saya jawab secara bertulis sekejap lagi ataupun kita keluar, kita bisik sekejap lagi. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya selesai menjawab soalan yang telah dibangkitkan atas cadangan yang telah dikemukakan lebih awal tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Zainal Abidin bin Zin Timbalan Menteri yang telah menjawab dan menggulung sebentar tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagaimana Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.10 petang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa negara dilanda kemelesetan ekonomi yang bermula pada pertengahan tahun 1997, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengatasi masalah tersebut bagi mengembalikan keyakinan para pelabur dan memulihkan pasaran saham negara. Antaranya ialah melalui pindaan ke atas Akta Syarikat 1965 yang berhubung dengan pemegang saham substantial di mana mereka dikehendaki mematuhi keperluan penzahiran, *disclosure requirements* dengan izin, dengan tujuan untuk memastikan wujudnya ketelusan yang lebih luas dalam pemegangan saham sesebuah syarikat termasuk syarikat-syarikat Bernama.

Akta syarikat pindaan kedua, 1998 Akta A 1043 yang berkuat kuasa pada 1 November 1998 telah mentakrifkan semula apakah yang dimaksudkan dengan pemegang saham substantial. Dalam pindaan ini, seseorang pemegang saham adalah menjadi pemegang saham substantial sekiranya dia memegang saham sebanyak 2% atau lebih saham dalam sesuatu syarikat. Ini bermakna sekiranya

seseorang itu memegang 2% atau lebih, maka dia dikehendaki mengemukakan penzahiran kepada syarikat yang mana dia menjadi pemegang saham substantial dan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur.

Peruntukan asas sebelum dipinda masa itu ialah 5%. Semenjak dikuatkuasakan pindaan ini, beberapa masalah telah dibangkitkan oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti syarikat-syarikat yang terlibat, syarikat-syarikat Bernama dan pemegang-pemegang saham substantial sendiri kerana peruntukan 2% didapati terlalu rendah yang menyebabkan laporan penzahiran yang dikehendaki dimajukan terlalu banyak daripada segi jumlahnya. Keadaan ini seterusnya menimbulkan masalah mengurus laporan-laporan penzahiran oleh pihak-pihak yang berkenaan kerana ia melibatkan jumlah saham yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2001 yang dibentangkan pada kali ini, mengandungi empat Fasal bertujuan untuk menangani masalah-masalah yang disebutkan di atas.

Fasal 1 rang undang-undang ini adalah berkaitan dengan tajuk ringkas dan kuasa menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan ini.

Fasal 2 pula bertujuan meminda seksyen 69D untuk mentakrifkan semula maksud pemegang saham substantial.

Melalui pindaan ini, adalah dicadangkan jika seseorang itu memegang saham dalam sesebuah syarikat sebanyak 5% atau lebih, maka dia adalah dianggap sebagai pemegang saham substantial, peningkatan tahap pegangan saham daripada 2% kepada 5% bermakna ia kembali kepada had asalnya sebelum dipinda pada tahun 1998.

Cadangan untuk meminda seksyen 69I adalah untuk memastikan apa-apa notis yang dikehendaki dikemukakan oleh pemegang saham substantial berhubung dengan pengubahan kepentingannya dalam sesebuah syarikat yang dikehendaki di bawah divisyen 3A, Bahagian IV Akta Syarikat 1965, hendaklah juga dimajukan kepada Suruhanjaya Sekuriti.

Pada masa ini notis-notis tersebut hanya dikehendaki disampaikan kepada bursa saham. Cadangan ini terkandung dalam Fasal 3 rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan terakhir yang terkandung dalam Fasal 4 rang undang-undang ini adalah bertujuan memotong seksyen 69P. Seksyen 69P juga diperkenalkan melalui Akta Syarikat (Pindaan) (No.2) 1998 [Akta A1043].

Seksyen 69P telah diperkenalkan bertujuan untuk menyifatkan bahawa syarikat penama iaitu nominee company, dengan izin, dan mereka yang bertindak sebagai pemegang amanah itu sahaja, dengan izin, bear trustee sebagai pemegang saham substantial sekiranya mereka memegang lebih daripada 2% atau lebih daripada jumlah keseluruhan pegangan saham sesebuah syarikat. Oleh yang demikian, mereka turut dikehendaki membuat penzahiran mengenai pegangan saham mereka.

Rang undang-undang ini mencadangkan seksyen 69P dipotong memandangkan tanggungjawab penzahiran adalah tertanggung ke atas pemilik-pemilik sebenar kepentingan tersebut, bukannya syarikat-syarikat penama dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat penama dalam menenuhi peruntukan tersebut. Cadangan pemotongan seksyen 69P ini juga adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya pelaburan penzahiran dua kali iaitu oleh pemilik sebenar kepentingan dan oleh syarikat penama dengan cadangan pindaan seksyen 69D yang mentakrifkan semula pemegang saham substantial sebagai mereka yang memegang 5% atau lebih daripada jumlah keseluruhan saham sesebuah syarikat. Maka syarikat penama dan mereka yang bertindak sebagai pemegang amanah itu sahaja iaitu bear trustee, dengan izin, tidak lagi disifatkan sebagai pemegang saham substantial.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat Dato' Aziz.

4.18 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini tetapi ingin membawa beberapa persoalan.

Yang pertama, berkenaan dengan Fasal 2. Kalau dulunya, Tuan Yang di-Pertua, substantial shareholding atau mereka yang memegang syer substantial kita letakkan pada tahap 5%. Selepas itu kita turunkan pula kepada 2% dan kini kita naikkan pula ke taraf 5%. Apakah rasionalnya 5%, apakah magicnya 5% dan tidak 10%, tidak 15% kerana sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menengok dari segi keperluan Bursa Saham Kuala Lumpur dan juga Suruhanjaya Sekuriti di mana

setiap syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur mesti mempunyai sekurang-kurangnya 25% dari segi pegangan orang awam. Maknanya the public spread. Jadi kalau 25%, katakanlah saham itu ada 100 juta, RM1 sesaham maknanya RM100 juta, 100 juta saham. Kalau 100 juta saham maknanya 25 juta terapung dan dipenuhi oleh orang-orang awam sebagai public spread. Kemungkinan 5% itu merupakan substantial. Tetapi kini, Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun mempunyai syarikat-syarikat yang besar di mana capitalizationnya, mohon izin, dari segi saham, dari segi nilai telah melonjak sampai ke 1 bilion. Bukan lagi kita kira yang kecil-kecil lagi.

Dulu kita ada bursa saham papan pertama, papan kedua. Yang kini pun kita ada begitu tetapi yang meningkat kepada papan pertama dan juga yang meningkat di dalam papan pertama kepada peringkat billion ini sudah pun banyak sehinggakan syarikat-syarikat seperti Telekom, Tenaga, Malaysia Airline dan Maybank misalnya. Syarikat-syarikat ini mempunyai pendedahan (exposure) kepada pasaran kapital antarabangsa, dana kewangan antarabangsa. Dan kalau 5% dianggap sebagai substantial, berkemungkinan perkara ini kecil dari segi pelabur-pelabur peringkat antarabangsa. Dan kini saya difahamkan syarikat-syarikat ini telah pun dimasukkan ke dalam Morgan Stanley Capital International di mana ianya menurunkan pula tahap kita ini sebanyak 30% saya difahamkan.

Maknanya dalam permohonan dan tuntutan mereka yang mempunyai wang yang banyak, Tuan Yang di-Pertua, dana kewangan antarabangsa, bila dia tengok saham kita dalam kumpulan saham-saham yang dikumpulkan oleh Morgan Stanley Capital International mempunyai hanya sebanyak 3% atau 4%. Saya ingat dia tinggal 3% sekarang ini daripada mungkin 5% dahulu dan menjunam ke bawah. Dia tengok kecil sangat. Jadi, kalau 5% sudah jadi substantial pada syarikat-syarikat besar macam ini, kepada mereka ini tidak berupaya untuk hendak mendedahkan kerana tuntutan substantial shareholding ini sudah berbeza. Jadi, 5% pun mungkin tidak begitu sesuai, mungkin 10% lebih sesuai kepada mereka yang besar-besar, the big players, mohon izin Tuan Yang di-Pertua. Tetapi syarikat yang kecil macam papan kedua (second board) ini mungkinlah 5% ini substantial.

Jadi, saya hendak tahu apakah kategori definisi pentakrifan 5% ini sudah mencukupi kalau kita mahukan saham-saham kita diperdagangkan di peringkat antarabangsa. Dan apabila kita telah menurunkan levi 10% ini, Tuan Yang di-Pertua, kita menganggapkan lebih banyak dana-dana daripada kumpulan

antarabangsa ini menyalurkan dari segi pelaburan mereka ke Malaysia sungguhpun setakat ini, ini Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan pun ada, setakat ini kita tidak nampak lagi, tidak begitu jelas. Kenapa dan mengapa saya tidak tahu di mana saham-saham kita di sini dapat diniagakan berasaskan kepada tumpuan pengurus-pengurus dana kewangan antarabangsa. Mungkin kerana ianya sekarang ini Morgan Stanley Capital International sudah memberikan pandangan menurunkan sedikit dari segi strength atau kekuatan saham-saham kita di dalam kumpulan saham-saham yang dipilih oleh Morgan Stanley itu saya tidak tahu ataupun sebab-sebab yang lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya merasakan kalau kita hendak mengkaji dari segi kumpulan data yang kita tengok dari segi MAPEN II dan RRJP3 kita dapati, Tuan Yang di-Pertua, daripada dulunya ekuiti bumiputera 20% lebih, selepas kegawatan ekonomi ianya menurun, kini lebih kurang 19.1%. Tetapi di dalam seksyen pemegang saham nominee, syarikat-syarikat penama ini tadi, kita tengok ada 8% dan kita tidak tahu. Apabila saya tanya dalam mesyuarat MAPEN II siapa yang punya, adakah dia mempunyai butir-butiran yang lanjut di dalam 8% siapa yang punya. Adakah ianya dipunyai oleh bumiputera, bukan bumiputera, satu orang pun tidak boleh beritahu. Katanya ini mengikut undang-undang apa yang terkandung di dalam situ tidak boleh didedahkan. Jadi kita tidak tahu kenapa 8% itu adakah ianya kepunyaan bumiputera. Kalau kepunyaan bumiputera 8% bererti kita sudah meningkat kepada 19.1% campur 8% bererti 27.1%. Ataupun kita mempunyai 3% di situ bererti kita meningkat kepada 21.1%. Kenapa tidak boleh maklumat yang begitu penting bagi kita meninjau untuk menentukan adakah kita mencapai tahap 30% ini tidak dapat diberitahu kepada mesyuarat yang begitu penting.

Adakah sekarang dengan akta yang diwujudkan di sini, dengan wujudnya di mana seksyen 69P misalnya jika diubah di mana tanggungjawab pemilik individu boleh memberitahu kalau dia menjadi komponen dalam syarikat penama yang mempunyai saham 5% ke atas substantial, dia terpaksa memberitahu kepada pihak yang berwajib dan tidak ada mana-mana institusi adakah ianya Securities Commission ataupun BSKL yang boleh menyekat mengatakan kita tidak boleh memberitahu. Dan di sini ada paradoxnya, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau sekiranya syarikat.....

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ghazi, nampaknya Datuk Aziz beri laluan.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dan, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman kerana memberi laluan.

Saya amat tertarik dengan isu nominee yang 8%, Yang Berhormat sebut tadi. Kalau kata undang-undang menyebut tidak boleh dinyatakan, komponen sebenarnya, jadi kalau mengikut perbincangan di peringkat MAPEN tadi, apakah andaian. Ertinya, andaian apa yang tersurat sahaja, apakah ini maksudnya? Dan, ertinya kita hanya menerima setakat *face value* dan, oleh kerana itu statistik-statistik lain mengikut yang 8%, yang Yang Berhormat sebut tadi, sebab ini amat kritikal sekali dari segi interpretasi bab nominee syer ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, begitulah keadaannya. Kita minta juga, lepas itu kita dari segi perincian, siapa yang mempunyai hak milik dalam syarikat nominee ini tadi yang berjumlah 8% ke 9% ini tadi, *because*, kita hendak tentukan komponen dari segi pencapaian Dasar Ekonomi Baru, adakah ia melebihi 19.1% yang dinyatakan ataupun lebih ataupun berkurang? Saya tidak tahu.

Jadi, bagi pihak mereka mengatakan, ia memerlukan – ini dia buat pandangan ini, pandangan *legal advisor*, dia datang, semua kata tidak boleh, tidak boleh beritahu, dalam mesyuarat itupun tidak boleh beritahu. Jadi, macam mana, saya memikirkan, kalau sekiranya tidak boleh beritahu, begitu ketat sekalilah dari segi akta yang merangkumi syarikat-syarikat nominee. Tetapi, kini 69P mengatakan, mereka yang mempunyai saham-saham *substantial* yang dimiliki oleh individu-individu itu boleh diberitahu, tidak payah lagi syarikat-syarikat saham memberitahu kerana ini duplikasi. Maknanya syarikat individu pemegang saham boleh memberitahu.

Tetapi, paradoknya, saya katakan tadi, apa ertinya syarikat nominee? Kalau syarikat nominee tidak boleh membuatkan nominee sahaja memberitahu dan bukan individu-individu yang memegang saham itu. Ini saya hendak dapatkan penjelasan kerana konsep dan definisi syarikat-syarikat nominee ataupun syarikat-syarikat yang memegang saham ini, penama-penama ini, kalau ianya boleh juga

didedahkan individu-individu yang memegangnya, jadi konsep nominee tadi sudah menjadi terkeliru sedikit.

Dan, saya hendak tahu, kalau konsep ini dibawa ke Labuan, sebagai pesisiran luar, adakah pelabur-pelabur antarabangsa yang mengetahui dari segi konsep nominee ini boleh melindungi kepentingan masing-masing, boleh juga digunakan di Labuan ataupun syarikat-syarikat nominee Labuan juga terpaksa mendedahkan pemilik-pemilik syarikat-syarikat penama ini tadi. Kalau itu berlaku, bererti, tidak mempunyai nilai lagi syarikat-syarikat penama kerana ianya tidak menepati objektif untuk menubuhkan syarikat-syarikat nominee ini tadi, syarikat-syarikat penama.

Jadi, saya hendak tahu, adakah ini mempunyai satu kontradiksi antara apa yang diperlukan oleh mereka yang menyertai syarikat-syarikat penama untuk memberikan perlindungan kepada yang mempunyai saham-saham ataupun mereka terpaksa didedahkan kerana tuntutan-tuntutan baru? Jadi, kalau dapat pihak kementerian beritahu kita, mengurangkan kekeliruan, *gap* ini yang ada antara apa yang tertulis dan tersirat.

Tuan Yang di-Pertua, lebih penting daripada itu, saya rasa dari segi syarikat-syarikat ini, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kita hendak menentukan *substantial, share holders* dan sebagainya dan tanggungjawab mereka, yang pentingnya ialah secara total, secara *holistic*, urusan tertib, urusan yang terbuka, urusan yang apa yang dipanggil sekarang *corporate governance*, yang terbaik, tatasusila yang terbaik. Itu yang lebih penting.

Corporate governance, etika dan kod pensyarikatan yang baik, di mana ahli-ahli lembaga pengarahnya mengetahui tanggungjawab masing-masing, yang mempunyai kepentingan dalam syarikat dan juga yang bebas, yang dilantik, yang mempunyai ilmu secara *independence*, secara bebas memberikan pandangan, yang tidak boleh dijual beli oleh pemegang-pemegang syarikat, pemegang-pemegang saham yang duduk dalam *main board* ini tadi, syarikat yang duduk dalam lembaga pengarah. Itu yang lebih penting.

Jadi, soalnya sekarang daripada *corporate governance* ini, yang sekarang ini saya tengok etika dan kod, *corporate governance*, jawatankuasa pun ada dan sebagainya, itu terpaksa kita lakukan sebaik mungkin dan secepat mungkin kerana kalau itu dilakukan, syarikat-syarikat, adakah ianya *substantial share holders*kah, ataupun yang *minority share holders*kah, semuanya terjamin, kerana keyakinan

mereka untuk melabur, kerana wujudnya ketelusan dan tatatertib yang baik, etika yang baik dari segi pengurusan syarikat, mereka yakin dan tidak ada sangsi, baik di Malaysia mahupun di luar negara.

Standard pengurusan, piawaian pengurusan syarikat-syarikat di Malaysia mesti sama dengan syarikat-syarikat antarabangsa kerana sekarang pendedahan syarikat-syarikat di Malaysia kepada pasaran antarabangsa sudahpun wujud. Jadi, kalau kita hendak mewujudkan sistem yang berpaksi kepada globalisasi dan liberalisasi, kita sepatutnya mempunyai satu piawaian, iaitu piawaian antarabangsa yang diterima oleh semua pihak, baratkah, timurkah, utarakah, Selatan – sama.

Jadi, bila dia hendak mengumpulkan data, hendak mengkaji dan meneliti dan membuat satu keputusan pelaburan, dia sudah tahu, dia boleh terima data-data ini, kerana ianya dibuat, ianya didedahkan berasaskan kepada piawaian-piawaian yang diterima oleh dunia. Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, *accounting standard* kita mesti sama, piawaian *accounting* setiap syarikat mesti sama, mesti diantarabangsakan. Ini peranan MIA, peranan CPA – *Malaysian Institute of Accountancy*, semuanya memainkan peranan bagi menentukan *independence*, pengarah-pengarah bebas itu, saya hendak syorkan di sini, mesti salah seorang terdiri daripada seorang akauntan ataupun yang mempunyai *certificate* daripada Lembaga Pengarah Malaysia ini, *the institute of directors*. Institusi *Institute Director* yang mungkin wujud di Malaysia, saya ingat sudah wujud sudah.

Jadi, dia mesti mengeluarkan *certificate* untuk menentukan mereka ini layak duduk sebagai dan dilantik sebagai pengarah bebas. Dan, juga pihak kerajaan, kalau susah sangat hendak mencari ahli lembaga pengarah yang bebas ini, senaraikan, buatlah satu pengumuman orang yang layak menjadi ahli lembaga pengarah bebas adalah satu, dua, tiga, empat, sampai seribu, dua ribu, tiga ribu, empat ribu, tidak kira, senaraikan. Jadi, syarikat-syarikat yang berkehendakkan ahli-ahli lembaga pengarah bebas boleh merujuk kepada senarai kerajaan yang ada berasaskan kepada piawaian-piawaian tertentu, menyenaraikan ahli-ahli lembaga pengarah bebas yang boleh mereka ambil, dua, tiga orang setiap syarikat.

Dan, orang yang sama tidak boleh dipilih, kita hadkan. Kalau dahulu, kita mempunyai satu had maksimum, berapa banyak seseorang itu boleh memegang jawatan Lembaga Pengarah, kita juga boleh menghadkan ahli-ahli lembaga pengarah bebas ini kepada dua, tiga atau empat syarikat, berasaskan kepada tuntutan-tuntutan semasa. Jadi, perkara semacam ini memudahkan lagi, tidaklah

meraba-raba orang hendak buat syarikat, dia baru mencari, lepas itu tengok, ada kaitan saudara-mara dan sebagainya, itu memang tidak boleh kita buatlah, ini kronism, nepotism wujud ini. Jadi, yang bebas, sudah tidak jadi bebas.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pengurusan, piawaian-piawaian antarabangsa peringkat syarikat itu kalau kita buat, ianya sama dengan peringkat antarabangsa, insya-Allah - semuanya Akta ini untuk hendak memberi keyakinan kepada pelabur. Akta Syarikat diubahsuai mengikut keadaan semasa, semata-mata diwujudkan bagi memberikan kerangka *legal framework* untuk menentukan pelabur-pelabur di Malaysia, yang tidak tahu membaca dan yang tahu membaca, dan pelabur-pelabur antarabangsa memahami bahawasanya syarikat itu berjalan atas landasan yang kukuh dari segi struktur, kerangka *legahnya*, kewangannya dan sebagainya yang dituntut oleh pelabur.

Bila pelabur hendak melabur sesuatu dia hendak tengok, dia mesti mempunyai keyakinan dan ke yakinan itu didorong oleh sistem-sistem yang bertapak baik. Jadi, saya merasakan kalau Akta ini berhasrat itu, insya-Allah, pelabur-pelabur luar yang sekarang ini mungkin menipis akan berlumba-lumba hendak datang balik ke Malaysia kerana kita tahu dari segi negara kita yang terbuka sistem ekonominya bergantung kepada perdagangan antarabangsa.

Kita sudah tahu, kalau ikutkan eksport kita, sudah 120% daripada KDNK dan import kita 94% KDNK, begitu juga dari segi saham-saham yang dipasarkan di Malaysia ini memerlukan sokongan daripada pelabur-pelabur antarabangsa. Dan, dengan kita menarik balik levi 10% ini, insya-Allah, ianya sekarang memudahkan lagi wang-wang daripada luar negara itu untuk datang berpangkalan di sini secara jangka pendek atau jangka panjang melabur di syarikat-syarikat kita.

Saya mohon izin, menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli.

4.35 ptg.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Syarikat 1965 (Pindaan) ini. Saya juga turut menyokong di atas cadangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat awal

tadi. Saya bersetuju dengan banyak perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Aziz. Masalah yang selalu kita cakap, di antara Dato' Aziz dengan saya, kalau dia bercakap dulu, saya bersetuju dengan dia. Kalau saya bercakap dulu, dia bersetuju dengan saya . *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Tetapi tidak ada pa katanlah.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli:....termasuk hal-hal lain juga.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada pakatan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Ada pakatan. Jadi, ini pun menimbulkan masalah juga kadang-kadang. Macam semalam saya masuk lewat dalam satu perbahasan, saya pun tidak tahu apa dia tanya, bila hari ini saya baca dan tengok, rupanya tajuk itu dia tanya. Kalau saya ada di sini, saya pun akan tanya betul-betul macam itu. Ini mengenai Kementerian Yang Berhormat Dato' Shahrizat.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya saya amat bersetuju dengan cadangan ini, cuma saya melihat dari segi persepsi. Kita bercakap tentang keyakinan pasaran saham. Keseluruhan keyakinan berdasarkan kepada persepsi yang timbul pada masyarakat umum pada dunia perniagaan, pada dunia industri kewangan, lebih khusus lagi kepada fund managers, dengan izin, kepada pengurus-pengurus kewangan kerana mereka inilah pada saya satu kelompok yang amat kritikal dalam membuat pelaburan dan sebagainya.

Jadi, soalnya ialah kalau dalam beberapa tahun yang agak singkat, kita bertukar, macam Dato' Aziz sebut daripada 5, Yang Berhormat pun sebut tadi sejarah ringkasnya, sejarah singkat – daripada 5 kepada 2, 2 kepada 5 ini, rasionalnya dari segi penyampaian tidak begitu kuat. Sekurang-kurangnya dari segi persepsi saya atas prinsip persepsi sahaja, saya tidak tahu rasional yang detail.

Kalau yang dahulunya 5, oleh kerana sesuatu keadaan memaksa kita menukar kepada 2. Jadi, sekarang kita kata keadaan sudah berubah. Kita hendak naik kepada 8, adalah dia punya 'perception'nya, dia kata, wah, ini mesti ada maklumat yang terhebat. Di antara yang boleh disebut, ada yang tidak boleh disebut. Oleh kerana itulah kita bersetuju untuk meminda kepada 8 atau 10.

Oleh kerana itu pada prinsipnya saya amat bersetuju tentang penukaran yang berlainan pada dahulu sebab keadaannya ada berlainan. Kalau keadaan macam mana pun kita mengukur dari segi saintifik, kalau menggunakan prinsip artificial intelligence dalam ciri membuat keputusan pun memang berbeza. Oleh kerana itu, fund managers ini perhati dan kita hendak menarik hati dia, kita kena guna platform

argument yang lain, bukan pada tahap yang sama sahaja, walaupun kita ada sebab musabab dan memanglah boleh digunakan perkataan dan statistik untuk menyokong, menguatkan lagi. Pada saya ini amat mustahak.

Saya teringat terbaca dalam akhbar baru-baru ini, kalau tidak salah, Presiden Bush sendiri. Bukanlah saya kata semuanya betul tetapi yang saya teringat ini adalah relevan dengan apa yang saya sebut tentang fund managers. Kata dia dalam semua suasana ekonomi, jangan lupa pada kumpulan fund managers ini kerana mereka ini juga boleh mempengaruhi banyak, sama ada hendak membuat pelaburan di sesuatu tempat di mana yang diinginkan oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang pemegang saham trustee, dalam masa saya bertanya Yang Berhormat Dato' Aziz dan saya mendengar respons sedikit sahaja tadi, saya teringat pula satu keadaan di mana, kalau tidak silap saya, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penerangan, dalam keadaan-keadaan tertentu, katanya, ikut yang saya ingat, disclosure, penzahiran ini boleh buat pada trustee, dalam keadaan-keadaan tertentu. Jadi, mengikut undang-undang kalau dia jadi syarikat trustee, kalau timbul sesuatu keadaan dia boleh disclose, dengan izin, dia boleh menzahirkan identiti ini.

Jadi, kalau dalam keadaan tertentu yang mana yang sampai MAPEN tidak qualify untuk mengetahui maklumat terkini kerana pada saya, melihat MAPEN adalah satu kumpulan, adalah satu ruang untuk membincangkan fakta-fakta sebagai dasar kepada perancangan masa depan RRJP3, RMK-8 dan sebagainya. Kalau dalam suasana di mana wakil-wakil dari segenap pihak dalam masyarakat berada dalam MAPEN, apa yang kita dengar Yang Berhormat Dato' Aziz kata tadi pun tidak boleh.

Jadi, pada saya nampak undang-undang yang saya teringat, saya tahu, ada keadaan-keadaan tertentu memang dia boleh dizahirkan. Jadi, itu yang saya tidak begitu faham sebab kalau kita sendiri yang membuat undang-undang, kalau undang-undang itu agak menyeluruh dan luas, saya percaya forum seperti MAPEN patutnya boleh menzahirkan maklumat ini. Lebih-lebih lagi kalau sekiranya dalam keadaan begitu kita boleh membuat satu keputusan pengecualian, pada saya.

Saya tidak tahu mengapa MAPEN tidak menuntut supaya pihak kerajaan, kalau dalam undang-undang mana pun akhirnya Menteri, dengan izin, ataupun Menteri boleh membuat sesuatu. Inilah dia punya qualifying clause, if you like escape clause, dengan izin. Pada saya ini amat mustahak kerana kadang-kadang kita

menggunakan statistik yang salah, perancangannya pun salah. Samalah dengan kisah baru-baru ini yang relevan dari segi statistik ialah angka....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah sedikit. Kerana Yang Berhormat tadi memberi fokus kepada MAPEN2 sebagai seorang ahli yang bergiat di dalam perkara ini saya hendak menyatakan, kita telah minta sampai ke peringkat atas sekali, jadi yang mereka bawa ialah legal adviser sahaja membuat keputusan bahawasanya ini tidak boleh didedahkan maklumat-maklumat yang – untuk makluman Ahli Yang Berhormat Datuk, syarikat nominee ini meningkat daripada 6% pada tahun 1970 kepada 8.5% pada tahun 1990. Pada tahun 1999 figurenya serupa dekat 8% ke 8.7%, jadi besar sumbangan syarikat-syarikat nominee yang akan menentukan peratusan bumiputera dan bukan bumiputera ini boleh berubah.

Jadi, peringkat usaha MAPEN untuk mendapatkan penzahiran data ini dibuat dengan pelbagai pihak dan mereka membawa penasihat undang-undangnya sendiri mengatakan tidak boleh diganggu-gugat dari segi pendedahan maklumat itu. Itu penjelasan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz kerana memberi penjelasan dan saya terfikir sekali lagi seriusnya, saya sudah make that point, dengan izin, tetapi seriusnya ialah kalau pada tahap yang keputusan itu berlaku yang saham-saham nominee ini 8% ertinya empat kali ganda lebih daripada peruntukan undang-undang pada masa itu, itu substantial, amat substantial sampai empat kali ganda, kalau dari segi masa itu 2%.

Jadi kalau yang substantial ini agak mengelirukan kalau boleh dapat Yang Berhormat sila buat penjelasan sedikit dari segi ini kerana amat mustahak sekali.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya bangkitkan ialah tentang yang berkaitan dengan corporate governance kerana perkara ini, dengan izin, amat mustahak. Yang saya ingin memberi pengkhususan ialah kepada pengarah-pengarah, perlantikan pengarah dan prestasi pengarah-pengarah. Oleh kerana itu, saya amat menerima baik cadangan pihak kerajaan untuk mewujudkan program latihan yang khusus kepada ahli-ahli lembaga pengarah.

Ini saya ucap tahniah, saya rasa dalam dunia yang serba canggih kemas kini ini yang kita semua inginkan ilmu, tidak semua orang tahu semua benda, oleh kerana itu kita juga membuat andaian bahawa pengarah pun tidak tahu semuanya, sebab sudah menjadi lumrah lantik sahaja jadi pengarah, dia jadi pengarahlah,

mungkin hanya untuk hadir secara fizikal dan sains cek itupun kalau nasib baik, kalau tidak pernah sains apa langsung, hanya hadir mesyuarat.

Walau bagaimanapun, perkara ini patut diberi penekanan yang amat baik, begitu banyak kerana pengarah-pengarah patut juga mendapat ilmu supaya dipanjang-panjangkan kepada kumpulan masyarakat sebab masyarakat berteraskan pengetahuan ini patut berkongsi seramai mungkin.

Dan dalam hal ini saya menyeru kepada pihak kerajaan untuk mencapai matlamat ini dengan cepat, tepat dan bermutu mungkin boleh digunakan kaedah e-pembelajaran kepada pengarah-pengarah ini, dengan jalan mereka memberi pendedahan melalui e-pembelajaran dalam soal latihan kepada pengarah-pengarah maka dengan cara ini memaksa pengarah-pengarah ini secara tidak langsung untuk menggunakan teknologi yang tertentu untuk menambahkan ilmu melengkapkan diri mereka untuk menjalankan tugas sebagai pengarah yang lebih bertanggungjawab, kerana dalam perkara ini pengarah patut lebih sedar bahawa mereka duduk di situ ialah atas kehendak ahli, mewakili ahli, oleh kerana itu mereka patut mengetahui apakah undang-undang yang diberi peruntukan dan di manakah mereka layak bersuara dan tidak layak bersuara bagi pihak ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengarah ini juga, saya ingin mengimbas kembali sejarah tentang Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz sebut tadi sedikit tentang peruntukan mengatakan had bilangan syarikat.

Saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, apakah statusnya sekarang, setakat mana perkara peraturan menghadkan pengarah boleh duduk dalam sesuatu syarikat yang disenaraikan, yang tidak disenaraikan, saya pun tidak ingat dah berapa bilangannya, tetapi dari segi sistem itu saya ingin bertanya apakah status masa kini dan adakah kita menghadapi apa-apa masalah dalam implementasi sebab semasa membuat pengumuman dahulu saya masih ingat berbincang dengan rakan-rakan, sebab banyak timbul soalan kekeliruan dari segi implementasi. Oleh kerana itu, saya ingin mengetahui kedudukan terkini dari segi perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani.

4.47 ptg.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan meminda Akta Syarikat 1965. Cadangan

pemindaan ini adalah menambah saham daripada 2% ke 5%, tentu sekali ada sebabnya, mungkin sebagaimana yang kita tahu dahulu sudah pun 5% tetapi diturunkan kepada 2% mungkin sebabnya pada ketika itu keadaan ekonomi merudum dan saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur menurun, jadi pengarah-pengarah ini kehilangan banyak wang dan terpaksa dikurangkan pemegang saham substantial daripada 5% ke 2%.

Pada ketika ini kita dikhabarkan bahawa ekonomi kita telah bertambah baik, itulah sebabnya mungkin kita bercadang supaya jumlah yang 2% itu dinaikkan ke 5%. Mungkin kalau dipandang secara kasar pengarah-pengarah atau orang-orang yang mampu sudah memegang saham sudah sampai ke tahap 5%. Kalau ini betul, saya merasa tidak berapa faham kerana dalam ketika kita menghadapi masalah ekonomi dan kemerosotan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur di kala indeks 300 lebih saham-saham ada sampai RM1.80 pada ketika ini apabila indeks naik sampai 550, 600 harga saham sampai 40 sen, 50 sen, 60 sen.

Kalau inilah yang berlaku yang kita nampak macam mana pandangan orang bukan sahaja dalam negara kita, tetapi di luar negara, adakah mereka faham kenyataan-kenyataan kita mengatakan semuanya sudah bertambah, sudah baik tetapi kalau kita lihat di Bursa Saham Kuala Lumpur, harga makin menurun setiap hari.

Kadang-kadang kita lihat indeks naik disebabkan pembelian oleh institusi-institusi tetapi saham-saham lain tidak naik. Saya dikhabarkan apabila institusi-institusi kewangan menaikkan indeks saham, maka orang asing membuang sahamnya ke dalam bursa dan dibeli oleh institusi-institusi kewangan ini daripada wang-wang daripada EPFkah, daripada PNBkah dan sebagainya, saya pun tidak berapa faham dan orang-orang asing yang membuang sahamnya, menjual sahamnya, membawa wang hasil dari jualan ini keluar dari negara kita sehinggakan kebocoran atau pengeluaran wang dari negara kita berjumlah tidak kurang dari RM2 bilion sebulan.

Kalau ini berlaku berterusan, apa akan jadi kepada pelabur-pelabur kita yang ada di negara ini, kata orang pelabur yang bermain saham ini dibagi kepada institusi orang luar, orang Cina dan orang Melayu, oleh sebab sudah kehilangan *confidence* di dalam perniagaan saham, orang luar kalau boleh dia hendak jual sahamnya, bawa duitnya lari, institusi pun khabarnya kewangan kita pun sudah merosot, saudara-

saudara Cina pun tidak begitu minat lagi berurusan saham sehinggakan saham kita dalam keadaan sekarang.

Apakah dengan menaikkan semula daripada 2% kepada 5% untuk menjadikan taraf substantial ini keadaan akan berubah atau persepsi masyarakat Malaysia dan masyarakat umum sehinggakan dalam masa-masa yang terdekat ini kita melihat saham-saham bertambah naik untuk mengurangkan beban orang-orang yang memegang saham.

Walaupun demikian, saya percaya cadangan ini telah dibuat dengan teliti dan dipertimbangkan dengan baik oleh kerajaan kita, oleh yang demikian, saya sokong pindaan ini diadakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

4.52 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Syarikat 1965 (Pindaan) 2001.

Apa jua perniagaan yang kita buat mestilah asasnya takwa kepada Allah supaya ia selamat dunia dan akhirat. Kita semua tahu peranan syarikat penting dalam menyumbang kepada perkembangan ekonomi dalam negara kita. Tetapi persoalannya yang masih kita dapat belum pulih dalam negara kita ialah keyakinan rakyat kepada pelaburan saham ini semakin nipis dan belum dapat dipulihkan.

Jadi, setakat ini kita hendak tahu daripada pihak kementerian sejauh manakah pencapaian bumiputera dalam pemilikan saham. Kita tidak mahu pemilikan saham syarikat ini hanya memberi kekayaan kepada golongan yang tertentu sahaja, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi iaitu kita tidak mahu dalam pembahagian saham ini wujudnya kronisme dan nepotisme.

Dalam suasana yang sekarang ini kita melihat pelabur-pelabur asing masih kurang berkeyakinan untuk melabur dalam negara kita, jadi dalam keadaan ini apakah perancangan yang telah dibuat oleh kerajaan supaya dapat memulihkan imej negara kita memberi keyakinan pelabur-pelabur untuk melabur dalam negara kita.

Jadi, kita mengharapkan semoga perubahan undang-undang yang dibuat dalam akta ini memberi rangsangan kepada pertumbuhan ekonomi dalam negara kita dan memberi keyakinan untuk menambahkan lagi kemantapan ekonomi negara kita. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dengan ini saya minta Yang Berhormat pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjawab dan menggulung. Dijemput Yang Berhormat.

4.55 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli, Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani dan juga Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff yang terlibat dalam perbincangan dan memberi begitu banyak pandangan dan cadangan-cadangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz membangkitkan rasionalnya pemegang saham substantial yang telah diturunkan kepada 2% dan mengapa itu dinaikkan semula daripada 2% kepada 5% pada pindaan ini. Apabila takrifan pegangan substantial diturunkan daripada 5% kepada 2% yang telah mengakibatkan pelbagai masalah dalam usaha membuat penzahiran. Dahulunya 5% adalah ditetapkan atas bandingan yang dibuat dengan penetapan yang dibuat di pasaran-pasaran saham di rantau ini. Umpamanya di Singapura dan di Hong Kong penetapan telah dibuat pada 5%, di United Kingdom pula penetapan telah dibuat pada tahap 3% walhal di Australia ia ditetapkan pada tahap 10%.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Akta Syarikat dipinda, pemegang saham substantial daripada 5% kepada 2% pada tahun 1998, setiausaha-setiausaha syarikat setiap syarikat-syarikat saham dan sebagainya perlu membuat banyak penzahiran kepada BSKL dan juga kepada syarikat berkenaan, sebab naik turun sesuatu saham juga mereka memerlukan membuat penzahiran dan persaingan. Ini juga masanya untuk penzahiran dipendekkan daripada 14 hari kepada 7 hari dan dengan ini mereka setiap hari dibebankan dengan kerja-kerja seumpama ini.

Yang Berhormat Dato' Aziz juga membangkitkan siapakah yang mempunyai kepentingan dalam saham-saham jika saham-saham dipegang di atas nama syarikat penama iaitu syarikat nominee.

Tuan Yang di-Pertua, bila saham-saham dipegang di atas nama syarikat penama, syarikat penama itu tidak dianggap mempunyai kepentingan dalam saham-saham itu. Mereka yang mempunyai kepentingan adalah mereka yang mana syarikat penama memegang saham bagi pihak mereka. Tanggungjawab untuk

membuat penzahiran sebenarnya adalah di atas pemilik-pemilik beneficial dan bukan ke atas syarikat penama. Sebelum ini syarikat penama telah dianggap menjadi pemegang saham substantial oleh seksyen 69P dan juga perlu membuat penzahiran dan dengan itu menyebabkan penzahiran dua kali.

Yang Berhormat juga membangkitkan isu syarikat nominee yang tidak boleh mendedahkan pemilik sebenar saham syarikat menyebabkan sukar menentukan peratusan pemegang sebenar purata, dan meminta kementerian memberikan penjelasan. Mengikut peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti iaitu depository pusat dari Central Depository 1991 apabila sebuah syarikat penama membeli saham bagi pihak orang lain. Ia perlu membuka akaun yang berasingan dengan Malaysian Central Depository (MCD) melalui syarikat broker saham bagi setiap pemilik beneficial. Dengan itu nama-nama mereka yang mana syarikat penama memegang saham bagi pihak saham akan dapat diketahui.

Yang Berhormat juga membangkitkan isu bila beliau di dalam MAPEN dan meminta maklumat-maklumat di syarikat penama iaitu saham-saham yang dipegang oleh syarikat penama dan ini tidak dibekalkan. Di sini saya tidak tahu mengapa ini tidak dibekalkan kepada Jawatankuasa MAPEN. Sebenarnya yang saya dikatakan tadi ini semua boleh didapati daripada Malaysian Central Depository. Mungkin peguam-peguam pada ketika itu ada sebab-sebab tertentu untuk tidak membekalkan maklumat-maklumat ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga membangkitkan berkenaan corporate governance yang baik yang memerlukan satu piawaian yang bersesuaian dengan konsep globalisasi dan menggalakkan pelaburan. Beliau juga meminta adakah senarai kriteria piawaian tertentu untuk melantik Ahli Lembaga Pengarah bebas.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu corporate governance, kerajaan melalui high level finance committee telah melancarkan satu code corporate governance dan juga satu kod amalan terbaik dalam corporate governance. Kod-kod tersebut telah dibuat setelah mengambil kira kod-kod yang terdapat di negara-negara lain seperti UK, Australia, South Africa dan sebagainya. Pandangan-pandangan daripada sektor korporat juga telah diperolehi dalam melahirkan kod-kod itu. Kriteria piawaian yang terpakai ke atas pengarah bebas adalah terdapat di dalam kaedah-kaedah penyenaian BSKL.

Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli membangkitkan isu berkenaan dalam keadaan tertentu MAPEN perlu diberi kuasa untuk mendapat maklumat

share atau saham yang dipegang melalui bear trustee memandangkan bear trustee tidak perlu membuat pendedahan selepas pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya MAPEN ingin mendapat maklumat ialah ada dua pilihan iaitu merujuk permintaan kepada MOF iaitu Kementerian Kewangan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki daripada Malaysian Central Depository dan bukan daripada kementerian saya. Walau bagaimanapun, Pendaftar Syarikat adalah di bawah tanggungjawab kementerian saya dan boleh juga merujuk permintaan kepada ROC yang mempunyai kuasa. Kalau ROC perlu, boleh memaksa bear trustee mendedahkan nama-nama pemilik beneficial juga.

Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli juga membangkitkan isu dan mencadangkan diadakan pembelajaran dalam soal latihan kepada pengarah untuk meningkatkan tahap corporate governance atau tadbir urus korporat. Pihak kementerian mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Memang kementerian ini khususnya pejabat ROC telah mengambil perhatian di atas perkara ini. Buat masa ini kementerian ini telah merangka program latihan kepada pengarah syarikat yang tidak tersenarai dengan tujuan memberi pendedahan kepada perundangan syarikat serta kesalahan dan hukuman atas pelanggaran.

Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama BPR dan polis, dan dua tiga hari lepas bila saya menjawab berkenaan dengan RRJP3 iaitu Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini iaitu kementerian saya akan ada satu kursus. Kursus ini ada enam modul dan enam modul ini merangkumi hak-hak pengarah dan tanggungjawab-tanggungjawab mereka dan di dalam enam modul ini mereka didedahkan sedikit sebanyak berkenaan dengan undang-undang akta syarikat, tanggungjawab mereka, kesalahan-kesalahan dan sebagainya. Kita harap dengan pendedahan latihan ini maka pengarah-pengarah sekarang di syarikat-syarikat yang tidak tersenarai di BSKL dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka berkenaan dengan syarikat dan akan menguruskan syarikat-syarikat dengan lebih mahir.

Yang Berhormat Datuk Ghazi Haji Ramli juga membangkitkan apakah status mengehendkan jumlah syarikat yang boleh seseorang menjadi pengarah tersebut. Isu mengehendkan jumlah jawatan pengarah yang mana seseorang boleh memegang ialah di luar daripada bidang kuasa kementerian ini. Apabila kehendak itu

melibatkan pengarah-pengarah syarikat BSKL, kehendak itu adalah terkandung di dalam kaedah-kaedah penyenaian BSKL.

Yang akhir sekali, Yang Berhormat Siti Zailah binti Mohd. Yusof bertanya berkenaan dengan pemegangan bumiputera di sektor korporat. Setahu saya dan di laporan Rancangan Malaysia Kelapan, angka-angka yang dilaporkan di Rancangan Malaysia Kelapan ialah 19% di sektor korporat, setahu saya.

Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.12 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Dr. Robia binti Dato' Kosai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kanun Tanah Negara yang merupakan undang-undang tanah pertama negara ini sentiasa disemak dan diperkemaskan dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan semasa khususnya dalam menghadapi cabaran pembangunan yang semakin pesat. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, telah dikenal pasti beberapa masalah dalam pentadbiran tanah yang dibangkitkan sama ada oleh pihak pendaftar sendiri mahupun pihak awam yang memerlukan kajian atas peruntukan-peruntukan tertentu Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bahagian Lima (A) yang sedia ada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan persetujuan Majlis Tanah Negara diberi kuasa untuk membuat pengubahsuaian kepada Kanun Tanah Negara bagi memudahkan pelaksanaan pemberi milikan tanah bawah tanah atau tanah di bawah paras bumi. Walau bagaimanapun peruntukan yang serupa bagi tanah *reserve* di bawah tanah atau dengan izin, *underground reserve land* belum ada lagi. Dengan demikian Seksyen 92E dicadangkan dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan persetujuan Majlis Tanah Negara untuk membuat pengubahsuaian kepada Kanun Tanah Negara bagi memudahkan pelaksanaan pajakan dan penggunaan tanah *reserve* di bawah tanah.

Tuan Yang di-Pertua, isu kelewatan mendapat hak milik tetap telah lama diperkatakan. Oleh itu dalam urusan pembangunan untuk memastikan hak milik tetap atau dengan izin, *final title* dikeluarkan dengan cepat. Seksyen 79 dicadangkan dipinda untuk membolehkan penyediaan dan pendaftaran hak milik tetap berikutan dari pemberi milikan tanah dan pembangunan tanah seperti pecah sempadan tanpa mendaftarkan hak milik sementara terlebih dahulu.

Pindaan kepada Seksyen 135 berhubung dengan pecah sempadan, Seksyen 140 berhubung dengan pecah bahagian, Seksyen 146 berhubung dengan penyatuan tanah dan seksyen-seksyen baru, 183A, 184A dan 185A akan mempercepatkan pengeluaran hak milik tetap. Di samping itu penggunaan teknologi baru dan pengkomputeran dalam semua peringkat pengukuran tanah dari kerja luar sehingga lukisan pelan tanah telah mempercepatkan penyediaan pelan hak milik tetap. Dengan demikian adalah diyakini bahawa hak milik tetap boleh dikeluarkan tanpa perlu mengeluarkan hak milik sementara terlebih dahulu.

Bagi menggalakkan kepesatan pembangunan tanah, Seksyen 204B dan borang 12D dicadangkan dipinda dengan memperuntukkan bahawa tanah yang dipegang di bawah hak milik sementara juga boleh diserahkan balik di bawah seksyen

ini. Tanah yang telah digadaikan juga dibolehkan diserahkan balik dengan persetujuan pemegang gadaian seperti bank dan institusi kewangan.

Gadaian tersebut di atas akan disambung semula ke dalam hak-hak milik tanah yang baru kelak. Ini adalah perubahan kepada peraturan yang sedia ada yang tidak membenarkan hak milik yang ada kepentingan berdaftar melalui proses ini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 214A dicadangkan dipinda dengan menentukan bahawa Pengarah Tanah dan Galian Negeri, adalah setiausaha kepada Lembaga Tanah Ladang supaya kerja-kerja pengurusetiaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan cepat. Pada masa ini, tidak dikhususkan peranan dan tanggungjawab ini. Skop dan kuasa Lembaga Tanah Ladang juga diperluaskan dengan mensyaratkan bahawa mana-mana penjualan tanah ladang dan permohonan pembangunan semula tanah ladang di bawah seksyen-seksyen 124 iaitu tukar syarat seksyen 124A iaitu, tukar syarat dan pecah sempadan, seksyen 137 iaitu pecah sempadan dan seksyen 197 iaitu penyerahan balik juga dirujuk kepada Lembaga Tanah Ladang oleh pentadbir tanah.

Ini adalah selaras dengan keputusan kerajaan supaya pembangunan semula tanah ladang dikawal dan syarat-syarat berhubungan dengan kebajikan pekerja ladang dikenakan untuk mengelakkan masalah sosial khususnya berhubungan dengan penempatan semula dan peruntukan rumah murah.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan lelongan awam daripada peringkat permohonan pemegang gadaian seperti bank dan institusi kewangan sehingga pengagihan hasil lelongan kepada pihak-pihak yang berkenaan adalah diuruskan oleh pejabat tanah dan dengan beban kerja yang semakin meningkat, ianya didapati mengambil masa yang panjang. Untuk mengatasi masalah ini, dasar dan prosedur telah disemak semula dan beberapa pindaan kepada Bab III Bahagian ke XVI dibuat supaya lelongan awam dapat diselesaikan dengan lebih cepat. Dasar utama yang dicadangkan ialah memperluaskan penglibatan bank dan institusi kewangan dengan mempertanggungjawabkan mereka menerima dan menguruskan wang deposit dan keseluruhan hasil jualan tanah yang berkenaan.

Prosedur lelongan awam juga diperkemas supaya dapat dilaksanakan dengan cepat dan lebih adil kepada tuan tanah. Untuk maksud ini, perkara-perkara penting yang dicadangkan dipinda adalah seperti berikut:

- (i) Takrif pihak-pihak yang terlibat dalam lelongan awam diperjelaskan dengan lebih tepat seperti *bidder, charge, financial institution, purchaser* dan pelantikan wakil dalam seksyen 253.
- (ii) Dalam perintah jualan, syarat-syarat baru ditetapkan iaitu setiap orang atau badan yang ingin mengambil bahagian hendaklah mempunyai 10% daripada harga rizab sebagai deposit. Sekiranya, harga bayaran sepenuhnya tidak dijelaskan pada masa lelongan, deposit akan dibayar terus kepada pemegang gadaian dan baki dibayar dalam tempoh 120 hari. Tempoh tersebut tidak akan dilanjutkan dan sekiranya bayaran tidak diselesaikan, deposit tersebut akan dirampas dan dibahagikan menurut seksyen 267A.
- (iii) Selepas perintah jualan lelongan awam dikeluarkan, pemegang gadaian dengan persetujuan penggadai, diberi satu peluang memohon menangguhkan penjualan bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan atau membatalkan perintah lelongan awam menurut seksyen baru 264A sekiranya hutang penggadai dapat diselesaikan pada ketika itu.
- (iv) Sekiranya tiada penangkap lelong pada jualan pertama, pentadbir tanah boleh menetapkan harga rizab yang baru iaitu harga yang lebih tinggi atau rendah daripada harga jualan pertama atau meneruskan dengan harga rizab yang lama. Sekiranya tiada jualan lelongan kedua, perkara ini akan diserahkan kepada Mahkamah Tinggi untuk tindakan selanjutnya dan mahkamah pula tidak boleh mengarahkan pentadbir tanah untuk menguruskan lelongan.
- (v) Selepas lelongan awam yang berjaya, pemegang gadaian dikehendaki menyediakan satu penyata mengenai hutang yang ditanggung oleh penggadai seperti tunggakan cukai tanah dan kos urusan mahkamah atau pentadbir tanah berhubung dengan lelongan awam tersebut. Penyata ini akan disampaikan kepada penggadai dengan salinan kepada mahkamah atau pentadbir tanah. Penyata ini penting untuk tujuan pembahagian hasil

lelongan oleh pemegang gadaian kepada semua pihak yang terlibat.

- (vi) Sebaik sahaja bayaran penuh diterima, pemegang gadaian dikehendaki membahagikan hasil jualan itu seperti yang ditentukan dalam seksyen 268.
- (vii) Seksyen 301 dicadangkan dipinda untuk menjelaskan bahawa sekatan kepentingan tidak menghalang pendaftaran sijil penjualan yang dikeluarkan oleh mahkamah atau pentadbir tanah dan seksyen 269(3) yang baru dicadangkan diwujudkan bagi memperuntukkan bahawa tuntutan sivil boleh diambil oleh pihak berkuasa negeri atau mana-mana pihak yang mengalami kerugian kerana apa-apa penyelewengan oleh pemegang gadaian.

Tuan Yang di-Pertua, *caveat* pendaftar boleh dimasukkan oleh pendaftar bagi menghalang sebarang urusan ke atas sesuatu tanah milik sekiranya berpuas hati akan adanya unsur-unsur penipuan atau bagi tujuan melindungi kepentingan pihak kerajaan. Dalam keadaan sekarang, pendaftar tidak perlu memaklumkan pihak-pihak yang berkepentingan atas tanah tersebut akan kemasukan *caveat* pendaftar itu.

Dengan pindaan yang dicadangkan ini, pendaftar akan diberi tanggungjawab memaklumkan semua orang atau badan yang mempunyai hak berdaftar mengenai kemasukan atau pembatalan *caveat* pendaftar. Ini akan membolehkan mana-mana pihak yang berkenaan mengetahui bahawa *caveat* pendaftar telah dimasukkan dan mengambil tindakan yang sewajarnya dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa seksyen dalam Bab I Bahagian ke XIX dicadangkan dipinda untuk membolehkan *caveat* persendirian dimasukkan ke atas sebahagian daripada tanah dan kesemua bahagian yang tidak dipecahkan atas sesuatu tanah dan *hole of undivided share in the land*, dengan izin atau kepentingan ke atasnya. Pindaan ini perlu untuk menghapuskan keraguan ke atas peruntukan yang ada sekarang mengenai kesahihan *caveat* persendirian ke atas sebahagian tanah atau bahagian yang tidak dipecahkan atas sesuatu tanah.

Caveat ke atas sebahagian tanah ini termasuklah *caveat* ke atas petak-petak dalam bangunan bertingkat yang mana hak milik strata belum dikeluarkan baginya.

Caveat persendirian tersebut akan menghalang sebarang urus niaga ke atas bahagian tanah atau bahagian yang tidak dipecahkan, yang berkenaan sahaja.

Ini bermakna bahawa bahagian-bahagian tanah lain atau bahagian-bahagian lain yang tidak dipecahkan atas tanah ataupun petak-petak lain dalam sesuatu bangunan itu tidak terikat dengan *caveat* persendirian tersebut. Dengan demikian, keterangan yang jelas serta pelan tanah yang sesuai, perlulah dikepilkan bersama-sama permohonan *caveat* persendirian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Seksyen Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB), syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan kepentingan yang pelbagai bentuk telah disemak semula dan diseragamkan dengan menggunakan kod-kod yang sesuai dalam borang hak milik berkomputer. Seksyen baru 381A akan memberi kuasa yang jelas kepada pendaftar atau pentadbir tanah untuk mengarahkan tuan tanah atau pihak yang berkenaan menyerahkan hak milik keluaran tanah mereka untuk dipinda selaras dengan keperluan pelaksanaan SPTB.

Walaupun begitu, sebarang pindaan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan kepentingan ini tidak akan menjejaskan apa-apa hak asal tuan tanah. Adalah dicadangkan supaya seksyen ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh permulaan pelaksanaan SPTB kerana SPTB telah pun dikuatkuasakan di beberapa buah negeri, beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sejak peruntukan mengenai kawalan ke atas pemilikan tanah oleh warganegara atau syarikat asing diwujudkan beberapa perubahan dasar telah diputuskan oleh kerajaan mengenai perkara ini. Hakikat ini memerlukan bahagian 33A disemak semula bersesuaian dengannya dan untuk memudahkan kawalan ke atas pemilikan tanah atau kepentingan tanah oleh warganegara dan syarikat asing. Dalam hal ini, pihak berkuasa negeri akan diberi kuasa untuk memberi pengecualian yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara seperti bayaran levi. Pengecualian-pengecualian ini hendaklah dimasukkan dalam kaedah-kaedah tanah negeri. Takrif syarikat asing dipinda dengan menambahkan peratus pemilikan oleh warganegara dan syarikat asing daripada tidak melebihi 30% kepada tidak melebihi 50%. Pengemaskinian perundangan berkaitan perkara ini juga dibuat dengan memperuntukkan supaya mana-mana surat ikatan penyerahhakkan (*deed of assignment*) di bawah surat kuasa wakil (*power of Attorney*) kepada warganegara syarikat asing yang dibuat pada atau sebelum 16 Februari 1999 iaitu tarikh mula berkuat kuasanya peruntukan-peruntukan mengenai perkara ini melalui Akta A 941

dan sebelum tarikh berkuat kuasa pindaan ini akan dianggap sah. Peruntukan ini adalah perlu bagi mengesahkan tindakan pihak asing seperti syarikat-syarikat amanah atau trust companies yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 iaitu Akta 10 yang menguruskan harta pusaka si mati yang telah meninggal dunia sebelum mula berkuat kuasanya Akta A 941.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan juga perlu dibuat bagi mengemaskinikan Kanun Tanah Negara selaras dengan perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan undang-undang dan persekitaran yang berkaitan dengannya. Mukadimah Kanun Tanah Negara dicadangkan dipinda untuk memasukkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai salah satu kawasan di mana Kanun Tanah Negara terpakai. Gelaran "Director of Survey" dipinda kepada "Director of Survey and Mapping", gelaran "Deputy Director of Survey" ditukar kepada "Deputy Director of Survey and Mapping". Nama jabatan "Survey Department" ditukar kepada "Survey and Mapping Department" dan istilah "dollars" serta simbolnya "\$" ditukar kepada "ringgit" dan "RM" di mana sahaja terdapat di dalam Kanun Tanah Negara. Walaupun begitu, perkataan "territorial waters" yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara tidak ditakrifkan kerana telah ditentukan di bawah undang-undang lain. Pengertian territorial waters adalah sebagaimana terdapat di dalam seksyen 4(1) Ordinan Darurat (Kuasa -kuasa Perlu) No.7/1969 iaitu 3 batu nautika dari tikas air surut atau low watermark, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa borang yang sedia ada di dalam Jadual Pertama, Kanun Tanah Negara dicadangkan dipinda selaras pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada seksyen -seksyen yang dinyatakan di atas. Borang-borang baru juga dicadangkan diwujudkan di bawah seksyen-seksyen baru hasil pengemaskinian ke atas peruntukan berhubungan dengan lelongan awam yang telah saya huraikan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan pindaan kepada Kanun Tanah Negara ini tidaklah melibatkan apa-apa implikasi kewangan tambahan kepada kerajaan. Sebaliknya akan membolehkan pentadbiran tanah menghadapi cabaran pembangunan semasa dengan lebih mantap dan berkesan. Keberkesanan pentadbiran tanah ini juga akan memudahkan urusan di pihak orang awam dan boleh meningkatkan hasil di pihak kerajaan-kerajaan negeri. Kemudahan urusan tanah oleh kepentingan asing boleh menggalakkan suasana pelaburan yang boleh menyumbang ke arah kemantapan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, tanah adalah satu daripada ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ...

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Sikit sahaja ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya mencelah sedikit. Oleh kerana kita ada sedikit lagi urusan, jika perlu kita akan sambung mesyuarat kita sehingga pukul 5.45 petang.

Dr. Robia binti Dato' Kosai: Ini satu paragraf. Tuan Yang di-Pertua, tanah adalah satu daripada faktor ekonomi dan juga faktor pengeluaran yang terpenting. Justeru, perundangan dan pentadbiran tanah yang dikemas kini dan berkesan amatlah penting dan Kanun Tanah Negara sebagai undang-undang tanah utama negara perlulah disemak dari masa ke semasa supaya selaras dengan aspirasi pembangunan negara. Kesemua pindaan dan peruntukan baru yang dicadangkan di atas adalah menjurus ke arah kecekapan dan keberkesanan pentadbiran tanah di samping menyelesaikan beberapa isu dan masalah yang telah dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibaca kali kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Dijemput Yang Berhormat Dato' Aziz.

5.31 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana begitu peka dengan perubahan sezaman. Kalau kita telah pun menjangkau ke alaf baru dengan keadaan sistem pengurusan yang canggih, pejabat tanah di Malaysia juga pun menyertai dalam segi kecanggihannya terutama sekali pengurusan berkomputer yang bersepadu. Saya tidak tahu berapa banyak negeri yang terlibat tetapi ianya telah pun berjalan dan saya tengok orang-orang tua di Temerloh terutamanya telah pun mendapat satu geran tanah hak milik yang begitu canggih sekarang ini. Dia sudah berubah, bukannya zaman dulu sampai sudah perang-perang yang dimakan tikus pun ada, semua sudah cantik, canggih. Jadi senang hendak berurusan kalau hendak berjual beli. Ini merupakan satu perubahan yang fizikal. Tetapi yang lebih penting kebanyakan dari segi bab-bab seksyen-seksyen yang diubahsuai ini untuk

memudahkan lagi dari segi pengurusan tanah sebagai collateral di dalam pengurusan perniagaan.

Saya perhatikan misal katakan seksyen 204. Sungguhpun ianya hak milik sementara, ianya boleh diurusniagakan menerusi bank sebagai collateral. Kerana kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok dari segi ekonomi negara, khazanah Tuhan beri kepada kita iaitu tanah, baik tanah ladang mahupun tanah di bandar, mahupun tanah di kampung merupakan paksi kepada pembangunan ekonomi. Jadi dengan itu, kalau wujudnya satu kerangka perundangan yang kemas kini yang mengikut aliran zaman, ini menunjukkan kerajaan Barisan Nasional peka dengan kehendak dan tuntutan rakyat jelata. Saya ucap tahniah. Yang lebih penting lagi saya tengok di sini pun ada satu jawatankuasa, bukan main besar jawatankuasa ini, jawatankuasa yang berurusan dengan tanah ladang.

Pernah kita menyuarakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pentingnya tanah ladang kalau tidak dikaji dengan sebaik mungkin, ianya boleh menjejaskan keadaan impaknya kepada pembangunan sosial. Kita tahu bagaimana kawasan Kuala Lumpur dan persekitarannya menampung tanah-tanah setinggan yang diakibatkan oleh pecahan-pecahan tanah-tanah ladang di mana sahabat kita kaum India mengatakan kebanyakan kaum India yang sekarang ini bermastautin di kawasan-kawasan tanah setinggan berasal daripada tanah-tanah ladang yang dipecah, yang dibangunkan untuk kepentingan semasa dari segi perumahan, perindustrikan ataupun dari segi tuntutan-tuntutan public interest, dengan izin, semuanya dibuat begitu dan jawatankuasa ini sekarang akan menilai.

Jadi saya mintalah pihak kementerian kalau boleh buat kajian gunakanlah tenaga-tenaga daripada universiti, banyak cerdik pandai kita yang sekarang ini sentiasa menunggu habuan daripada pihak kerajaan supaya mereka ini dikerahkan buat kajian. Apa sahaja perubahan-perubahan yang berlaku kita kaji dari segi impak sosialnya dan gunakan ini supaya kita mengetahui kalau kita pecahkan ladang berpuluh-puluh ribu ekar di utara, selatan, timur dan barat, kita akan menghasilkan displacement, dengan izin, orang-orang yang telah pun dikeluarkan daripada arus pembangunan ladang ini dan mungkin mereka berhijrah ke bandar-bandar dan bandar-bandar mempunyai satu pressure, satu tekanan yang tidak boleh menampung maka wujud kawasan-kawasan setinggan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Aziz, saya tahu Yang Berhormat Dato' masih banyak lagi bahan-bahan untuk dihujahkan. Saya minta ditangguhkan nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat Dewan ini sehingga hari Isnin, 28 Mei 2001, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang.

9 Mei 2001

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- " Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- " Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- " Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- " Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)

- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
Yang Berhormat Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- ” Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- ” Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae,
(Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ Haji Mohamed bin Ya’acob, P.S.M., P.M.K.,
S.P.M.K., Dato’ Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)
- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- ” Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

- " Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- " Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- " Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- " Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- " Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- " Puan See Too Mee (Johor)
- " Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- " To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- " Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- " Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- " Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- " Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Dato' Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

Jilid III

Bil. 11

Khamis

24 Mei 2001

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG-UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001 (Halaman 24)

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2001 (Halaman 83)

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000 (Halaman 102)

